



PROSIDING KONVENSYEN INOVASI

PENDIDIKAN TINGGI ISLAM
DI SABAH 2020

PROSIDING

KONVENSYEN INOVASI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM
SABAH 2020



INSTITUT **P**ENGAJIAN **I**SLAM DAN **D**AKWAH **S**ABAH
(IPDAS)

PROSIDING KONVENSYEN INOVASI PENDIDIKAN TINGGI ISLAM SABAH 2020

Cetakan Pertama, 2021

Hak Cipta Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, 2021

ISBN 978-967-19140-0-7



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit terlebih dahulu.

Sekalung Penghargaan

*kepada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) sebagai perunding untuk menjayakan
Konvensyen Inovasi Pendidikan Tinggi Islam Sabah 2020 khususnya kepada :*

Prof Dr. Rosli bin Ahmad

Prof Madya Dr. Sopian bin Bujang

Prof Madya Dr. Zaimuariffudin Shukri bin Nordin

Prof. Madya Dr. Fitri Suraya binti Mohamad Hapni Joblie

Dr. Siti Mariam binti Abdullah

Dayang Kartini binti Abang Ibrahim

Editor

Dr. Baharudin bin Othman

Jawatankuasa Editor

Mohamad Syafiq bin Abd. Latip

Saeidah Syamielah binti Abd Rahman

Ahmad Nur Amsyar bin Zainal

Halifah binti Ahmad

Pereka Kulit

Mohamad Fitri bin Kamarozaman

Md. Hamizie bin Abdul Kamil

KATA PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, di atas limpah dan kurniaNya, dapatlah kita melaksanakan Konvensyen Inovasi Pendidikan Tinggi Islam Sabah 2020 (KIPTIS) dengan jayanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para fasilitator dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang telah memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dengan penuh dedikasi bagi meningkatkan kemahiran kepada para pensyarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS).

Sesungguhnya, penganjuran program ini menepati matlamat JAKIM untuk memperkasakan program dakwah dan pembangunan insan dalam norma baharu seterusnya melahirkan generasi kepimpinan yang memiliki kualiti ilmu, akhlak dan pegangan akidah yang benar.

Saya juga berharap agar kualiti KIPTIS pada masa depan dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi khususnya dalam membina kesarjanaan para pensyarah. Apatah lagi IPDAS kini mula menerokai bidang-bidang baharu untuk diperkenalkan sesuai dengan keperluan semasa.

Akhir kata, semoga usaha dan titik peluh semua yang terlibat dalam menjayakan KIPTIS dapat keredaan dan keberkatan dari Allah SWT. Saya yakin program sebegini akan sentiasa mendapat sokongan padu dari semua pihak demi kecemerlangan ilmu yang berguna untuk tatapan generasi sekarang dan akan datang.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL AZIZ BIN JUSOH
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



KATA PENGANTAR

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ دان سلامت سبجھترا

Syukur, Alhamdulillah, penganjuran Konvensyen Inovasi Pendidikan Tinggi Islam Sabah 2020 (KIPTIS 2020) telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya. Sesungguhnya penganjuran ini, pasti akan menjadi pendorong dan semangat bagi perancangan dan pelaksanaan siri KIPTIS dan Kursus Eksekutif Pengajaran dan Pembelajaran (ECTL) yang akan datang.

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada para pembentang dan penyelidik yang bukan sahaja telah berjaya menyelesaikan modul akhir ECTL malah telah bersedia berkongsi ilmu dan pengalaman melalui pembentangan yang telah dilakukan sepanjang tempoh KIPTIS 2020.

Tidak juga dilupakan ucapan tahniah dan terima kasih ditujukan kepada para fasilitator dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang telah memberi komitmen yang tinggi bagi menjayakan KIPTIS 2020 dan ECTL ini.

Sememangnya, saya amat menghargai kejayaan program ECTL dan KIPTIS 2020, kerana ia merupakan sumbangan bermakna daripada para pensyarah IPDAS; dari kita untuk kita juga. Program sebegini mempunyai impak yang sangat besar sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada peningkatan profesionalisme dan kemahiran pensyarah itu sendiri. Melalui penganjuran ini, pelbagai objektif dan manfaat dapat dicapai. Bak kata pepatah lama, "Sekali merengkuh dayung, dua tiga pulau terlampau!"

Program sebegini sudah tentu sangat signifikan lebih-lebih lagi dalam mengakulturasikan budaya keilmuan dan keserjanaan di IPDAS. Saya percaya dengan pelaksanaan ECTL selama hampir tujuh (7) bulan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan KIPTIS 2020 secara dalam talian, telah berjaya mencerminkan bagaimana proses menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa didukung dan diberikan ruang sewajarnya oleh IPDAS.



Suka saya nukilkan bahawa tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar kepada semua sektor negara termasuklah sektor pendidikan. Ini adalah kerana kesan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia telah menukar landskap kehidupan dan aktiviti harian manusia dengan nilai hidup norma baharu. Bidang pendidikan khususnya, telah berkembang pesat dan menerjah ke arah penggunaan teknologi secara maksima. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian, pembelajaran fleksibel dan sendiri sangat ditekankan lebih-lebih lagi cabaran capaian internet dan kemahiran sokongan kepada pensyarah amatlah getir dalam usaha menambah kepakaran dan mengubah paradigma menerima norma baharu pendidikan dan cara pembelajaran.

Maka adalah sangat jelas ECTL dan KIPTIS 2020 merupakan satu menifestasi dan formula penyelesaian dalam mendepani cabaran Covid-19, di samping meneruskan iltizam kita untuk menerapkan budaya ilmu berteraskan penyelidikan dan kemahiran pembelajaran serta pengajaran dalam dunia pendidikan semasa. Ironinya, siapa sangka ECTL dan KIPTIS akan menjadi pemangkin kepada perubahan pelaksanaan amalan pendidikan di IPDAS nanti, Insya-Allah.

Sehubungan dengan itu, atas semangat yang demikian, kertas-kertas pembentangan yang telah dibentangkan pada KIPTIS 2020 telah diterbitkan dalam bentuk prosiding. Ini bagi memastikan pengekalan hasil ilmiah yang mana akan terus dapat dirujuk sebagai sebahagian daripada khazanah keilmuan di IPDAS.

Saya juga mengharapkan agar siri ECTL dan KIPTIS yang akan datang, dapat terus diadakan selaras dengan komitmen IPDAS untuk meneruskan program pemerkasaan pendidikan pensyarah. Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ECTL dan KIPTIS2020.

Sekian, terima kasih.

MOHAMAD ZAMRI BIN MOHAMED SHAPIK
Pengarah
Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah

KANDUNGAN

Pengaruh Motif Penggunaan Facebook Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

Mohamad Syafiq bin Abd Latip, Mohamad Rafiee bin Badurus, Dygku Ezharrinna binti Awgku Matarsat, Mohd Ibnu Fakri bin Vermond, Puad Binti Jaragan 1

Kesan Permainan Video Terhadap Tahap Pembelajaran

Abdul Aziz Mokhtar, Khadijah Radzuan, Mohd Hafizi bin Nurodin, Masleha binti Yusof, Siti Aisah binti Kebajikan, Sulaiman bin Nawawi 23

Faktor – Faktor Kesediaan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi dalam Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Saeidah Syamiehlah binti Abd Rahman, Syahrin bin Abdullah, Jainuddin bin Ires, Azizah binti Kauli Bdullah, Mohd Johar bin Japnar 59

Kebolehlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar IPDAS Semasa Pandemik COVID-19

Ahmad Nur Amsyar bin Zainal, Nasliah binti Abdul Nasir, Datu Mohd. Sallehin bin Moksan, Mohd. Shahrozan bin Oton, Azman bin Madusin 109

Isu dan Cabaran Perancangan Penawaran Program Diploma Dakwah Digital di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah

Norjainah binti Jasmin, Siti Farhanah binti Ali Rahman, Azri bin Sikul, Zubair bin Samsidi, Siti Norhafizah bte Rahmat, Muhammad Khaithir bin Othman 136

Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat

Norhikmah binti Masir, Illani binti Zulkifli, Kamariah binti Ahmad, Darmansyah bin Mohd Said, Kamran bin Pasiran, Khairunnisa binti Mohd Hairi 169

Kajian Stres dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah

Mohd Azrulnizam bin Abdullah, Mohd Ikhwan bin Mohammad Saleh, Noorlina binti Saidi@Zali, Rafidah binti Rauf, Zaimatul Nadia binti Anuar 204

Gejala Ponteng Program Pengajian Islam Dan Dakwah : Satu Kajian Tindakan

Jundia binti Ali, Mohd Shalahudin bin Ismail, Jamal Adli bin Ahmad Shukri, Nur Aziera binti Nahar, Muammar bin Hamidin bin Ridwan 222

**PENGARUH MOTIF PENGGUNAAN FACEBOOK
TERHADAP PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS)**

Mohamad Syafiq bin Abd Latip¹, Mohamad Rafiee bin Badurus², Dygku Ezharrinna
binti Awgku Matarsat³, Mohd Ibnu Fakri bin Vermond⁴, Puad binti Jaragan⁵

^{1,2,3} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

^{4,5} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

ABSTRAK

Facebook merupakan laman sosial yang paling popular di Malaysia. Ia adalah perkhidmatan rangkaian sosial dan laman web yang membolehkan pengguna berkomunikasi secara maya antara satu sama lain. Perkembangan Facebook telah mewujudkan fenomena tersendiri di seluruh pelusuk dunia. Kini penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar sudah tidak asing lagi. Begitu juga dengan pelajar di IPDAS Kampus Keningau dan Kampus Kudat yang sememangnya dilahirkan sebagai generasi Z dan dibesarkan dalam suasana serba canggih dan berteknologi. Keperluan penggunaan perisian ini mendatangkan kesan yang tersendiri, baik dari sudut positif mahupun negatif. Oleh itu, satu kajian berkaitan isu ini perlu diketengahkan untuk dikaji agar motif penggunaan perisian ini dalam kalangan pelajar IPDAS dapat dicapai. Hasil dapatan menunjukkan terdapat tiga motif iaitu merasa hebat berteman, mengekalkan maklumat, dan penggunaan Facebook dalam pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kekerapan penggunaan Facebook dan pengaruhnya terhadap pencapaian akademik pelajar.

KATA KUNCI: motif; kekerapan penggunaan Facebook; pengaruh Facebook

PENGENALAN

Pada era globalisasi ini, kemajuan dalam bidang teknologi berkembang dengan pesatnya di negara kita. Kemunculan laman web dan perkhidmatan rangkaian sosial seperti *Facebook* banyak mempengaruhi kehidupan seseorang. Pada awal pengenalan laman jaringan sosial ini, fungsinya dikatakan adalah sebagai alat yang menghubungkan seseorang dengan individu lain. Menurut Ritcher dan Koch (2008), fungsi laman jaringan sosial adalah untuk mengurus identity (*identity management*), mencari pakar (*expert finding*), menyedari konteks (*context awareness*), mengurus kenalan (*contact management*) dan menukar maklumat (*exchange*).

Facebook mula diperkenalkan pada tahun 2004 oleh Mark Zuckerberg, seorang pelajar di Universiti Harvard. Pada awal pengenalan *Facebook*, hanya pelajar Universiti Harvard yang mempunyai e-mail pelajar (*edu.email address*) sahaja boleh mendaftar sebagai pengguna. Selepas dua minggu pertama diperkenalkan kepada umum, seramai 4300 pelajar mendaftar sebagai pengguna. Populariti laman web *Facebook* kemudiannya berkembang ke serata dunia. Kajian-kajian lepas mendapati tujuan utama atau motif penggunaan *Facebook* adalah untuk mengekalkan hubungan, meluangkan masa, menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat, mencari teman (Sheldon, 2008).

Umumnya, perisian *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS sudah menjadi satu kelaziman baik digunakan sebagai medium sosial mahupun sebagai medium pembelajaran. Justeru berpandukan kajian-kajian lepas, kajian ini akan melihat motif dan kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS. Di samping itu, kajian ini juga akan meneliti pengaruh atau kesan penggunaan perisian ini terhadap pencapaian akademik pelajar.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat banyak kajian terdahulu yang melihat kepada motif penggunaan sesuatu media. Urista *et al.*, (2009) mengkaji tentang motif penggunaan *Facebook* dan mendapati beliau menggunakan *Facebook* untuk mendapatkan maklumat tentang orang yang mereka minati tanpa pengetahuan orang tersebut, menghubungi kenalan lama dan membentuk imej peribadi mereka. Selain itu, Lewis dan West (2009) turut

mengkaji motif penggunaan *Facebook* melalui temu bual (*interview*) dan mendapati belia menggunakan *Facebook* kerana dipengaruhi oleh kawan-kawan. Malahan Khe Foon Hew (2010) juga turut menjalankan kajian mengenai motif *Facebook* dari perspektif pelajar dan guru. Kajian beliau telah menggariskan tujuh motif penggunaan *Facebook* iaitu; untuk mengekalkan hubungan, mencari teman baru, keseronokan dan kegembiraan, popular, meluangkan masa, mengekspresikan diri, dan untuk pembelajaran.

Walaupun terdapat banyak kajian yang dijalankan bagi melihat motif penggunaan *Facebook*, kajian ini mengambil motif penggunaan *Facebook* daripada kajian Sheldon (2008) dan Ishii (2008) untuk dijadikan ukuran motif penggunaan *Facebook* oleh pelajar dalam konteks Malaysia. Hasil kajian Sheldon (2008) telah menghasilkan enam motif utama penggunaan *Facebook* dalam kalangan belia iaitu mengekalkan hubungan, meluangkan masa, menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat dan mencari teman. Manakala kajian Ishii (2008) telah menghasilkan empat motif utama penggunaan *Facebook* iaitu mendedahkan diri, mencari teman, mencari maklumat dan menghiburkan. Terdapat persamaan motif di antara kedua-dua kajian tersebut iaitu motif menghiburkan dan mencari teman. Jadi, kajian ini telah mengadaptasi enam motif daripada kajian Sheldon (2008) iaitu mengekalkan hubungan, meluangkan masa, menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat dan mencari teman dan dua motif daripada kajian Ishii (2008) iaitu mendedahkan diri dan mencari maklumat.

Kelapan-lapan motif yang digabung daripada kajian Sheldon (2008) dan Ishii (2008) diambil sebagai pembolehubah kajian ini bagi mengukur motif penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS. Selain itu, kekerapan penggunaan *Facebook* diukur mengikut bilangan kenalan dalam akaun *Facebook* dan jumlah jam penggunaan *Facebook* dalam seminggu. Menurut Lewis dan West (2009), penggunaan bilangan kenalan sebagai pembolehubah bagi mengukur kekerapan penggunaan *Facebook* adalah kerana ia menggambarkan semakin ramai kenalan di *Facebook*, semakin kerap belia menggunakan *Facebook*. Selain daripada itu juga, Sheldon (2008) dan Ellison *et al.*, (2007) telah menggunakan pembolehubah jumlah jam penggunaan *Facebook* untuk mengukur kekerapan penggunaan *Facebook* kerana semakin kerap penggunaan *Facebook* semakin lama jumlah jam penggunaan *Facebook*. Kedua-dua pembolehubah ini telah digunakan bagi mengukur kekerapan penggunaan *Facebook*

dalam kajian ini. Kedua-dua pembolehubah ini diadaptasi daripada kajian Sheldon (2008) dan Ellison *et al.*, (2007).

PERNYATAAN MASALAH

Jika diimbak kembali, pada awalnya media hanya berkembang dengan media cetak dan media elektronik. Tetapi pada masa kini sesungguhnya komunikasi manusia mula berhadapan dengan cabaran untuk membentuk individu yang mempunyai kecairan maklumat yang tinggi dek perubahan arus kemodenan yang begitu pesat. Seseorang individu yang menjadi penyampai maklumat seharusnya memiliki kemahiran dan pengetahuan secukupnya dalam bidang teknologi kerana penyebaran pengetahuan abad ke-21 berkaitan dengan teknologi maklumat. Majoriti daripada pelajar-pelajar IPDAS Kampus Keningau dan Kampus Kudat mempunyai akaun *Facebook* kerana perisian ini telah lama diperkenalkan. Justeru, ada dalam kalangan mereka yang menjadikan perisian ini sebagai satu medium interaksi sosial setelah tamat sesi pembelajaran. Tidak kurang juga ada di kalangan mereka yang merebut peluang ini dengan menjadikan *Facebook* sebagai gedung ilmu menerusi video yang dimuat turun (*download*) dalam perisian berkenaan di samping berkongsi ilmu yang memberi manfaat kepada orang lain.

Selain itu, para pelajar IPDAS sangat aktif menggunakan *Facebook* dalam kehidupan seharian di samping mewujudkan kumpulan-kumpulan *Facebook* bagi tujuan pembelajaran bersama pensyarah. Sebagai seorang ahli akademik, kekerapan dan kesan penggunaan *Facebook* ini dilihat sebagai satu isu serius yang perlu dikaji kerana besar kemungkinan ia akan mendatangkan kesan terhadap akademik pelajar baik dari sudut positif mahupun negatif. Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan agar menjadi panduan dalam pemilihan medium yang sesuai untuk menjalankan proses pembelajaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat tiga objektif utama dalam kajian iaitu:

- i. Untuk mengkaji motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina.

- ii Untuk mengetahui kekerapan penggunaan *Facebook* dan pengaruhnya terhadap akademik pelajar.
- iii. Untuk mengenalpasti motif dan pengaruh penggunaan *Facebook* terhadap akademik pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

Untuk mencapai tujuan dan matlamat kajian, pengkaji akan mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan kajian berikut:

- i. Apakah motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina?
- ii. Berapakah jumlah kekerapan penggunaan *Facebook* dalam sehari serta pengaruhnya terhadap akademik pelajar?
- iii. Apakah kepentingan penggunaan *Facebook* dan pengaruhnya terhadap akademik pelajar?

KEPENTINGAN KAJIAN

Penggunaan *Facebook* pada masa kini bukanlah suatu perkara baru, namun dianggap menjadi kewajipan untuk memiliki akaun perisian tersebut agar dilihat bergerak seiring dengan kemajuan dan peralihan teknologi. Walau bagaimanapun, penggunaan yang diambil dari sudut positif sudah pasti memberikan impak yang baik dan begitulah sebaliknya. Umum mengetahui bahawa perisian ini digunakan untuk menghubungkan seseorang yang berada dalam jarak yang jauh mahupun dekat, dijadikan sebagai medium untuk menjalankan perniagaan dalam talian, dan dijadikan sebagai medium untuk berkongsi maklumat yang mampu mendatangkan manfaat kepada pengguna.

Dalam konteks pelajar IPDAS itu sendiri dilihat bahawa motif dan kekerapan penggunaan perisian ini akan mendatangkan pengaruh dan kesan terhadap akademik mereka, sama ada membantu meningkatkan atau menjejaskan prestasi akademik. Jika kajian ini tidak dilaksanakan, maka ahli akademik tidak akan mengetahui faktor kejayaan atau kegagalan seseorang pelajar tersebut. Oleh itu, kajian seumpama ini harus dilaksanakan dan diteruskan demi kemaslahatan bersama.

DEFINISI ISTILAH

Bagi memastikan kajian yang dijalankan ini menepati maksud yang ditetapkan, maka beberapa definisi utama dijelaskan seperti berikut:

Facebook:

Perkhidmatan rangkaian sosial dan laman web yang membolehkan pengguna berkomunikasi secara maya antara satu sama lain.

Motif penggunaan:

Sebab (tujuan) yang mendorongkan seseorang melakukan sesuatu atau bertindak menggunakan sesuatu.

Kekerapan:

Keadaan kerap, kerapnya berlaku sesuatu, keseringan.

HIPOTESIS DAN KERANGKA KAJIAN

Dalam kajian ini, beberapa hipotesis utama telah dibentuk iaitu;

Hipotesis 1:

Terdapat perbezaan yang signifikan motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina.

Hipotesis 2:


Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan penggunaan *Facebook* terhadap akademik pelajar.

Hipotesis 3:

Terdapat pengaruh positif bagi motif penggunaan *Facebook* terhadap pencapaian akademik.

KERANGKA KAJIAN

Bagi menerangkan secara menyeluruh berkenaan dengan kajian yang dijalankan, maka kerangka konsep telah dibentuk sebagai panduan asas sebagaimana ditunjukkan dalam Rajah 1. Dengan ini, kajian yang dihasilkan dapat menerangkan elemen motif penggunaan *Facebook* sebagai faktor perkaitan terhadap prestasi akademik pelajar. Rantaian pemboleh ubah bersepadu digunakan melalui gabungan pemboleh ubah motif penggunaan *Facebook* sebagai pemboleh ubah bebas dan prestasi akademik pelajar sebagai pemboleh ubah bersandar.



METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kuantitatif secara survei. Sasaran kajian terdiri daripada pelajar Semester Satu Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah seramai 43 orang dan pelajar Semester Tiga Diploma Dakwah Islamiyyah seramai 77 orang menjadikan jumlah sasaran kajian seramai 120 orang.

Manakala instrumen pengumpulan data adalah melalui borang soal selidik. Ini dipersetujui oleh Dul dan Hak (2008) mendapati teknik pengumpulan data dengan menggunakan soal selidik adalah sesuai dan praktikal digunakan kerana penyelidik mempersembahkan data dalam bentuk nombor. Borang soal selidik ini terdiri daripada

tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan dengan demografi responden, Bahagian B berkaitan kekerapan penggunaan *Facebook*. Bahagian C berkaitan motif penggunaan *Facebook* dan Bahagian D berkaitan kesan penggunaan *Facebook* terhadap akademik pelajar.

Data dianalisis untuk melihat frekuensi bagi setiap soalan. Analisis akan menggunakan kaedah Analisis Deskriptif Frekuensi menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Deskriptif Sampel Kajian

Bahagian ini menggunakan analisis statistik deskriptif bagi menjelaskan ciri-ciri demografi terpilih sampel kajian yang merangkumi profil responden meliputi aspek jantina, tahun pengajian, program yang diikuti, tahun pengajian, umur, pendapatan isi rumah, pemilikan akaun *Facebook*, dan CGPA akhir Purata Nilai Gred Kumulatif. Analisis taburan responden mengikut demografi ditunjukkan dalam Jadual 1.

Dapatan menunjukkan jumlah responden kajian ini adalah seramai 118 orang pelajar (100%) yang terdiri daripada lelaki sebanyak 41.9% dan perempuan iaitu sebanyak 58.1%.

Responden yang mengambil program Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah adalah sebanyak 35.6% manakala Diploma Dakwah Islamiyah sebanyak 64%. Bagi pusat pengajian responden di IPDAS Kampus Keningau, sebanyak 64.4% telah memberi maklum balas manakala IPDAS Kampus Kudat pula sebanyak 36.6%.

Berdasarkan kepada tahap umur responden, majoriti tahap umur responden berada di bawah 20 tahun iaitu sebanyak 62.7%, umur 20-25 tahun sebanyak 33.9%, manakala umur 26-30 tahun tidak berkaitan.

Dapatan data yang diperolehi berkaitan pendapatan isi rumah, hasil menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah pelajar di bawah RM1000 adalah sebanyak 50.4%,

pendapatan RM1001-RM2000 sebanyak 29.9%, pendapatan RM2001-RM 4000 sebanyak 12%, manakala pendapatan kurang RM4001 sebanyak 7.7%.

Di samping itu, majoriti daripada pelajar memiliki akaun *Facebook* dengan jumlah peratus sebanyak 94.9% manakala 5.1% tidak memiliki akaun *Facebook*.

Bagi pencapaian akademik pula, CGPA akhir Purata Nilai Gred Kumulatif, dapatan menunjukkan kebanyakan daripada responden berada pada mata nilai 2.6-2.9 iaitu sebanyak 38.2%, dan paling sedikit adalah pada tahap mata nilai 3.5-4.0 sebanyak 21.4%. Tahap pencapaian CGPA penggunaan *Facebook* tidak mengganggu prestasi akademik pelajar.

Jadual 1. Taburan responden mengikut demografi

Demografi	Kategori	Bilangan responden	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	49	41.5
	Perempuan	69	58.5
Tahun Pengajian	Tahun 1	43	36.4
	Tahun 2	61	51.7
	Tahun 3	14	11.9
Program	Dip. Dakwah Islamiyyah	76	64.4
	Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah	42	35.6
Pusat Pengajian	IPDAS Kampus Keningau	76	64.4
	IPDAS Kampus Kudat	42	35.6
Umur	20 - 25 tahun	40	33.9
	26-30 tahun	4	3.4
	< 20 tahun	74	62.7
Pendapatan Isi Rumah	> RM4001	9	7.6
	RM2001 – RM4000	15	29.7
	RM1001 – RM2000	35	39.4
	< RM1000	59	50.0

Pemilikan Akaun FB	Memiliki Akaun FB	112	94.9
	Tidak Memiliki Akaun FB	6	5.1
CGPA Akhir	2.0 – 2.5	2	1.7
	2.6 – 2.9	13	11.0
	3.0 – 3.4	34	28.8
	3.5 – 4.0	25	21.2
	Tidak Berkaitan	44	37.3

Analisis Inferensi

Hipotesis 1: Terdapat perbezaan yang signifikan motif bagi penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina.

Bagi menjawab objektif pertama, Ujian-t digunakan untuk menentukan perbezaan motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina ($t = -1.887$, $p < 0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis 1 yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan motif bagi penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina adalah ditolak.

Jadual 2: Keputusan analisis perbezaan yang signifikan motif bagi penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina (n=118)

Pemboleh ubah	Kategori	N	Min	S.P	df	t	P
Motif	Lelaki	49	2.765	0.8295	116	-1.887	.328
	Perempuan	69	3.045	0.7662		-1.862	

* $p < 0.05$

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan penggunaan *Facebook* terhadap akademik pelajar.

Terdapat tiga komponen utama yang dinyatakan dalam soal selidik berkenaan isu kekerapan penggunaan aplikasi *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS iaitu,

bilangan kenalan, pengalaman penggunaan aplikasi *Facebook* dan jumlah jam penggunaan dalam sehari. Ketiga-tiga komponen tersebut adalah bersesuaian dengan kenyataan Sheldon (2008) dan Ellison *et al.*, (2007) yang mana mereka telah menggunakan pembolehubah jumlah jam penggunaan *Facebook* untuk mengukur kekerapan penggunaan *Facebook* kerana semakin kerap penggunaan *Facebook* semakin lama jumlah jam penggunaan *Facebook*.

Komponen pertama adalah berkenaan bilangan kenalan dalam akaun *Facebook*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah terbesar dalam komponen ini adalah dalam kelompok yang mempunyai 500 orang dan ke bawah kenalan dalam akaun *Facebook* iaitu sebanyak 59%. Manakala kelompok selebihnya adalah 500-1000 orang kenalan sebanyak 17.9%, 1001-3000 orang kenalan sebanyak 16.2% dan kelompok 3001-5000 orang kenalan adalah sebanyak 6.8%. Jika dilihat statistik bilangan kenalan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS ini, ia memberi dua jawapan utama kepada kajian ini iaitu; Pertama, adalah kekerapan penggunaan aplikasi *Facebook* dalam kalangan pelajar masih di tahap yang terkawal kerana tidak ramai yang mempunyai kenalan melebihi 1000 orang. Perkara Kedua, penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS ini bukanlah semata-mata untuk mencari populariti dengan adanya kenalan yang ramai. Kedua jawapan atau kenyataan tersebut akan menentukan bagaimana pencapaian akademik setiap individu pelajar berkenaan terutamanya pada kelompok ramai yang hanya mempunyai 500 orang dan ke bawah kenalan *Facebook*.

Dapatan kajian berkenaan komponen pengalaman penggunaan aplikasi *Facebook* pula adalah sebagaimana yang dibincangkan berikut. Kelompok terbesar dalam komponen ini adalah pengalaman penggunaan *Facebook* selama tujuh tahun iaitu 32.5%. Manakala kelompok kedua terbesar adalah pengalaman penggunaan *Facebook* selama dua tahun ke bawah iaitu 29.9%, diikuti dengan kelompok yang ketiga iaitu pengalaman selama dua hingga empat tahun iaitu 20.5% dan kelompok terakhir adalah pengalaman selama lima hingga enam tahun iaitu 17.1%. Berdasarkan dapatan kajian ini, maka dapatlah dinyatakan dengan keseimbangan jumlah dapatan antara jarak tahun tersebut ia menggambarkan bahawa pelajar IPDAS sememangnya sudah lama berkecimpung dalam dunia maya melalui aplikasi *Facebook* ini namun kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar masih di tahap terkawal. Hal ini dibuktikan dengan kesinambungan dapatan kajian bahawa tidak ramai yang mempunyai kenalan *Facebook* melebihi 1000 orang. Sekiranya dapatan kajian

berkenaan bilangan kenalan lebih ramai yang berpihak kepada melebihi 1000 orang, maka sudah pasti ia menunjukkan bahawa kekerapan pelajar IPDAS menggunakan aplikasi *Facebook* ini adalah sangat kerap kerana mereka boleh mencapai kenalan mencecah 1000 orang bahkan lebih dari jumlah tersebut.

Komponen ketiga adalah berkenaan jumlah jam yang digunakan. Kelompok jumlah terbesar dalam dapatan kajian ini adalah selama satu jam dan ke bawah iaitu sebanyak 65%. Manakala kelompok kedua adalah selama dua hingga empat jam iaitu 29.1%, manakala lima hingga enam jam dan tujuh jam ke atas adalah masing-masing 0%. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa kekerapan penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar IPDAS masih berada di paras rendah dan terkawal. Ia dilihat daripada kelompok terbesar tempoh masa penggunaan Facebook dalam kalangan pelajar IPDAS iaitu hanya selama satu jam dan ke bawah sebanyak 65% melebihi separuh jumlah responden kajian ini. Keseluruhan menunjukkan kekerapan pelajar IPDAS dalam menggunakan aplikasi *Facebook* adalah berada di tahap yang rendah serta boleh dikawal. Dalam erti kata lain, pelajar tidak menjadikan aplikasi *Facebook* ini sebagai sesuatu yang utama dalam kehidupan harian mereka. Rutin dan jadual kehidupan harian sebagai seorang pelajar masih tersusun tanpa gangguan penggunaan aplikasi *Facebook* yang amat kerap sehingga boleh menjejaskan kitaran aktiviti harian sebagai seorang pelajar.

Bagi menjawab objektif kedua, Ujian Anova digunakan untuk menentukan perbezaan motif penggunaan *Facebook* berdasarkan kekerapan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi motif penggunaan Facebook berdasarkan kekerapan ($F=2.145$, $p<0.05$). Oleh yang demikian, hipotesis 2 yang menyatakan terdapat perbezaan yang signifikan motif bagi penggunaan *Facebook* berdasarkan kekerapan adalah diterima sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Keputusan analisis perbezaan yang signifikan motif bagi penggunaan *Facebook* berdasarkan kekerapan (n=118)

Kategori	<i>Sum of Squares</i>	<i>df</i>	<i>Mean Square</i>	<i>F</i>	<i>Sig</i>
<i>Between Groups</i>	13.135	18	0.730	2.145	0.009
<i>Within Groups</i>	33.678	99	0.340		
Jumlah	46.814	117			

*p<0.05

Hipotesis 3: Terdapat pengaruh positif bagi motif penggunaan *Facebook* terhadap pencapaian akademik

Motif boleh ditakrifkan sebagai tujuan atau matlamat. Menurut Papacharissi dan Rubin (2000) motif adalah salah satu komponen penting dalam aktiviti audien dan mempengaruhi tindakan seseorang individu. Bagi motif penggunaan *Facebook*, pengkaji menyenaraikan enam motif/faktor yang diadaptasi daripada kajian yang dijalankan oleh Sheldon (2008) dan Ishii (2008) iaitu merasa hebat berteman, menghiburkan, mengekalkan hubungan, mengekalkan maklumat, menyertai komuniti maya. Pengkaji membuat satu penambahan motif iaitu penggunaan *Facebook* dalam pendidikan. Analisis regrasi digunakan bagi setiap motif dan keputusan menunjukkan terdapat tiga motif yang signifikan iaitu motif pertama (merasa hebat berteman), motif keempat (mengekalkan maklumat), dan motif keenam (penggunaan *Facebook* dalam pendidikan). Keputusan ujian adalah ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Keputusan analisis regresi pengaruh pengaruh bagi motif penggunaan Facebook terhadap pencapaian akademik

Pemboleh ubah	β	t	P
<u>Pemboleh Ubah Tidak Bersandar</u>			
Merasa hebat berteman	.144	2.001	.048*
Menghiburkan	-.087	-1.381	.170
Mengekalkan hubungan	.048	.737	.462
Mengekalkan maklumat	.146	2.066	.041*
Menyertai komuniti maya	.028	.416	.678
Menggunakan untuk pendidikan	-.164	-2.003	.048*
R		.392	
R ²		.154	
Perubahan R ²		.108	
Perubahan signifikan F		.004	
Nota : *p<0.05, **p<0.01			

Berdasarkan kepada keputusan ujian analisis pengaruh merasa hebat berteman, menghiburkan, mengekalkan hubungan, mengekalkan maklumat, menyertai komuniti maya dan menggunakan untuk pendidikan nilai R² menunjukkan 0.154 iaitu menerangkan bahawa 15.4% pencapaian akademik diterangkan oleh merasa hebat berteman, mengekalkan maklumat dan menggunakan untuk pendidikan. (R² =0.154; F=3.363; p<0.05). Model ini menunjukkan hubungan yang bererti. Berdasarkan nilai (β) dalam Jadual 4, keputusan kajian membuktikan sumbangan yang signifikan adalah hanya tiga peramal iaitu merasa hebat (M1)[β = 0.144, t = 2.001, p = 0.048], mengekalkan maklumat (M4) [β = 0.146, t = 2.066, p = 0.041] dan peramal menggunakan untuk pendidikan [β = -.164, t = -2.003, p = 0.048] terhadap pencapaian akademik pelajar. Berpandukan kepada nilai (β) juga, keputusan mendapati faktor mengekalkan maklumat (0.146) mempunyai kesan yang tinggi kepada pencapaian akademik diikuti merasa hebat (0.144) dan menggunakan untuk pendidikan (-.164).

Faktor pertama dilabel sebagai merasa hebat berteman. Faktor ini adalah gabungan dua motif iaitu motif merasa hebat dan mencari teman. Terdapat enam pernyataan yang digabungkan dalam motif ini iaitu ia membuatkan saya berasa hebat dalam kalangan kawan-kawan, ia adalah hebat, menghilangkan kerisauan saya, untuk mengurangkan rasa kesunyian, tiada orang untuk bercakap, dan saya tidak akan keseorangan. Faktor ini menyokong dapatan kajian oleh Sheldon (2008) yang memfokuskan kepada merasa hebat dan berteman.

Faktor empat dilabel sebagai mengekalkan maklumat. Faktor ini terdiri daripada empat pernyataan yang digabungkan iaitu untuk mendapat idea baru, untuk mengetahui apa yang berlaku di seluruh dunia, untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat di media lain, dan untuk menyelesaikan masalah harian dan masalah kehidupan.

Faktor keenam pula dilabel sebagai penggunaan *Facebook* dalam Pendidikan yang menggabungkan lima pernyataan iaitu ia sangat memudahkan, saya menyambut baik peluang untuk berhubung, *Facebook* untuk tujuan peribadi bukan Pendidikan, hak peribadi (privasi) saya akan diceroboh, dan saya tidak kisah. Motif ini merupakan penambahan daripada pengkaji dengan mengekalkan motif yang diperkenalkan oleh Sheldon dan Ishii (2008).

PERBINCANGAN

Umum mengetahui bahawa *Facebook* merupakan salah satu alternatif dan pilihan dalam menghubungkan masyarakat di dalam dunia siber. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat kesan yang positif di sebalik penggunaan *Facebook* ini seperti impaknya terhadap akademik pelajar. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mendapat kesinambungan motif penggunaan *Facebook* dan pengaruhnya terhadap pelajar. Kajian ini diadaptasi daripada kajian Sheldon (2008) dan Ishii (2008) berkaitan motif penggunaan *Facebook*. Menurut kajian Sheldon (2008), enam motif penggunaan *Facebook* adalah mengekalkan hubungan, meluangkan masa, menyertai komuniti maya, menghiburkan, merasa hebat dan mencari teman. Manakala kajian Ishii (2008) motif penggunaan *Facebook* adalah merujuk kepada mendedahkan diri dan mencari maklumat. Motif-motif inilah yang diadaptasi ke dalam kajian kali ini menumpukan

kepada kesannya terhadap akademik pelajar IPDAS. Enam motif telah diuji ke atas pelajar IPDAS iaitu merasa hebat berteman, menghiburkan, mengekalkan hubungan, mengekalkan maklumat, menyertai komuniti maya, dan penggunaan *Facebook* dalam pendidikan.

Ujian *t* yang dijalankan bagi melihat motif penggunaan *Facebook* berdasarkan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara mereka. Hal ini menunjukkan bahawa motif penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS adalah sama sahaja. Masing-masing antara mereka menjadikan keenam-enam motif itu punca kepada penggunaan *Facebook*.

Hasil ujian Anova bagi menilai kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan kekerapan penggunaan *Facebook* terhadap pencapaian akademik pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa kekerapan penggunaan *Facebook* adalah berdasarkan kepada motif yang dinyatakan sebelum ini iaitu merasa hebat berteman, menghiburkan, mengekalkan hubungan, mengekalkan maklumat, menyertai komuniti maya, dan penggunaan *Facebook* dalam pendidikan.

Akhirnya, hasil dapatan melalui ujian regresi pelbagai menunjukkan motif merasa hebat berteman, mengekalkan maklumat dan penggunaan *Facebook* dalam pendidikan menjadi penyumbang tertinggi kepada kekerapan penggunaan *Facebook* dalam kalangan pelajar IPDAS. Melalui dapatan tersebut dapat dibuktikan bahawa kesan *Facebook* kepada pencapaian akademik pelajar menunjukkan tanda yang positif.

IMPLIKASI KAJIAN

Hasil dari dapatan kajian secara keseluruhan didapati bahawa motif penggunaan *Facebook* pelajar di IPDAS adalah berkait dengan motif pertama, motif keempat dan motif keenam iaitu merasa hebat berteman, mengekalkan maklumat dan menggunakan bagi tujuan pendidikan. Selain itu juga, pengaruh antara motif kepada

pencapaian akademik pelajar menunjukkan nilai *R. Square* 0.154 dengan peratus 15.4% . Oleh itu, penggunaan *Facebook* tidaklah terlalu memberi kesan langsung kepada kecemerlangan seseorang pelajar, malah jika diamati motif penggunaan *Facebook* adalah bersifat mencari ilmu dan menjalinkan silaturrahim. Ini secara langsung menafikan bahawa pelajar yang kerap bermain *Facebook* menatijahkan kegagalan dalam pembelajaran pelajar. Melihat dari tren ini, penggunaan *Facebook* di IPDAS adalah positif dan ini akan memberikan platform kepada institusi untuk menerobos peluang yang lebih luas dalam ruangan *Facebook* demi manfaat dan kecemerlangan pelajar.

Manfaat penggunaan *Facebook* ini mungkin boleh dibantu dan disokong dengan latihan bersesuaian bagi mengoptimumkan penggunaan *Facebook* dalam pendidikan kepada pelajar dan pensyarah. Pada masa ini juga, melalui IPDAS, aspirasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk melebarkan risalah dan menyantuni ummah dapat direalisasikan, bukan sahaja melalui penghasilan *rijal al-dakwah* tetapi juga siber dakwah yang akan mengharmonikan dan meninggikan syiar Islam di alam maya. Ini dapat dilaksanakan dengan memperkayakan sumber maklumat dalam media sosial dengan bahan pengajaran sama ada melalui pembentukan *group*, *page*, video, poster dan lain-lain. Usaha-usaha ini diharapkan akan menjadi batu asas kepada IPDAS untuk memperkenalkan Diploma Dakwah Digital/ Kreatif di masa akan datang.

CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

Kajian akan datang perlulah memperkembangkan skop kajian ini dengan mengambilkira perkara-perkara berikut; Pertama, media sosial yang lain seperti Tik Tok, Twitter dan Instagram yang mempunyai lebih pengaruh kepada generasi Y dan Z. Kedua, mengkaji kumpulan pelajar yang lain khususnya di institusi pengajian seperti Maahad Tahfiz, Kolej Vokasional, Institut Latihan Kemahiran dan Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.

LIMITASI KAJIAN

Sasaran kajian hanya melibatkan pelajar IPDAS sahaja di mana responden terdiri daripada pelajar Semester Tiga Diploma Dakwah Islamiyyah dan Semester Satu Sijil

Asas Pengajian Islam dan Dakwah. Untuk dapatan kajian yang lebih baik, semua pelajar IPDAS boleh diambil sebagai responden.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil dapatan pengaruh positif bagi motif yang diuji menunjukkan bahawa terdapatnya pengaruh positif bagi tiga motif berikut iaitu merasa hebat berteman, mengekalkan maklumat dan penggunaan *Facebook* dalam pendidikan terhadap pencapaian akademik pelajar IPDAS. Justeru, tidak hairanlah jika pelajar IPDAS menjadikan *Facebook* sebagai salah satu medium pembelajaran pada abad kini. Walaubagaimanapun, ahli akademik perlu sentiasa peka terhadap tahap kekerapan penggunaan para pelajar agar ia tidak mewujudkan bibit-bibit negatif yang mampu merosakkan minda mereka.

RUJUKAN

- Allya Cassandra, Alfred Chan, ferlis, Chua Bee Seok, Jasmine Adela dan Lailawati (2014). *Fenomena Ketagihan Facebook dan Keengganan Berkomunikasi Secara Bersemuka dalam Kalangan Remaja*. Universiti Malaysia Sabah
- Dul, J. dan Hak, T. (2008). *Case Study Methodology In Business Research*. British: Elsevier Ltd.
- Ellison, N. B., Steinfield, C. dan Lampe, C. (2007). *The benefits of Facebook "friends:" Social capital and college students' use of online social network sites*. Journal of Computer-Mediated Communication. 12 (4)
- Faridanura Abdullah (2014). *Penggunaan Laman Rangkaian Sosial (Facebook) Dalam Kalangan Guru: Motif dan Kesannya*. Universiti Teknologi Malaysia
- Harley Azizee (2018). *Penggunaan Facebook dan Jalinan Hubungan Dengan Pembentukan Identiti*. Universiti Utara Malaysia
- Ishii, K. (2008). *Uses and Gratifications of Online Communities in Japan*. University of Tsukuba JAPAN
- Khe Foon Hew (2010). *Students' and teachers' use of Facebook*. Computers in Human Behaviour. 27, 662-676.
- Mohd Aziz Shah, Irna, Wan Rosni, Siti Noratikah dan Juwita Sayang (2013). *Strategi Menangani Ketagihan Penggunaan Facebook dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes*. Jurnal Personalita Pelajar 16

- Mohd Zaidi dan Bahiyah (2013). *Motif dan Kekerapan Penggunaan Facebook Dalam Kalangan Pelajar Universiti*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication
- Noresah Baharom (2010). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Selangor: Dawama Sdn Bhd
- Papacharissi, P. dan Rubin, A. (2000). *Predictors of internet use*. Journal of Broadcasting & Electronic Media, 44 (2), 175.
- Ritcher, A. dan Koch, M. (2008). *Functions of Social Networking services*. COOP'08: the 8th International Conference on the Design of Cooperative Systems. Cooperation System Center Munich (CSCM).
- Ruggiero, T. (2000). *Uses and gratifications theory in the 21st century*. Journal of Mass Communication dan Society. 3 (1), 3-37.
- Sheldon, P. (2008). Students Favorite: *Facebook and Motives for its Use*. Southern Mass Communication Journal Spring. 39-53.
- Urista, M. A., Dong, Q., dan Day, K. (2009). *Explaining why young adults use Myspace and Facebook through uses and gratifications theory*. Human Communication, 12(2), 215-229.
- West dan L. H. Turner (2004). *Introducing Communication Theory: Analysis and Application*, (2nd Ed). NY. McGraw-Hill, NY.

KESAN PERMAINAN VIDEO TERHADAP TAHAP PEMBELAJARAN

Abdul Aziz Mokhtar¹, Khadijah Radzuan², Mohd Hafizi Nurodin³, Masleha binti Yusof⁴,
Siti Aisah Kebajikan⁵, Sulaiman bin Nawawi⁶

^{1,2,3} Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Keningau

^{4,5,6} Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran pelajar semester empat Sijil Pengajian Islam dan Dakwah (SPID) Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Seramai 48 orang terlibat di dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah analisis deskriptif dengan mencari nilai peratus dan min bagi objektif kajian yang ditentukan. Soal selidik digunakan untuk memungut data daripada pelajar. Kajian menunjukkan kecenderungan bermain permainan video dalam kalangan pelajar semester empat SPID adalah pada tahap sederhana setelah menilai corak bermain yang kurang agresif atau berlebihan. Maka, kajian mendapati kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran juga pada tahap yang sederhana. Hasil kajian ini diharap akan membantu perancang, agen perubahan dan pelaksana kurikulum di peringkat kementerian, negeri, daerah, dan organisasi pendidikan yang bertanggungjawab terhadap IPDAS untuk menjalankan tindakan susulan dan program yang lebih sesuai untuk memenuhi kehendak dan keperluan pendidikan yang kian mencabar kini.

KATA KUNCI : *permainan video, tahap pembelajaran*

PENGENALAN

Transformasi pendidikan secara permisif telah mengalami kemasukan bertali arus teknologi sebagai medium kontemporari dalam dunia pendidikan pada zaman moden ini. Permainan video merupakan salah satu elemen yang telah dibawa hasil daripada pembangunan teknologi di seluruh dunia. Sudah pasti permainan video ini turut mengubah landskap pendidikan alaf baru. Buktinya, kerajaan amat mendukung penggunaan teknologi dalam pendidikan negara dengan memperkenalkan pendidikan abad ke-21 serta menyambut baik Revolusi Perindustrian 4.0. Biarpun tidak dinafikan integrasi permainan video ke dalam sistem pendidikan dilihat berupaya mengundang pelbagai elemen kebaikan, namun demikian dari sudut yang lain terdapat juga pelbagai kesan sampingan yang negatif sewajarnya tidak diketepikan. Sebagai contohnya, berlaku kepincangan jaringan sosial hasil daripada penggunaan teknologi yang berlebihan dan sistem kawalan yang tidak betul (Hairol, Ahmad, Noor, Nur Muizz dan Intan, 2014). Senario ini bukan sahaja menjadi fokus perbincangan ahli akademik, bahkan masyarakat juga mula menunjukkan kebimbangan mereka terhadap wujudnya ketaksuban dalam kalangan pelajar yang begitu leka menggunakan teknologi sehingga menjejaskan rantaian sosial dalam keluarga serta masyarakat (Hairol *et.al*, 2014).

Menurut Hairol *et al.*, (2014), pembelajaran berasaskan permainan video merujuk kepada suatu integrasi kandungan pendidikan dan permainan komputer yang memungkinkan gabungan permainan komputer dan video dengan pelbagai kandungan pendidikan untuk mencapai keputusan yang baik atau lebih baik. Dalam kajian ini, permainan video merujuk kepada sistem jenis konsol, komputer peribadi, sistem kawalan tangan (*hand-held systems*) dan permainan on-line dalam internet yang bertujuan untuk menghasilkan hiburan kepada pengguna dan juga pemainnya (Wardhani dan Fahrudin, 2019). Antara permainan video termasuklah Nintendo NES, Super NES, Nintendo 64, Sony Playstation X, Sony Playstation 2, Sega, Mega Drive, Sega Saturn Alternately, X-Box termasuk permainan menggunakan telefon bimbit serta android seperti Mobile Legend, PUBG dan PES.

KAJIAN LITERATUR

Menurut kajian Wardhani dan Fahrudin (2019), permainan video secara berlebihan boleh menyebabkan ketagihan. Mereka mendapati ketagihan pada permainan video mempunyai persamaan dengan ketagihan terhadap alkohol, perjudian, nikotin dan heroin. Bahkan, kajian mereka mendapati ketagihan mendorong beberapa pengaruh negatif seperti interaksi dan sosialisasi dengan rakan-rakan sebaya menjadi semakin berkurang. Bukan itu sahaja, pelajar-pelajar yang meluangkan masa bermain lebih daripada satu jam cenderung untuk mengabaikan tugas atau kerja rumah yang diberikan.

Walau bagaimanapun, kajian mereka juga mendapati permainan video juga mampu memberikan pengaruh yang baik terhadap perkembangan motorik otak para pelajar. Permainan yang bertemakan pengurusan, simulasi, strategi dan teka-teki membuktikan peningkatan daya berfikir serta kognitif para pelajar dalam menyelesaikan sesuatu isu atau permasalahan di samping membantu perkembangan sosial.

Manakala menurut kajian Naquiah, Sahrudin, Dharsigah, Nurhidayu dan Abdul Hafiz (2018) mendapati permainan video mampu meningkatkan daya komunikasi pelajar yang sememangnya membantu dalam meningkatkan prestasi akademik seseorang. Kajian ini turut dipersetujui oleh Dewar (2018) yang menyatakan pelajar yang gemar bermain menggunakan mod *single-player gaming* akan menunjukkan tahap pembelajaran yang lebih baik berbanding pelajar yang gemar bermain *multi-player gaming*. Dewar (2018) menjelaskan perkara ini berlaku disebabkan pelajar yang gemar bermain secara individu dapat membahagikan masa untuk membaca sehingga mereka mampu mempelajari banyak perkataan baharu, kosa kata, susunan ayat dan seumpamanya. Malah, hasil kajian mereka mendapati otot-otot tangan pelajar menjadi lemah kerana sering tiada latihan dan rangsangan motor serta aktiviti menulis menggunakan pensel di atas kertas.

Satu lagi kajian yang dijalankan oleh Widiarsa (2018) mendapati simulasi yang terdapat di dalam permainan video boleh menggalakkan pembelajaran untuk diadaptasi di dalam situasi kehidupan sebenar. Perkara ini dilakukan dengan menjadikan permainan video sebagai alat bantu untuk tugas serta amalan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bukan itu sahaja, kajian ini mendapati permainan video mampu membekalkan input yang berinformatif dengan menggalakkan pelajar membina perspektif baru terhadap bidang ekonomi, sejarah, politik, sosiologi dan kebudayaan. Di samping itu, pelajar juga boleh memproses maklumat-maklumat yang relevan menerusi proses reflektif dan meta-kognitif apabila pelajar menyelesaikan misi-misi yang berskala tinggi di dalam permainan video (Khalil, Sultana, Alim, Muzammil, Nasir, Hassan dan Mahmood, 2019).

Dalam kajian Wakil, Omer dan Omer (2017), permainan video dikatakan mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik. Dengan terdapatnya elemen audio dan visual di dalam permainan video, maka minat belajar dapat dirangsang dengan baik. Walau bagaimanapun, kajian ini bersetuju bahawasanya bermain secara berlebihan akan memberi pengaruh yang negatif terhadap prestasi akademik pelajar. Hal ini demikian kerana kajian mereka mendapati pelajar yang meluangkan masa bermain lebih daripada tiga jam sehari mengalami penurunan GPA manakala pelajar yang bermain satu hingga tiga jam sehari tidak mengalami penurunan GPA. Kebanyakan pelajar yang bermain permainan video disebabkan mereka bersendirian di rumah dan selebihnya disebabkan kebiasaan, pengaruh rakan sebaya dan mencari keseronokan (Cortes, Alcalde dan Camacho, 2012).

Menurut Borgonovi (2016) pula, permainan video telah meningkatkan tahap pembacaan pelajar. Dalam kajian tersebut, pelajar lemah yang didedahkan dengan permainan video akhirnya menunjukkan prestasi membaca yang lebih baik jika dijalankan menggunakan komputer dibandingkan dengan ujian yang dijalankan di atas kertas. Beliau turut menambah keadaan ini cenderung berlaku ke atas pelajar yang bermain menggunakan mod *single-player* disebabkan mereka lebih berdisiplin untuk menepati masa bermain dan kurang dipengaruhi dengan hiburan yang cukup melalaikan seperti yang terkandung di dalam mod *multi-player*..

Saghir (2016) menyatakan permainan video sebenarnya mampu memperkembangkan cabaran, rasa ingin tahu, kerjasama kumpulan serta meningkatkan kemahiran interpersonal dalam kalangan pelajar. Ini kerana permainan video masa kini mampu digunakan sebagai model untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menarik di samping menyediakan tugas yang lebih mencabar, mendorong pencapaian matlamat yang lebih jelas serta menggalakkan penilaian yang lebih sistematik. Akhirnya, kognitif pelajar juga turut berkembang dengan rangsangan yang diterima pada bahagian otak seperti *attention allocation*, *spatial resolution in visual processing* dan *high mental rotation abilities*. Dalam masa yang sama juga, pelajar akan lebih bersedia untuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran terutamanya bagi pelajar yang lemah disebabkan kepelbagaian sumber ilmu yang boleh didapati melalui permainan video (Saghir, 2016). Walau bagaimanapun, Saghir bersetuju dengan pendapat fundamental yang menyatakan corak permainan yang melampau dan berlebihan akan menjejaskan tahap pembelajaran seseorang kerana sikap malas belajar boleh terbentuk.

PENYATAAN MASALAH

Permainan video yang berkembang pesat beberapa tahun kebelakangan ini telah membawa kepada penggunaan pelbagai peralatan elektronik serta peranti sokongan lain secara meluas kepada generasi masa kini. Jika sebelum ini pendidikan agama serta penerapan nilai-nilai moral dan kemanusiaan berlaku menerusi hasil didikan ibu bapa, orang tua dan tenaga pengajar di sekolah (Nurul Huda, 2011) dan (Febriyanto *et.al*, 2012). Namun pada masa kini, kajian Naquih *et.al*, (2018) mendapati bahawa kehidupan sekarang banyak dipengaruhi oleh teknologi moden menerusi permainan video yang mana akhirnya masyarakat mula terbudaya dengan penerapan ideologi, fesyen serta nilai yang dibawa oleh arus tersebut (How Lee Chan, 2007). Menurut Naquih *et.al* (2018), secara purata pelajar menghabiskan masa selama lapan jam sehari untuk bermain permainan video yang berunsurkan hiburan. Pelajar-pelajar di Malaysia menghabiskan masa selama sembilan belas jam seminggu, sedangkan ibu bapa menyangka mereka bermain permainan video selama sebelas jam. Apa yang lebih mengejutkan kajian oleh Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa pada tahun 2013 menunjukkan bahawa Malaysia mencatatkan jumlah warga digital keempat tertinggi di dunia, dan hampir 75% daripada belia di Malaysia merupakan warga digital

(Naquih *et.al*, 2018). Terdapat juga kes yang melibatkan kematian apabila laporan pada tahun 2014 mendapati seorang wanita meninggal pada umur 27 tahun akibat bermain selama sepuluh jam tanpa henti dan seorang remaja meninggal akibat jatuh dan koma ketika bermain video game pada tahun 2015 (Astro Awani, 2017) menunjukkan aspek kesihatan boleh terjejas akibat isu ini (Sherina, 2020).

Di samping itu, kajian mendapati bahawa sembilan daripada sepuluh pelajar-pelajar di Malaysia telah terdedah kepada pengalaman negatif semasa bermain permainan video (Naquih *et.al*, 2018). Walaupun tidak dinafikan penggunaan permainan video dapat menyediakan persekitaran sosial yang pantas, mudah dan bebas, namun corak permainan tanpa kawalan sudah semestinya akan mengundang kepada ketagihan dalam kalangan penggunanya yang sebahagiannya adalah para pelajar (Naquih *et.al*, 2018). Hal ini terbukti apabila kajian menunjukkan generasi dalam lingkungan umur 18-25 tahun, iaitu golongan remaja lebih berisiko untuk menghadapi masalah ketagihan terutama pelajar universiti dan kolej. Apatah lagi perkhidmatan internet tanpa wayar disediakan secara percuma oleh pihak institut di kawasan-kawasan hotspot termasuk asrama. Ketagihan melampau diklasifikasikan sebagai salah satu kecelaruan mental oleh WHO (Naimah Muhammad, 2019).

Cortes, Alcalde dan Camacho (2010) juga mendapati pelajar yang bermain permainan video mempunyai kemungkinan 39% untuk gagal di dalam peperiksaan lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai isu kekurangan guru di sekolah, kurang masa belajar, tinggal berdekatan dengan kedai komputer dan meluangkan banyak masa bermain permainan video. Perkara ini turut disokong oleh kajian M. Syaom Barliana (2004). Tambahan pula hiburan tanpa kawalan akan memberi kesan pada tahap kematangan yang negatif berbanding positif kerana itulah wajar dihindari oleh setiap penuntut ilmu (Nur Hidayu, 2015).

Permainan video juga menyebabkan pengukuhan beberapa tingkah laku yang maladaptif. Kajian Dayne dan Adi (2019) menunjukkan pelajar cenderung untuk membentuk tingkah laku agresif apabila bermain jenis permainan video yang ganas seperti perang, pertarungan dan umpamanya. Sebagai contohnya, apabila seorang

pelajar yang mempunyai tingkah laku agresif ditolak secara tidak sengaja, maka dia akan memberi respons dengan menolak balik kerana dia pernah melihat kejadian tersebut semasa bermain game. Perkara ini seterusnya akan menyebabkan ketaksuban yang melampau dalam kalangan pelajar yang begitu leka bermain sehingga menjejaskan rantaian sosial yang terangkum dalam kelompok generasi Y dan generasi Z (Hairol *et.al*, 2014). Zamani *et.al*, (2010) melaporkan bahawa lebih kurang 7% daripada pelajar berusia 11 hingga 16 tahun bermain video game lebih dari satu jam untuk enam hari seminggu atau lebih sehingga mengabaikan tugas atau pekerjaan rumah yang diberikan oleh guru mereka.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengupas isu bagaimana permainan video memberi impak terhadap tahap pembelajaran pelajar di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian, maka kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut :

Secara umumnya, objektif kajian adalah untuk meneliti impak permainan video terhadap tahap pembelajaran. Manakala objektif khusus bagi kajian ialah:

- i. Mengenal pasti corak bermain permainan video
- ii. Mengenal pasti kecenderungan pelajar bermain permainan video
- ii. Mengenal pasti kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran pelajar IPDAS

Fokus kajian ini adalah tentang permainan video yang berasaskan teknologi digital seperti komputer, telefon pintar, internet dan gadget. Kajian ini tidak membincangkan tentang peralatan teknologi moden selain daripada teknologi digital. Batasan perbincangan juga hanya berfokus kepada impak permainan video terhadap tahap pembelajaran pelajar.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan perbincangan latar belakang kajian, maka kajian ini dijalankan untuk mengupas beberapa persoalan di bawah :

- i. Apakah corak bermain permainan video?
- ii. Apakah kecenderungan yang mendorong pelajar bermain permainan video ?
- iii. Apakah kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran seseorang ?

KEPENTINGAN KAJIAN

Kemunculan permainan video di era teknologi yang tiada sempadan telah membawa inovasi kepada tahap pembelajaran para pelajar. Menyedari hakikat ini, sewajarnya lebih ramai pihak mengorak langkah seiring dengan zaman ledakan maklumat dengan membina perisian-perisian permainan video untuk membantu dan mengubah corak pengajaran dan pembelajaran (PdP) ke arah pembelajaran berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Sehubungan itu, adalah menjadi harapan pengkaji agar kajian yang dilakukan ini akan memberikan manfaat kepada komponen-komponen berikut:

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS)

IPDAS perlu mengetahui kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran agar langkah-langkah yang difikirkan perlu dapat diambil supaya proses PdP misalnya mampu menerapkan elemen permainan video untuk mencapai objektif yang ditetapkan dengan lebih berkesan. IPDAS juga dapat bersedia untuk menawarkan program Dakwah Digital kepada golongan remaja di Sabah bagi melebarkan risalah dakwah ke seluruh pelusuk negeri Sabah. Pada masa sama, IPDAS bolehlah menyediakan latihan ICT umpamanya kepada para pendidik agar mereka benar-benar mahir, cekap dan berkeyakinan dalam menggunakan teknologi permainan video di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Pembuat Dasar

Penasihat Undang-Undang JAKIM perlu menyediakan dasar serta polisi permainan video di IPDAS termasuklah penggunaannya di dalam proses pengajaran dan pembelajaran, pembentangan, tutorial, tugas dan umpamanya. Dasar dan polisi penting untuk mengawal sebarang kelakuan yang berlebihan sehingga boleh menjejaskan imej, prestasi akademik serta tahap pembelajaran. Di samping itu, pembuat dasar juga berupaya mewujudkan garis panduan tentang pemakaian teknologi dan inovasi permainan video bagi mendukung Revolusi Perindustrian 4.0 di persekitaran IPDAS. Mengetahui hakikat ini, maka pembuat dasar juga boleh mengesyorkan agar kemudahan serta prasarana ICT di IPDAS dibangunkan.

Pensyarah

Pensyarah juga dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang permainan video termasuk ICT. Maka, penyampaian pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas atau kuliah akan menjadi lebih menarik dengan menggunakan permainan video. Perkara ini bertepatan dengan kehendak pembelajaran abad ke-21 yang banyak menekankan tentang penerapan ICT dalam penyampaian ilmu kepada pelajar. Perkara ini sudah semestinya meningkatkan kualiti yang ada dalam diri pensyarah dan menjadi contoh yang baik kepada para pelajar bagi mengetengahkan apakah elemen yang perlu ada pada seseorang individu yang berjaya.

Pelajar

Pelajar akan mula tertarik dengan penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang mengetengahkan elemen permainan video. Mereka pastinya dapat mengatasi masalah tumpuan di dalam kelas sekiranya tenaga pengajar mahir dalam menentukan

jenis permainan yang sesuai untuk kelompok-kelompok yang ada di dalam kelas. Akhirnya, timbul minat untuk belajar yang lebih mendalam sekaligus peningkatan dalam prestasi akademik dan tahap pembelajaran berlaku.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian dan sampel

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Penggunaan kaedah tinjauan adalah satu cara pengumpulan data yang dianggap terbaik dalam sesuatu kajian sains sosial kerana kaedah ini berupaya memberikan penjelasan yang tepat untuk mewakili satu populasi yang besar.

Instrumen dan kaedah pengumpulan data

Dalam membuat kajian ini, sebanyak 48 set borang soal selidik digunakan. Pengkaji mengedarkan 48 set borang soal selidik kepada pelajar semester empat program Sijil Pengajian Islam dan Dakwah dari Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Borang soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu (i) maklumat demografi, (ii) maklumat corak penggunaan dan (iii) kecenderungan pelajar terhadap permainan video. Kaedah yang digunakan ialah kaedah kuantitatif. Antara objektif kaedah kuantitatif ini adalah; Pertama, statistik deskriptif untuk mencari purata dan peratus. Kedua, data dipersembah dalam bentuk nombor.

DAPATAN KAJIAN


Bagi maklumat demografi responden, data dianalisis secara deskriptif. Jadual 1 menunjukkan dengan jelas taburan responden berdasarkan jantina, umur, bangsa, keputusan peperiksaan akhir dan pendapatan keluarga.

Jadual 1: Taburan responden mengikut demografi jantina, umur, bangsa, keputusan peperiksaan akhir dan pendapatan keluarga

Demografi	Kategori	Bilangan responden	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	20	41.7%
	Perempuan	28	58.3%
Umur	18-20 tahun	12	25 %
	21-23 tahun	33	68.8%
	Lebih 23 tahun	3	6.3%
Bangsa	Melayu	12	25%
	Lain-lain	36	75%
Keputusan Peperiksaan Akhir (Purata Nilai Gred Keseluruhan)	Mumtaz (3.50 - 4.00)	15	31.3%
	Jayyid Jiddan (3.00 – 3.49)	30	62.5%
	Jayyid (2.50 – 2.99)	3	6.3%
	Rasib (0 – 1.99)	0	0%
Pendapatan Keluarga	Kurang RM500	15	31.3%
	RM501 – RM1,500	21	43.8%
	RM1,501 – RM2,500	10	20.8%
	RM2,501 – RM3,500	2	4.2%
	RM3,501 – RM5,000	0	0%
	Lebih daripada RM5,000	0	0%
Pekerjaan Penjaga	Bekerja Sendiri	23	47.9%
	Kakitangan Kerajaan	10	20.8%
	Kakitangan Swasta	2	4.2%
	Peneroka	1	2.1%
	Petani	3	6.3%
	Tiada Pekerjaan Tetap	9	18.8%

Bagi objektif 1 iaitu untuk mengenal pasti corak bermain permainan video, terdapat tujuh item yang disoal dalam borang soal selidik yang diedar kepada pelajar. Bagi mengenal pasti corak pelajar bermain permainan video, tempoh bermain dan jenis permainan video adalah antara soalan yang ditanya.

i. Tempoh pelajar sudah bermain permainan video



Rajah 1: Tempoh pelajar sudah bermain permainan video

Carta pai 1 dalam Rajah menunjukkan bahawa majoriti pelajar bermain permainan video kurang daripada satu bulan iaitu 54% bersamaan dengan 26 pelajar daripada keseluruhan 48 pelajar. Diikuti dengan 10 pelajar yang sudah bermain permainan video lebih daripada satu tahun, 6 pelajar sudah bermain permainan video lebih daripada tiga bulan, 4 pelajar sudah bermain permainan video lebih daripada enam bulan dan 2 pelajar sudah bermain permainan video lebih daripada dua bulan.


ii. Tempoh bermain permainan video dalam sehari



Rajah 2: Tempoh bermain permainan video dalam sehari

Carta pai dalam Rajah 2 menunjukkan bahawa majoriti pelajar bermain permainan video kurang satu jam dalam sehari iaitu 40 pelajar daripada keseluruhan 48 pelajar yang menjawab soal selidik. Manakala 3 pelajar masing-masing bermain permainan video selama satu hingga dua jam sehari dan tiga hingga empat jam sehari. Seterusnya 2 pelajar bermain permainan video selama dua hingga tiga jam sehari.

iii. Jenis permainan video yang digemari



Rajah 3: Jenis permainan video yang digemari

Merujuk data yang diperolehi dari carta pai dalam Rajah 3 yang berkaitan jenis permainan video yang digemari oleh pelajar menunjukkan bahawa 15 pelajar gemar bermain permainan video jenis perang manakala 13 pelajar sering bermain permainan video selain daripada jenis perang, sukan, puzzle, pembelajaran, aksi dan lain-lain. Seterusnya 9 pelajar gemar bermain permainan video jenis puzzle, 6 pelajar gemar bermain permainan video jenis pembelajaran, 3 pelajar gemar bermain permainan video jenis sukan dan 2 pelajar sering bermain permainan video jenis aksi.


iv. Masa pelajar kerap bermain permainan video



Rajah 4: Masa kerap bermain permainan video

Carta pai dalam Rajah 4 adalah berkaitan masa yang digunakan pelajar untuk bermain permainan video yang menunjukkan majoriti iaitu 29 pelajar kerap bermain permainan video pada waktu lapang. Diikuti dengan 9 pelajar yang kerap bermain permainan video tidak kira masa dan 7 pelajar hanya bermain permainan video pada waktu cuti semester sahaja. Manakala seorang pelajar masing-masing kerap bermain permainan video pada waktu pulang dari kelas, waktu petang dan waktu malam.


- v. Tempoh masa yang pelajar peruntukkan untuk tidur pada waktu malam sekiranya pelajar bermain permainan video



Rajah 5: Tempoh masa yang diperuntukkan untuk tidur

Carta pai dalam Rajah 5 berkaitan tempoh masa yang pelajar peruntukkan untuk tidur pada waktu malam apabila pelajar bermain permainan video menunjukkan bahawa majoriti iaitu 25 pelajar memperuntukkan lima hingga enam jam untuk tidur pada waktu malam walaupun pelajar bermain permainan video diikuti 15 pelajar yang memperuntukkan lebih tujuh jam untuk tidur pada waktu malam. Manakala 3 pelajar masing-masing memperuntukkan tiga hingga empat jam dan empat hingga lima jam untuk tidur pada waktu malam dan 2 pelajar hanya memperuntukkan satu hingga dua jam untuk tidur pada waktu malam.


vi. Akibat atau kesan sekiranya pelajar asyik bermain permainan video



Rajah 6: Kesan asyik bermain permainan video

Carta pai dalam Rajah 6 adalah berkaitan dengan akibat atau kesan sekiranya pelajar asyik bermain permainan video yang menunjukkan majoriti iaitu 23 pelajar berpendapat tiada apa-apa yang berlaku sekiranya mereka kerap bermain permainan video dan 15 pelajar akan membuat kerja rumah secara terburu-buru apabila mereka kerap bermain permainan video. Manakala 7 pelajar akan terlupa dan tidak menyiapkan kerja rumah apabila mereka terlalu asyik bermain permainan video dan 3 pelajar akan tidur di dalam kelas sekiranya mereka kerap bermain permainan video.

vii. Sebab pelajar bermain permainan video



Rajah 7: Sebab bermain permainan video

Carta pai dalam Rajah 7 adalah berkaitan dengan sebab pelajar suka bermain permainan video yang menunjukkan bahawa majoriti iaitu 17 pelajar bermain permainan video adalah untuk bergembira dan 14 pelajar bermain permainan video untuk merasa relax. Diikuti dengan 13 pelajar yang mempunyai lain-lain sebab bermain permainan video, 3 pelajar bermain permainan video untuk meningkatkan kemahiran belajar dan seorang pelajar bermain permainan video untuk membuang masa.

Jadual 2: Kecenderungan Terhadap Permainan Video

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Kurang Setuju (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)	Min
1	Rasa gembira	1	2	19	25	0	3.39
2	Rasa selesa	2	4	18	23	1	3.54
3	Dapat menyebabkan lari daripada masalah	5	4	16	23	0	3.18
4	Rasa dihargai oleh rakan sekelas	10	16	14	7	1	2.43
5	Rasa bersemangat	1	12	20	14	1	3.04
6	Dapat mengisi masa lapang	2	2	13	30	1	3.54
7	Mudah belajar cara bermain	4	3	27	14	0	3.06
8	Mahir dalam permainan	6	8	24	11	0	2.84
9	Sering menghabiskan masa dengan permainan	11	12	13	12	0	2.54
10	Bermain hingga lewat malam pada hari cuti	16	13	13	5	1	2.20
11	Hanya sesuai untuk pelajar lelaki	14	8	17	7	2	2.47
12	Akan bermain pada masa hadapan	15	5	21	7	0	2.41
Min keseluruhan							2.87
<i>(1.00 hingga 2.33: Rendah, 2.34 hingga 3.66: Sederhana, 3.67 hingga 5.00: Tinggi)</i>							

Jadual 2 menunjukkan nilai min bagi obektif 2 iaitu kecenderungan pelajar bermain permainan video. Item bermain permainan video dapat menyebabkan berasa selesa dan dapat mengisi masa lapang mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.54. Manakala bagi item pelajar cenderung untuk bermain hingga lewat malam pada hari cuti mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 2.20. Secara keseluruhannya tahap kecenderungan pelajar dalam bermain permainan video berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan adalah 2.87.

Jadual 3: Kesan Bermain Permainan Video Terhadap Tahap Pembelajaran

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Kurang Setuju (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)	Min
1	Berhenti bermain apabila ada kerja sekolah	9	5	3	19	11	3.38
2	Bermain hingga lewat malam pada hari sekolah	21	11	15	1	0	1.91
3	Tidak menyiapkan kerja sekolah sebelum bermain	22	11	13	2	0	1.89
4	Bermain tidak akan menjejaskan prestasi akademik	14	9	9	14	2	2.60
5	Bermain tidak akan menjejaskan tumpuan dalam kelas	12	11	13	12	0	2.52
Min keseluruhan							2.46
(1.00 hingga 2.33: Rendah, 2.34 hingga 3.66: Sederhana, 3.67 hingga 5.00: Tinggi)							

Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi obejktif 3 iaitu kesan bermain permainan video terhadap tahap pembelajaran pelajar. Bagi item pelajar akan berhenti bermain permainan video apabila mempunyai kerja sekolah mencatatkan nilai min tertinggi iaitu 3.38. Manakala bagi item pelajar tidak akan menyiapkan kerja sekolah sebelum bermain permainan video mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 1.89. Secara keseluruhannya kesan bermain permainan video terhadap pembelajaran pelajar berada pada tahap sederhana dengan nilai min keseluruhan adalah 2.46.

PERBINCANGAN

Objektif 1 : Mengenal pasti corak bermain permainan video

Kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran IPDAS berada pada tahap yang sederhana disebabkan corak bermain pelajar IPDAS yang agak terkawal. Secara keseluruhannya, pelajar IPDAS memilih bermain hanya pada waktu lapang dan meluangkan masa 1 jam sahaja untuk bermain permainan video. Bahkan, mereka masih mendapat tidur yang mencukupi iaitu 5 hingga 6 jam sehari. Menerusi corak bermain yang agak sederhana, sebaliknya pelajar berjaya menunjukkan prestasi akademik yang baik dengan catatan 31.3% mendapat pangkat mumtaz dan 62.5% mendapat jayyid jiddan. Selaras dengan teori tuju sendiri, pelajar IPDAS membuktikan mereka mampu mengenalpasti keperluan pembelajaran, membentuk objektif pembelajaran, mengenalpasti resos, melaksanakan plan pembelajaran dan menilai hasilnya. Maka, mereka mampu menentukan masa bermain dan waktu bermain dengan lebih efektif agar tidak menjejaskan pembelajaran mereka di IPDAS.

Objektif 2 : Mengenal pasti kecenderungan pelajar bermain permainan video

Kecenderungan pelajar bermain permainan video berada pada tahap sederhana memandangkan kebanyakan pelajar IPDAS bermain sekadar untuk mengisi masa lapang dan mengecap rasa selesa ketika bermain. Bagi mereka, permainan video tidak mampu membuatkan mereka rasa gembira, lari daripada masalah dan rasa dihargai oleh kawan pada tahap yang mereka inginkan. Bahkan kecenderungan untuk bermain pada masa akan datang juga rendah walaupun pada waktu cuti. Di samping itu, mereka juga tidak ingin menjadi seorang pemain yang mempunyai kemahiran yang tinggi walaupun terdapat permainan video yang senang untuk dikuasai. Situasi ini menunjukkan pelajar IPDAS memilih untuk menyelesaikan masalah pembelajaran mengikut medium lain seperti mendapatkan khidmat kaunseling daripada Kaunselor IPDAS, nasihat dan bimbingan daripada pensyarah dan mengikuti program-program pembangunan dan pencegahan yang dijalankan oleh pihak IPDAS. Mengikut teori pembelajaran tindakan, situasi ini menunjukkan pelajar IPDAS lebih fokus untuk menyelesaikan masalah pembelajaran daripada menuakr fokus mereka dengan

bermain permainan video. Antara tindakan yang mereka lakukan termasuklah berbincang di dalam medium sesuai seperti kumpulan usrah naqib dan naqibah setiap minggu.

Objektif 3 : Mengenal pasti kesan permainan video terhadap tahap pembelajaran pelajar IPDAS

Permainan video hanya memberikan kesan yang sederhana terhadap pembelajaran pelajar IPDAS kerana pelajar IPDAS ternyata mempunyai disiplin yang baik dengan memilih untuk berhenti bermain ketika diberikan tugas oleh pensyarah. Tingkah laku yang adaptif dapat dilihat apabila pelajar memilih untuk tidak bermain hingga lewat malam dan akan menyiapkan tugas terlebih dahulu. Malah, dapat disimpulkan perhatian pelajar di dalam kelas tidak begitu terjejas dengan tingkahlaku adaptif yang ditunjukkan ini. Selaras dengan teori pembelajaran berasaskan projek, pelajar IPDAS lebih gemar diberikan tugas projek bagi setiap kursus yang diajarkan. Dengan ini, mereka mendapat maklumbalas dan mengkaji akibat pembelajaran secara berterusan. Proses berulang ini meningkatkan kemahiran dan pengetahuan untuk jangka panjang. Malahan, mereka juga mendapa kepelbagaian kemahiran seperti berfikir secara kritikal, penyelesaian masalah, berkolaborasi dan berkomunikasi. Maka, disebabkan perkara ini, pembelajaran pelajar tidak terjejas sekalipun mereka bermain permainan video. Bahkan ianya juga sebagai kayu ukur untuk melihat sejauh mana penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi meningkatkan kualiti perguruan (Rohaya Talib *et al.*, 2008). Antara contoh jenis ujian yang boleh dipraktikkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran ialah ujian objektif yang terkandung padanya isi tempat kosong, item betul dan salah, pepadanan, aneka pihan dan sebagainya (Arsaythamby Veloo, 2011).

IMPLIKASI KAJIAN

Berleluasanya permainan video game ini secara tidak langsung memberi petunjuk kepada pensyarah untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran bagi menarik minat pelajar untuk mempelbagaikan teknik pengajaran. Perkara ini dibuktikan

apabila purata pelajar menggunakan kaedah gamifikasi dengan teknik gabungan berfikir kritis dan kolaboratif berasaskan Quizziz mampu menarik minat pelajar (Nurathirah, 2019). Minat belajar, berkongsi idea, kerjasama dalam berkumpulan, kolaboratif dalam penghasilan game dan sebagainya merupakan peransang kepada pelajar untuk bersikap kreatif dan kritis. Dengan wujudnya permainan seperti ini, penyelesaian masalah, kemahiran berfikir, sikap ingin bertanya akan muncul dalam kalangan pelajar terutamanya budaya membaca dapat diterapkan untuk mencapai objektif permainan tersebut (Khairuddin, 2019).

Secara tidak langsung ia berpeluang untuk mewujudkan Dasar Digital IPDAS dalam menyediakan pelan kontigensi dengan fokus pada nasional, kerana ini memberi gambaran bahawa permainan dan pendidikan mempunyai hubungan rapat dalam soal kecemerlangan pelajar. Hasilnya Kumpulan Inovatif dan Kreatif mampu membina idea segar untuk mencipta dasar pendigitilan IPDAS dalam segenap aspek. Dengan adanya penghasilan digital di IPDAS, maka ia dapat memberi keyakinan dalam menyalurkan bajet untuk pembangunan ICT di IPDAS.

Oleh itu jelaslah penyampaian pengajaran yang lebih menarik, mudah dan cepat harus dipraktikkan oleh setiap pensyarah, kerana ini merupakan salah satu daya tarikan pelajar untuk faham apa yang dipelajari. Tambahan pula pelajar boleh dikatakan setiap hari bergelumang dengan permainan video dalam mengisi masa lapang. Ini sudah pasti memberi tamparan yang hebat untuk pensyarah menambahkan pengetahuan dalam bidang teknologi bagi menarik perhatian pelajar IPDAS. Hal ini kerana pelajar juga akan menilai pensyarah setelah tamatnya sesuatu kursus semester melalui borang penilaian berkaitan tahap pengetahuan pensyarah menguasai sesuatu ilmu.

Dengan keberadaan kemudahan makmal komputer dan jalur lebar di IPDAS, ia memberi peluang dan ruang dalam melaksanakan Revolusi Industri 4.0 sepenuhnya di IPDAS serta mewujudkan skuad ICT dalam membina rangkaian prasarana berasaskan digital. Dalam masa yang sama, penarafan teknologi dan kemudahan wifi turut akan diperhebatkan dari semasa ke semasa apabila pelaksanaan IR 4.0 menjadi kenyataan. Oleh itu skuad ICT juga akan berusaha mewujudkan program khas ICT untuk pelajar dan warga IPDAS untuk membasmi buta IT pada masa sekarang, kerana dunia digital

sudah bermula sekian lama seperti wujudnya T'nGo, Boost, Jom Pay, dan sebagainya bagi menjimatkan masa dan keselamatan pengguna.

Akhirnya medium penyebaran dakwah dapat disebarluaskan tanpa adanya secara bersemuka dengan digantikan secara maya oleh para *Daei* di IPDAS dan menjadi ikon dakwah dalam dunia permainan video. Hasilnya masa, tenaga dan wang ringgit dapat dikurangkan setelah permainan video berjaya dikomersilkan di persada bumi Sabah khususnya. Tidak dapat digambarkan pahalanya berterusan sehingga ke akhir hayat selagi tontonan video teknologi tersebut dipaparkan untuk memberi manfaat pada seluruh masyarakat. Hal ini memberi peluang pada pelajar IPDAS untuk belajar lebih mendalam berkaitan pengurusan ICT dengan adanya pegawai teknologi di IPDAS.

Garis panduan tentang pemakaian teknologi serta inovasi permainan video perlu dilaksanakan di IPDAS agar penyeragaman tindakan dan peraturan selari mengikut garis panduan yang termaktub. Hal ini perlu bagi membendung gejala negatif dari berlaku dikemudia hari berdasarkan kaedah *سد الذرئع* dan *مصلحة المرسلة* dengan menarik kebaikan dan mencegah kemungkaran. Apabila pintu-pintu kemungkaran dicegah dari awal maka gejala negatif dapat dikurangkan.

CADANGAN PENAMBAHBAIKKAN

Permainan yang video ini boleh jadi sebagai berkenalan dengan rakan-rakan seantero asia, sama ada bermain dalam talian secara langsung, bertukar-tukar pandangan, mudah untuk pasang pada peranti media elektronik, sikap ingin mencuba dan sebagainya merupakan salah satu daya tarikan permainan elektronik pada masa kini (Yuli Andriyanto, 2019).

Namun tidak dapat dinafikan kombinasi permainan video dengan pembelajaran akan memberikan kekuatan berfikir, menghilangkan rasa kebosanan, menarik minat pelajar, mengelakkan pelajar ponteng kelas dan sebagainya. Peranan guru juga mampu memberi kesan dengan menggunakan alat bantu audio dan visual pada pembelajaran jika dipandu dengan ideal berasaskan pembelajaran secara santai (Dwi Yuniasih Saputri, 2018). Masa keemasan (*Golden Periode*) dan sistem otak yang cergas harus

dimanfaatkan semaksima mungkin terutamanya menerusi *game android* agar pelajar memupuk minda yang bersifat pasif dan aktif dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana permainan video game dapat memberi kesan dalam membina karakter pelajar berinovasi dan kreativiti (Diana Laily dan Dave Andre, 2017).

Berdasarkan hasil dapatan kajian banyak faktor yang mempengaruhi tahap pembelajaran pelajar, seperti rasa gembira, rasa selesa, dapat menyebabkan lari dari masalah, rasa dihargai oleh rakan sekelas, rasa bersemangat dan mengisi masa lapang. Setelah diteliti kebanyakan pelajar berasa selesa atas kemudahan yang dimiliki oleh mereka. Oleh itu faktor tersebut menyebabkan mereka mengambil peluang untuk terlibat secara langsung dalam permainan video, rata-ratanya pelajar IPDAS mempunyai *smart phone* dan data yang mencukupi untuk melayari permainan video. Tambahan pula wujudnya kumpulan di *Facebook* berkaitan sesuatu permainan video, menyebabkan komunikasi dengan rakan di luar kampus berlaku secara pesat. Di samping itu, sebagai simbolik menarik hati dan perasaan kawan-kawan juga turut menyumbang kepada terjebaknya permainan video.

Tambahan pula mengisi masa lapang dengan permainan video sudah menjadi lumrah bagi individu yang bernama pelajar, kerana sebahagian pelajar mempunyai minat dan hobi yang berbeza seperti bermain bola, menonton video, mendengar lagu dan sebagainya. Besar kemungkinan pelajar IPDAS lebih terarah kepada permainan video, adalah disebabkan berlakunya wabak Corona Virus. Jadi permintaan terhadap dunia digital semakin meningkat setelah 4 bulan berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan. Lalu masa yang akan datang diisi dengan permainan video berdasarkan purata min 3.54. Isyarat ini menandakan pengurusan masa begitu penting dalam mencari ilmu tidak kira dimana sahaja berada. Hal ini jelas dalam al-Asr' 103:1-4, bahawasanya Allah bersumpah mengenai masa.

Teknologi maklumat komunikasi dapat meningkatkan kadar celik huruf, merentasi kurikulum secara menyeluruh, kemahiran silang budaya, minda teknologi dengan kerjasama maya menguruskan aplikasi media dan sebagainya, merupakan agen kepada perubahan gaya berfikir dalam mengatur strategi pengajaran dan

pembelajaran yang berkesan (Syed Lamsah dan Melor, 2019). Penyertaan pelajar dalam permainan video game ini penting bagi meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi, disamping memberi ruang dan peluang untuk meneroka sumber ilmu dalam pelbagai situasi terutamanya membentuk sahsiah kemahiran intelektual pelajar itu sendiri (Syed Lamsah dan Muhamad Yusoff, 2020). Hal ini secara langsung memberi gambaran bahawa institusi memainkan peranan penting dalam membangunkan aplikasi mudah alih untuk kegunaan pengajaran dan pembelajaran.

Di samping itu, permainan video dapat diperluaskan kepada aspek kesihatan, gaya hidup, produktiviti, dan umpamanya. Maka dengan adanya alternatif ini gaya hidup sihat akan dapat diamalkan seperti penawaran pakej produk kesihatan yang diwar-wakan oleh syarikat Takaful AIA melalui *software* jam tangan kepada pelanggan yang melakukan aktiviti bersenam. Hasilnya mata ganjaran seperti diskaun dalam pembelian barangan kesihatan dan sebagainya dapat diwujudkan. Secara tidak langsung masyarakat akan terjebak dengan sukan larian, berbasikal, renang, mendaki bukit dan sebagainya.

Permainan video juga dapat melatih otak supaya berfikir pantas dan fokus terhadap permainan sehingga mencapai kemenangan. Hal ini boleh menjadi pemangkin pada pelajar IPDAS untuk berusaha bersungguh dalam mencapai kejayaan, kerana setiap kejayaan ada imbuhan. Kemungkinan dari hasil permainan video ini pelajar dapat capai cita-cita mereka seperti minat untuk menjadi pasukan beruniform polis, tentera dan lain-lain. Produktiviti yang terhasil ini akan membentuk karakter pelajar untuk belajar bersungguh bagi memenuhi impian mereka seperti apa yang mereka lihat dalam permainan video, begitulah keinginan mereka untuk dihayati.

Antara permainan yang melatih kepada strategi berfikir suatu ketika dahulu adalah catur, sekarang sudah tumbuh bagaikan cendawan permainan video seperti itu. Hal ini berlaku disebabkan ledakan maklumat dan perkembangan semasa yang mengkehendaki supaya setiap pemain berfikir dan menyelesaikan permainan mengikut kemampuan mereka, terutamanya permainan yang melibatkan secara

langsung di alam maya, perlunya pada interaksi dengan rakan-rakan sepermainan bagi mencapai kata sepakat untuk memenangi permainan tersebut.

Kecenderungan individu pada permainan video berbeza mengikut kemampuan alat peranti telefon, data, masa, *software*, kemampun berfikir, minat dan sebagainya. Hal ini mempengaruhi setiap individu untuk melayari permainan video, kerana setiap permainan video perlunya pada kelajuan internet dan kecanggihan telefon mahupun laptop. Jika tidak dipenuhi kemungkinan permainan tersebut menjadi hambar. Permainan video pula ada dua jenis kategori iaitu secara interaksi dengan pemain lain (*two-ways*) dan satu lagi (*one-way*) tanpa melibatkan proses komunikasi. Begitulah juga permainan secara *online* dan *offline* dalam melayari permainan video tersebut. Setiap permainan yang ditawarkan berbeza mengikut kepuasan individu untuk mengakses permainan berdasarkan kebolehan dan keyakinan pelajar IPDAS.

Walau bagaimanapun permainan secara *online* lebih digemari apatah lagi melibatkan interaksi dengan rakan sepasukan yang lain, kerana paparan visual dan audio lebih jelas berbanding permainan secara *offline*. Hal ini menunjukkan kepuasan permainan bergantung pada pemain dalam video tersebut. Sudah pasti kecanggihan peranti telefon dan laptop memerlukan kepada terkenologi terkini, kerana tidak semua permainan video mampu *support* ke atas peranti yang lama seperti *graphic card*, *processor*, *ram*, *memory*, dan sebagainya.

Permainan video berbentuk aksi dan perang lebih digemari oleh pelajar lelaki, berdasarkan kajian dari responden dalam dapatan kajian. Hal ini berlaku adalah disebabkan naluri pelajar lelaki sukakan pada permainan yang lasak, mencabar, kecanggihan alat senjata, permainan secara *real* dan sebagainya. Namun pelajar perempuan lebih tertarik pada permainan berbentuk santai dan menghiburkan serta tidak aksi ganas dan pembunuhan. Ini sesuai dengan pelajar wanita kerana sifat keibuan itu sudah terpahat dalam sanubari mereka.

Walau bagaimanapun jarang sekali kita melihat permainan berbentuk islamik yang dipaparkan seperti pengembaraan ke Mekah menunaikan haji, permainan teka teki islamik, strategi peperangan zaman sahabat Nabi, pelayaran sahabat Nabi merentasi laut dan sebagainya. Hal ini kemungkinan kurangnya sambutan dari aktivis pembuat permainan video, kerana kebanyakan permainan video dihasil dari masyarakat barat. Maka apabila wujudnya kesedaran pada pelajar IPDAS dengan terbinanya pusat ICT IPDAS pada masa hadapan, tidak mustahil suatu hari anti permainan video berupa islamik dapat dilayari oleh semua komuniti pelayan internet.

Kajian ini dijalankan di IPDAS kampus Keningau adalah berdasarkan tinjauan soal selidik. Oleh itu perbezaan geografi dan latar belakang pelajar sedikit sebanyak mempengaruhi data permainan video tersebut. Alangkah baiknya jika selepas ini kajian diteruskan di IPDAS kampus Kudat kerana pelajar di Kudat merupakan pelajar rata-ratanya terdiri dari pelajar *muallaf* dan sudah pasti gaya pemikiran dan kehendak mereka berbeza dengan pelajar IPDAS kampus keningau yang berada dalam zon selesa. Penambahbaikan soal selidik harus dilaksanakan mengikut perubahan masa dan keadaan agar data yang diperolehi benar-benar dijawab mengikut kejujuran pelajar supaya hasilnya dapat memberi impak pada masa hadapan. Pada masa yang sama juga soal selidik wajar dipanjangkan juga pada pelajar program Diploma Dakwah Islamiyyah kerana perbezaan tahap pengajian dan umur sudah pasti dapatan yang diperolehi berbeza dengan pelajar Sijil Pengajian Islam.

Justeru permainan video ini penting juga dalam mengetengahkan bakat pelajar IPDAS agar bakat yang sedia ada dapat dicungkilkan bagi mengharumkan nama IPDAS. Kesimpulannya, pewujudan mini makmal permainan video dapat diwujudkan dengan memberi ganjaran pada pelajar yang cemerlang untuk menceburi permainan video. Secara tidak langsung persaingan yang sihat dapat direalisasikan bersama pelajar dan warga IPDAS demi melahirkan pelajar yang mempunyai *soft skill*.

LIMITASI KAJIAN

Setelah dianalisis data berdasarkan 48 orang responden, keputusan tidak menunjukkan jenis-jenis permainan video yang memberi kesan terhadap tahap pembelajaran. Hal ini kerana peratusan kecemerlangan dan tindakan tatatertib tidak banyak diambil tindakan kesan dari permainan video. Data yang diperolehi hanya bergantung kepada data soal selidik dan sedikit kajian perpustakaan sahaja tanpa melibatkan interview dan sebagainya. Sampel kajian hanya terdiri daripada semester 4 Sijil Pengajian Islam dan Dakwah. Instrumen kajian tidak mengukur elemen lain seperti kreativiti, perhatian dan penyelesaian masalah. Malah ia lebih kepada faktor-faktor kecenderungan pelajar terhadap permainan video.

KESIMPULAN

Permainan video memberikan impak terhadap tahap pembelajaran seseorang bergantung pada corak permainan dan kecenderungan pelajar bermain permainan. Akhirnya menatijahkan kesan permainan video terhadap pembelajaran. Hubungkait permainan video dengan corak permainan dan kesan, merupakan refleksi tingkahlaku dalam menjamin keberkesanan pembelajaran di IPDAS, supaya gejala negatif dan ketagihan yang melampau dapat dielakkan. Berdasarkan dapatan kajian, pelajar IPDAS menunjukkan prestasi yang sederhana dan cemerlang dalam peperiksaan. Ini menunjukkan pembelajaran dan permainan dapat dibahagikan waktu dengan saksama mengikut tanggungjawab sebagai pelajar. Justeru hobi dan tugas memainkan peranan penting dalam membina karakter diri seorang pelajar untuk berjaya pada masa hadapan. IPDAS sebagai pembuat polisi memandang serius bakat terpendam harus digilapkan bagi mengharum nama IPDAS di persada nasional.

RUJUKAN

- Arsaythamby Veloo. (2011). Keupayaan Teori dan Pelaksanaan Pentaksiran dalam Pembelajaran. *Journal of Governance and Development*, 7, 11-15.
- Astro Awani. (2017, September). Ketagihan permainan video sebagai masalah kesihatan mental – WHO. Dipetik daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/ketagihan-permainan-video-sebagai-masalah-kesihatan-mental-who-164052>.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon, & How Lee Chan. (2007). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Gejala Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Johor. *Kajian Sarjana Pendidikan*, 1-20.
- Borgonovi, F. (2016). Video Gaming and Gender Differences in Digital and Printed Reading Performance among 15 years old Students in 26 Countries. *Journal of Adolescence*, 48, 45-61.
- Cortes, M. D. S., Alcalde, J. V., & Camacho, J. V. J. (2012). Effects of Computer Gaming on High School Students' Performance in Los Banos, Laguna, Philippines. *Journal of Osaka Unoversity Knowledge Archieve*, 16(2), 75-88.
- Diana Laily Fithri & Dave Andre Setiawan. (2017). Analisa Dan Perancangan Game Edukasi Sebagai Motivasi Belajar Untuk Anak Usia Dini. *Jurnal Teknik Mesin, Elektro dan Ilmu Komputer*, 8(1), 225-230.
- Dewar, G. (2018, Ogos). *The Effects of Video Games on School Achievement*. Dimuat turun daripada <https://www.parentingscience.com/Effects-of-video-games-on-school.html>
- Dwi Yuniasih Saputri. (2018). Mengintegrasikan Game Sebagai Media Pembelajaran Di Sekolah Dasar: Sebuah Solusi Atau Masalah? *Prosiding Seminar Nasional "Penguatan Pendidikan Karakter Pada Siswa Dalam Menghadapi Tantangan Global*, 101-105.
- Febriyanto Pratama Putra, Husni Tamrin, & Dedi Ary Prasetya. (2012). Pembuatan Game Animasi 3d Role Playing Game Untuk Pendidikan Budaya dengan Unity3d dan Bahasa Pemrograman. *Jurnal Universiti Muhammadiyah Surakarta*, 1-14.
- Hairol Anuar Hj Mak Din, Ahmad Nazeer B Zainal Arifin, Noor Azli Mohamed Masrop, Nur Muizz B Mohamed Salleh & Intan Fadzliana Ahmad. (2014). Permainan Pendidikan Digital: Satu Kajian Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 1, 20-27.

- Hairol Anuar Hj Mak Din, Ahmad Nazeer B Zainal Arifin, Noor Azli Mohamed Masrop, Nur Muizz B Mohamed Salleh & Intan Fadzliana Ahmad. (2014). Transformasi Pendidikan Melalui Pendekatan Permainan Digital di dalam Sistem Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 1(2), 67-71.
- Khairuddin bin Nisa. (2019). Pembelajaran Geografi dan Alam Sekitar Menggunakan Permainan Digital GeoPlay. *Jurnal Pendidikan*, 1-23.
- Khalil, S., Sultana, F., Alim, F., Muzammil, K., Nasir, N., Hassan, A., & Mahmood, S. E. (2019). Impact of Playing Violent Video Games Among School Going Children. *Indian Journal Of Community Health*, 31(3), 331-337.
- M. Syaom Barliana. (2004). Pengaruh Siaran Televisi Dan Video/Computer Game Terhadap Pendidikan Anak: Implikasi Bagi Pengembangan Teknologi Dan Strategi Pembelajaran. *Jurnal Persidangan Antara Bangsa UPI-UPSI*, 4-6.
- Naimah Muhammad. (2019, September). *Kegilaan terhadap game online ada faedah tak?* Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/16626/LIFESTYLE/Oh!-Lelaki/Kegilaan-terhadap-game-online-ada-faedah-tak>
- Naquiah Nahar, Sahrnizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli, & Abdul Hafiz Abdullah. (2018). Impak Negatif Teknologi Moden Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak Hingga Usia Remaja (Negative Impact of Modern Technology to the Children's Life and their Development). *International Journal of Islamic and Civilizational Studies Full Paper*, 1, 87-99.
- Norashikin binti Hasan. (2010). Hubungan Kecenderungan Permainan Video Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Rendah Dengan Prestasi Akademik Pelajar: Satu Tinjauan. *Kertas Projek Sarjana Universiti Utara Malaysia*, 3-7.
- Nurathirah Abd Nasir. (2019). Pengaruh Elemen Gamifikasi Terhadap Motivasi Pelajar Menggunakan Aplikasi Quizizz. *Masters Thesis*, 1-33.
- Nur Hidayu Jaafar. (2015). Refleksi Animasi Upin dan Ipin Dalam Ujaran Kanak-Kanak. *Tesis Sarjana Sastera*, 3-5.
- Nurul Huda Binti Abd Razak. (2011). Pengaruh Internet Terhadap Keruntuhan Akhlak Remaja Islam: Kajian Di Kalangan Pelajar Tahun 4 Fakulti Pendidikan. *Latihan Ilmiah*, 19(16), 1-110.
- Rohaya Talib & Mohd Najib Ghafar. (2008). Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Bagi Mengukur Tahap Literasi Pentaksiran Guru Sekolah Menengah di Malaysia. *Proceeding of Seminar Penyelidikan*, 109-125.
- Saghir, A. (2016). Influence of Video Games in Learning. *Journal of Emerging Trends in Computing and Information Sciences*, 7(8), 338-342.

- Sherina Mohd Sidik. (2020, September). *Ketagihan Permainan Video (Video Game) Dan Kesehatan Mental Pelajar Institut Pengajian Tinggi*. Dimuat turun daripada https://care.upm.edu.my/artikel/ketagihan_permainan_video_video_game_dan_kesehatan_mental_pelajar_institut_pengajian_tinggi-56722
- Syed Lamsah Syed Chear & Melor Md Yunus. (2019). Strategi Penerapan Kemahiran Abad Ke-21 Dalam Latihan Guru Prasekolah. *Southeast Asia Early Childhood Journal (SAECJ)*, 8, 1-10.
- Syed Lamsah Syed Chear & Muhamad Yusoff Mohd Nor. (2020). Intervensi Pembelajaran Di Portal E-Pembelajaran Melalui Aplikasi Whatsapp Dan Telegram Berdasarkan Model Lima Fasa Needham. *Evaluation Studies in Social Sciences*, 1(9), 11 -27.
- Wakil, K., Omer, S., & Omer, B. (2017). Impact of Computer Games on Students GPA. *European Journal of Education Studies*, 3(8), 262-272.
- Wardhani, D. K., & Fahrudin, A. (2019). Pengaruh Video Games pada Anak dan Peranan Pekerja Sosial. *Jurnal Universitas Muhammadiyah Jakarta*, 1, 1-14.
- Widitiarsa, A. (2018). Video Games as Tools for Education. *Journal of Game, Game Art and Gamification*, 3(2), 1-6.
- Yuli Andriyanto. (2019). Pengaruh Game Online PUBG Terhadap Prestasi Nilai Mahasiswa Ilmu Komunikasi. *Jurnal Universitas Semarang*, 5-8.
- Zamani, E., Kheradmand, A., Cheshmi, M., Abedi, A., & Hedayati, N. (2010). Comparing the Social Skills of Students Addicted to Computer Games with Normal Students. *Journal of Addiction and Health*, 2, 3-4.

FAKTOR – FAKTOR KESEDIAAN PENSYARAH IPDAS TERHADAP PENGGUNAAN APLIKASI DALAM KEBERKESANAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

Saeidah Syamielah Binti Abd Rahman¹ , Syahrin Bin Abdullah², Jainuddin Bin Ires³,
Azizah Binti Kauli Bdullah⁴ , Mohd Johar Japnar⁵

^{1,2} Jabatan Akidah, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau.

³ Jabatan Syariah, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, Keningau

^{4,5} Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah Kampus Kudat, Sikuati.

ABSTRAK

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan Pusat Pengajian Tinggi Islam yang menawarkan Pengajian Bidang Dakwah di Peringkat Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI), Sijil Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (SPID) dan Sijil Pengajian Islam (SPI), IPDAS tidak ketinggalan dalam pengamalan pengajian dan pembelajaran berasaskan aplikasi di dalam talian ataupun aplikasi PdP secara bersemuka. dalam mendepani arus kemajuan teknologi terkini Revolusi Industri 4.0. Permasalahan yang timbul antaranya, kekurangan kajian-kajian lepas mengenai persediaan pensyarah dari Institut Pengajian Tinggi sama ada dalam bidang dakwah atau pengajian Islam secara umumnya. Terdapat tiga objektif kajian; Pertama, mengenalpasti faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi kesediaan pensyarah IPDAS terhadap penggunaan aplikasi; Kedua, mengenalpasti faktor-faktor luaran yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi; Ketiga, mengenalpasti cadangan peningkatan keberkesanan penggunaan aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen borang soal selidik kepada seramai 30 orang responden dari kalangan Pensyarah IPDAS secara rawak dengan nilai Alpha Cronbach 0.923 dan instrumen temu bual kepada seramai 6 orang pelajar IPDAS dan seorang wakil Pihak Pengurusan IPDAS. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dalam bentuk min, kekerapan, peratusan dan sisihan piawai menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 25.0. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan positif dan signifikan di antara domain sikap pensyarah,

kemahiran pensyarah dan penyediaan latihan dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP). Manakala bagi sokongan dari pihak pengurusan institusi tidak terdapat hubungan signifikan dengan keberkesanan Pengajaran dan pembelajaran (PdP). Faktor dominan yang mempengaruhi keberkesanan PdP ialah kemahiran pensyarah IPDAS terhadap penggunaan aplikasi.

KATA KUNCI: *aplikasi, pensyarah, pengajaran dan pembelajaran, IPDAS, keberkesanan*

PENGENALAN

Institut Pengajian Islam dan Dakwah, Sabah (IPDAS) adalah sebuah institusi yang berteraskan Pengajian Islam. IPDAS juga bertekad untuk melahirkan graduan yang berilmu, beramal, berakhlak mulia, berhikmah serta mampu menghadapi cabaran semasa, berkebolehan menjadi pembimbing dan tempat rujukan masyarakat berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, keberkesanan sistem pendidikan di Malaysia banyak dipengaruhi oleh perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat.

Institusi pendidikan adalah berperanan dalam menyediakan pembelajaran sepanjang hayat kepada individu. Pencarian ilmu yang berterusan adalah amat penting. Setiap pensyarah digalakkan mempelbagaikan gaya pembelajaran agar objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai. Kini Abad 21, perkembangan teknologi (IT) dengan penggunaan aplikasinya telah mengubah corak dan cara manusia berfikir dan bekerja. Komputer dijadikan alat dalam pelbagai bidang contohnya dalam dunia pendidikan.

Oleh itu, dalam melahirkan pelajar yang berkualiti, pensyarah perlu menguasai bidang kurikulum serta mahir dalam penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Setiap pensyarah yang bertindak sebagai pelaksana dalam suatu kurikulum perlulah sentiasa bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya ianya mencapai objektif dan lebih berkesan.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Penggunaan aplikasi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) akan membawa kepada satu perubahan terhadap paradigma pendidikan. Ianya amatlah digalakkan agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lebih lancar dan berkesan dan tidak ketinggalan zaman. Namun begitu, timbul persoalan sama ada pensyarah IPDAS telah bersedia untuk mengajar menggunakan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran atau tidak dan adakah keberkesanan PdP dapat dicapai melalui penggunaan aplikasi dalam PdP oleh pensyarah IPDAS dalam sesuatu kursus?

Kajian ini dijalankan untuk melihat Faktor-Faktor Kesediaan Pensyarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk melihat faktor dalaman dan luaran manakah yang mempengaruhi kesediaan penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pensyarah Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) serta bagaimanakah cara untuk meningkatkan keberkesanan terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Hal ini kerana, sebelum ini pensyarah hanya tertumpu kepada gaya pembelajaran yang konvensional dan tidak mempelbagaikan gaya pembelajaran mengikut peredaran masa kini. Penggunaan aplikasi sangat penting dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) agar menjadi semakin lebih menarik dan berkesan. Bahkan melalui pendekatan yang baru ini dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan dan dapat meningkatkan kualiti pengajaran para pensyarah disamping dapat mempercepat proses penerimaan pelajar serta mampu menjana tahap pemikiran pelajar.

Secara tuntasnya, Malaysia dalam fasa menuju ke arah kemajuan Negara Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dalam pelbagai aspek termasuklah aspek pendidikan di peringkat Pengajian Tinggi. Mahu tidak mahu, para pensyarah IPDAS perlu bergerak pantas dalam menyahut seruan negara tercinta dan melakukan perubahan yang positif daripada pengamalan kaedah PdP secara konvensional kepada pendekatan baru yang kreatif dan inovatif menggunakan aplikasi dan pendekatan pembelajaran dalam talian. Disebabkan oleh kehadiran Pandemik COVID-19 sudah menular di Malaysia, malahan ia merebak dengan cepat dan meluas dari satu tempat ke satu tempat dan

boleh mengancam nyawa setiap insan pendekatan menggunakan aplikasi dan Pembelajaran dalam talian sudah menjadi suatu keperluan yang wajib bukan lagi pilihan. Ia menjadi norma baharu pada abad ini.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran telah menjadi salah satu pendekatan yang boleh dijalankan di dalam kuliah bagi semua kursus pengajian. Penggunaan aplikasi memberi kesan yang sangat baik terhadap para pelajar. Aplikasi ini banyak digunakan oleh pensyarah-pensyarah di Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun swasta bagi tujuan meningkatkan pengetahuan para pelajar seiring dengan menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi terhadap perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) sama ada bidang sains ataupun sains sosial (Berita Harian 2017) dan hampir 30% program sebelum ini diganti dengan program berkaitan teknologi digital yang penting dalam mendepani era Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) (Berita Harian, 2019). Menurut Menteri Pendidikan (Teks Ucaptama 2019) dalam mengharungi era IR 4.0 ini, perkara yang perlu ditekankan iaitu setiap daripada kita perlu menjadi pegawai, pensyarah atau kakitangan yang mampu berfikir secara kreatif dan kritis, dan bukan hanya menjadi seorang pengikut. Bahkan, elemen-elemen yang menjadi fokus utama pendidikan tinggi ialah *Future Ready Curriculum*, *Agile Governance*, *Talent Planning* dan *Research And Innovation*. Melalui kesemua elemen ini memerlukan kepada kemahiran penggunaan teknologi, komputer dan aplikasi dalam mencapai hasrat Menteri Pendidikan di dalam Kurikulum Pendidikan Pengajian Tinggi.

Namun terdapat isu yang timbul kesan penggunaan aplikasi teknologi ke atas pelajar dan juga para pensyarah itu sendiri. Terdapat situasi di mana, jurang pengetahuan dalam kalangan para pensyarah dan pelajar dalam mengendalikan dan mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh kerana kekurangan pengetahuan ini, maka pembelajaran yang berkesan tidak dapat dicapai dalam PdP. Betapa pentingnya pengetahuan pengendalian aplikasi yang sesuai agar pengajaran dapat disampaikan dengan baik dan difahami oleh pelajar. Menurut Berita Harian (2020) semenjak bulan Januari 2020, negara Malaysia dikejutkan dengan penularan wabak penyakit yang

berbahaya iaitu *Corona Virus Disease* atau lebih dikenali sebagai COVID-19 dan setiap hari belaku peningkatan kes positif. Susulan kejadian itu, pihak berkuasa telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan semua sektor di Malaysia termasuklah sektor Pendidikan terpaksa dihentikan bagi mengekang penularan wabak tersebut. Pelbagai inisiatif para guru untuk meneruskan sesi persekolahan secara dalam talian di mana para pelajar mengikutinya di rumah masing-masing. Sejak pelaksanaan PKP ini berlangsung, pendekatan pengajaran dan pembelajaran telah berubah secara mendadak. Tuntutan penggunaan teknologi dalam talian ini menjadi suatu keperluan utama dan wujud jurang pengetahuan di antara para pensyarah dan pelajar itu sendiri dalam memastikan ilmu yang disampaikan memberi kesan yang terbaik melalui medium terbaru iaitu pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian sepenuhnya.

Selain itu juga, dalam kajian ini wajar dijalankan kerana terdapat permasalahan yang timbul dalam aspek jurang empirikal. Masalah yang dihadapi antaranya ialah kekurangan kajian-kajian lepas berhubung dengan kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran berkaitan pensyarah IPDAS. Selain itu juga, pelaksanaan kajian-kajian seperti ini dilakukan di luar negara dan di semenanjung Malaysia, kurangnya kajian di Bahagian Kepulauan Borneo ini khususnya di Sabah. Malah, pelaksanaan kajian di sesebuah institusi dijalankan terhadap guru dan pelajar sekolah menengah. Bagi institusi pengajian atau pendidikan ilmu agama Islam lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) kajiannya belum ditemui. Seterusnya, kekangan dari sudut jurang praktikal berkenaan kajian ini sebagai contoh perhatian lebih kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pendidikan aliran perdana dan menduduki peperiksaan awam seperti PT3, SPM, STPM. Kurang kajian keberkesanan penggunaan aplikasi bagi Pengajian Agama Islam di peringkat Pengajian Tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif Umum kajian ini ialah mengenalpasti factor utama yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam PdP.

Objektif khusus kajian ini antaranya :

- i. Mengenal pasti faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran
- ii. Mengenal pasti faktor-faktor luaran yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran
- iii. Mengemukakan cadangan untuk peningkatan keberkesanan penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP)

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini memfokuskan kepada beberapa persoalan kajian iaitu :

- i. Apakah faktor-faktor dalaman yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan Pembelajaran ?
- ii. Apakah faktor-faktor luaran yang mempengaruhi kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi dalam pengajaran dan Pembelajaran ?
- iii. Bagaimanakah cara untuk meningkatkan keberkesanan penggunaan aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ?

HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, maka hasil yang diperoleh berhubung dengan pernyataan masalah bagi kajian ini ialah :


Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara kemahiran pensyarah dalam penggunaan aplikasi dengan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Hipotesis 2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara Sikap Pensyarah dalam Penggunaan Aplikasi dengan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Hipotesis 3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara Sokongan Resos daripada Pihak Pengurusan Institusi dalam Penggunaan Aplikasi dengan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Hipotesis 4: Terdapat hubungan yang signifikan di antara Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan Penggunaan Aplikasi dengan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).

Hipotesis 5: Terdapat faktor dominan yang mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian (Adaptasi dari NurulHuda (2013) dan Yuhanis (2015))

Kerangka konseptual kajian adalah penerangan satu rangka kerja yang mempunyai hubungkait di antara setiap elemen secara keseluruhan dalam kajian ini. Kerangka konsep amat penting kerana ia memudahkan kefahaman mengenai hubungan di antara Faktor – Faktor Kesyediaan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi dengan Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Melalui penyelidikan yang dijalankan ini juga, ia berfungsi memberikan *input* dan juga *output* dalam menentukan hala tuju sesebuah institusi pendidikan. Menerusi penyelidikan, sesuatu hasil data atau ilmu pengetahuan dapat dimanfaatkan, dikembangkan dan disebarluaskan. Para pensyarah telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan sumber manusia dengan sempurna agar menjadi aset Negara yang dapat menjana

modal insan yang berkualiti dan pertumbuhan yang mampan (Yuhanis Che Hassan, 2015). Sehubungan itu, para pensyarah IPDAS perlu memastikan bahawa semua faktor-faktor dalaman dan luaran kesediaan pensyarah IPDAS dalam penggunaan aplikasi ini dapat memberikan keberkesanan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dalam sesuatu kursus yang ditawarkan di IPDAS sama ada di peringkat Sijil Pengajian Islam (SPI), Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID) dan Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI).

KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan tindakan adalah kajian yang dilakukan untuk menyelesaikan masalah sosial, memperbaiki sesuatu keadaan atau sikap untuk penambahbaikan amalan sesuatu tempat. Kepentingan melaksanakan penyelidikan tindakan adalah untuk memperbaiki amalan melalui mengenal pasti punca masalah amalan yang kurang berkesan supaya menjadi lebih baik (Rosinah Edinin 2012). Terdapat dua fokus kajian iaitu terhadap pensyarah IPDAS dan pihak pengurusan Institut Pengajian Islam dan Dakwah (IPDAS). Kepentingan pertama, iaitu terhadap pensyarah IPDAS. Selain memberi manfaat kepada pengkaji, kajian ini boleh memberi kebaikan kepada semua pensyarah di IPDAS sama ada di Keningau atau Kampus Kudat. Kajian ini menjadi kayu pengukur untuk mengetahui terdapat hubungan yang signifikan atau tidak di antara empat faktor antaranya ialah kemahiran pensyarah IPDAS, sikap pensyarah IPDAS, sokongan resos daripada pihak pengurusan institusi dan penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan penggunaan aplikasi dengan keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Di samping itu, kajian ini turut mengenalpasti faktor dominan yang mempengaruhi keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Manakala kepentingan kedua terhadap pihak pengurusan IPDAS. Hasil dapatan kajian ini, dapat memberikan gambaran sebenar mengenai faktor –faktor kesediaan pensyarah IPDAS sama ada berbentuk dalaman atau luaran sangat mempengaruhi keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di IPDAS.

DEFINISI OPERASI KAJIAN

Berikut disenaraikan beberapa definisi operasi kajian terhadap tiga aspek :

Faktor – Faktor Kesediaan Pensyarah IPDAS dalam Penggunaan Aplikasi

- a) Faktor – Faktor Dalaman
- b) Faktor – Faktor Luaran

Faktor – Faktor Dalaman Kesediaan Pensyarah IPDAS terbahagi kepada dua :

- i. Kemahiran Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi
- ii. Sikap Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi

Manakala, Faktor – Faktor Luaran Kesediaan Pensyarah IPDAS juga terbahagi kepada dua :

- i. Sokongan Resos dari Pihak Pengurusan Institusi
- ii. Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Serta Penggunaan Aplikasi

Aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Aplikasi teknologi pengajaran dan pembelajaran PdP merujuk kepada pembelajaran dalam talian seperti *Synchronous Learning* dan *Asynchronous Learning* . Kedua-dua kaedah ini memerlukan kepada kemahiran dalam penggunaan ICT sama ada pensyarah sendiri atau pelajar. Aplikasi *Synchronous* merupakan kaedah pembelajaran yang boleh digunakan secara langsung atau secara *live*. Pelajar dan tenaga pengajar perlu berada dalam masa yang sama secara serentak. Jika tidak, pembelajaran tidak dapat berjalan. Pendidik dapat menjalankan kuliah seperti biasa tanpa perlu berkumpul di dewan kuliah atau bilik tutorial. Contoh jenis aplikasi teknologi yang membolehkan interaksi ialah *Skype*, *Google Hangout*, *Google Meet*, *YouTube Live*, *Facebook Live* dan *Zoom Meeting*.

Manakala aplikasi teknologi *Asynchronous* pula membolehkan interaksi pembelajaran berlaku tanpa memerlukan pendidik dan pelajar hadir pada masa sama. Antara contoh aplikasi *Asynchronous* yang digunakan oleh pensyarah dan pelajar di IPDAS ialah *Google Classroom*, *YouTube*, *GMail*, *Facebook*, *Twitter*, *Edmodo*, *AYOA Mind Map*, *Plotagon* dan *Padlet*.

Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Kajian tindakan memfokuskan sama ada perhubungan yang signifikan di antara mana-mana Faktor – faktor Kesediaan Pensyarah

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini berbentuk kuantitatif menggunakan kaedah kajian kes. Kajian ini dilakukan di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah, melibatkan Pensyarah IPDAS di Keningau dan Kampus Kudat. Seramai 30 orang pensyarah terlibat dalam kajian ini. Instrumen kajian ini ialah menggunakan borang soal selidik yang telah diubahsuai sedikit daripada soal selidik pengkaji lepas mengikut keperluan kajian, terdapat 6 bahagian dan dua soalan tambahan kepada responden dan juga menemu bual seorang informan dari kalangan Pengurusan Tertinggi IPDAS dan 6 pelajar IPDAS termasuk Keningau dan Kampus Kudat. Kaedah pengumpulan data yang digunakan ialah menggunakan kutipan data melalui soal selidik dan temu bual informan. Kaedah menganalisis data pula secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, peratus dan min.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik mengandungi enam bahagian iaitu A,B, C, D, E dan F. Bahagian A mengandungi demografi responden, umur, bangsa, jantina dan tempoh berkhidmat di IPDAS. Manakala Bahagian B mengandungi soalan berkaitan kemahiran penggunaan aplikasi sebanyak tujuh soalan dan Bahagian C juga mengandungi sebanyak tujuh soalan berkaitan sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi. Seterusnya, Bahagian D mengandungi soalan berkaitan sokongan resos daripada pihak pengurusan institusi dalam penggunaan aplikasi sebanyak tiga soalan, sama juga Bahagian E mengandungi tiga soalan yang berkaitan penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan aplikasi. Bahagian F mengandungi sebanyak enam soalan berkaitan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Format maklum balas menggunakan lima mata *Skala Likert*, antaranya ialah STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), S (Setuju) dan SS (Sangat Setuju). Kajian Rintis juga telah dijalankan kepada Guru – Guru di Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau kepada seramai 15 orang guru. Data yang diperoleh dimasukkan dan dianalisis menggunakan *Statistical Package for Sosial Sciences* (SPSS) Versi 25.0. Nilai *Alpha Cronbach* dari kajian rintis yang diperoleh sebanyak 0.849. Soalan soal selidik yang dibina merupakan soalan yang diadaptasi daripada tesis – tesis kajian lepas yang diubahsuai dan digabungkan agar bersesuaian dan bertepatan dengan tajuk kajian ini.

Kaedah Pengumpulan Data

Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang dilakukan dalam kajian ini. Antaranya melalui borang soal selidik dan temu bual.

i – Borang Soal Selidik

Borang soal selidik telah diedarkan kepada semua pensyarah IPDAS termasuk Kampus Keningau dan Kudat kepada seramai 33 orang pensyarah. Hanya 30 orang

sahaja yang memulangkan semula borang soal selidik dan memberikan respon melalui *Google Form*. Terdapat dua kaedah yang digunakan untuk menjawab borang soal selidik kajian ini iaitu menggunakan borang soal selidik secara *hardcopy* dan melalui *Google Form*.

ii – Temu Bual

Manakala temu bual pula dijalankan ke atas 6 orang pelajar IPDAS termasuk Kampus Keningau dan Kudat juga melibatkan peringkat Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID) dan Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) dan juga seorang wakil pihak pentadbiran IPDAS. Terdapat 6 soalan yang diajukan kepada informan dari kalangan pelajar. Manakala sebanyak 3 soalan yang diajukan kepada wakil Pihak Pentadbiran IPDAS.

Kaedah Analisis Data

i. Borang Soal Selidik

Semua data dan maklumat kajian dimasukkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Sosial Science (SPSS)* Versi 25.0 untuk memperoleh statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Interpretasi min berdasarkan skala Mohammed Sani et al. (1999) dalam Ong Sze Chong, Zamri Mahamod dan Hamidah Yamat (2013), iaitu :

Jadual 1: Nilai Skor Min

Nilai Skor Min	Tahap
4.00 - 5.00	Tahap Tinggi
3.00 - 3.99	Tahap Sederhana
1.00 - 2.99	Tahap Rendah

Terdapat jawapan dari persoalan cadangan peningkatan keberkesanan penggunaan aplikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) telah dibentuk mengikut tema – tema agar mudah dikenali bentuk – bentuk cadangan yang dikemukakan untuk penambahbaikan di masa akan datang.

ii. Temu Bual

Semua maklumat temu bual yang telah direkodkan, dihuraikan secara deskriptif dan dinyatakan siapakah yang menjawabnya agar lebih mudah diketahui siapakah dan apakah jawapan yang diucapkan secara manual.

KAJIAN LITERATUR

Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi kesediaan pensyarah dalam penggunaan aplikasi yang mana membawa kesan kepada pengajaran dan pembelajaran dalam sesebuah institusi. Faktor ini disokong oleh beberapa kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji lepas. Menurut Nor Zaira Razali, Zolkefli Bahador, Mohd Kasri Saidon (2016) dalam kajian yang bertajuk Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Penggunaan *Virtual Learning Environment (VLE) Frog* dalam Kalangan Guru di Sekolah Menengah, kajian ini menunjukkan tahap kemahiran ICT guru dan tahap kemudahan ICT yang terdapat di sekolah adalah rendah. Dapatan kajian juga menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan di antara kemahiran ICT guru dan kemudahan ICT dengan tahap penggunaan *VLE Frog* dalam kalangan guru.

Menurut Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid dan Roslinda Ramli (2018) dalam kajian mereka yang bertajuk *Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor*. Hasil dapatan kajian mereka menunjukkan persepsi tahap kesediaan guru SRA terhadap penggunaan TMm dalam PdP adalah tinggi dan dapatan analisis menunjukkan guru SRA mempunyai persepsi positif terhadap penggunaan TMm dalam PdP.

Manakala kajian daripada Johari Hassan dan Fazliana Rashida (2011) kajian mereka menunjukkan bahawa kemudahan ICT yang digunakan oleh para pendidik adalah tinggi tetapi kekerapan pendidik menggunakan kemudahan serta peralatan ICT yang telah disediakan dalam proses P&P adalah sederhana manakala sambungan internet mengalami gangguan merupakan kekangan utama terhadap keperluan serta penggunaan ICT dalam proses P&P.

Kajian juga ada dijalankan oleh Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan & Mohd Isa Hamzah (2017) dalam kajian mereka yang bertajuk *Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan GPI sekolah menengah daerah Selangor berada pada tahap tinggi Manakala tahap kesediaan GPI berada pada tahap sederhana tinggi.

Terdapat beberapa kaedah yang telah diterapkan oleh oleh para ilmunan bagi mencapai tahap pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Menurut Norul Haida Bt.Reduzan, Zulkifli Osman, Abdullah Yusof (2018) dalam kajian mereka yang bertajuk *Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21*, menunjukkan pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 khususnya menggunakan teknik Three Stray One Stay dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah mampu meningkatkan tahap pencapaian penulisan karangan pelajar berbanding sebelum guru melaksanakan teknik PAK21. Justeru, guru harus lebih didedahkan dan mahir dalam PAK21 serta pelaksanaannya di sekolah harus diperluas.

Manakala menurut kajian Azizi Yahaya Rosnani Mohd Nor (2016) yang bertajuk *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Matapelajaran Teknikal*. Dapatan kajian mereka menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap keberkesanan pengajaran dan pembelajaran guru dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap matapelajaran teknikal.

Turut membuat kajian juga adalah Norjietta Julita binti Taisin (2018) dengan tajuk kajian *Keberkesanan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Dalam Kalangan Guru Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah*. Hasil kajiannya menunjukkan darjah persetujuan adalah positif terhadap teknik yang digunakan oleh guru dengan min keseluruhan 3.0. Dapatan kajiannya juga menunjukkan tahap pengurusan bilik darjah adalah positif. Dia juga mendapati penggunaan sumber atau bahan pengajaran menyumbang kepada keberkesanan teknik yang digunakan oleh guru melalui aktiviti-aktiviti semasa PdP (min =3.03).

Secara umumnya, terdapat pelbagai faktor yang menjadi penyebab keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, terdapat tiga perkara asas yang berkait rapat dan dikatakan sebagai punca utama peningkatan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, iaitu diri pelajar, pengajar serta kaedah yang digunakan oleh pengajar.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian yang diperoleh antaranya ialah melalui edaran soalan borang soal selidik kepada seramai 30 orang pensyarah IPDAS dan menemu bual seorang informan wakil daripada pihak pengurusan IPDAS dan 6 orang pelajar IPDAS termasuk IPDAS Keningau dan Kampus Kudat. Temu bual ini dijalankan bertujuan untuk melihat pandangan dari sudut pelajar dan pihak tertinggi terhadap kajian yang dijalankan kepada pensyarah IPDAS sendiri. Nilai *Alpha Cronbach* kajian ini untuk mengukur realibiliti adalah bernilai 0.923. Kajian rintis juga telah dijalankan ke atas 15 orang Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Keningau, nilai *Alpha Cronbach* yang diperoleh ialah 0.849.

Analisis Demografi Responden

Jadual 2 menunjukkan analisa demografi responden. Keputusan menunjukkan bilangan responden perempuan dan lelaki yang menjawab soal selidik ini adalah seimbang. Peratusan pensyarah yang berumur 30-39 tahun merupakan peratusan

tertinggi bernilai 53.3% seramai 16 orang, manakala peratusan umur pensyarah dalam lingkungan umur 40-49 tahun paling sikit iaitu 10% seramai 3 orang. Manakala umur pensyarah IPDAS di peringkat pertengahan dalam lingkungan umur antara 20-29 tahun bernilai 36.7% seramai 11 orang. Berdasarkan pengalaman dan tempoh berkhidmat pula bilangan pensyarah yang mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun mengajar adalah paling tertinggi seramai 15 orang (50%), ini menunjukkan banyak lagi bengkel dan kursus yang berkaitan perlu diberikan kepada mereka untuk meningkatkan lagi kemahiran pengajaran dan profesionalisme sebagai tenaga pengajar. Manakala bilangan pensyarah yang berkhidmat dalam tempoh 6-10 tahun seramai 8 orang (26.7), diikuti dengan pengalaman berkhidmat 11 -15 tahun seramai 7 orang (23.3%). Mereka juga memerlukan kursus dan bengkel yang bersesuaian dengan keadaan mereka yang telah menjadi senior dalam bidang pengajaran dan pendidikan namun skill terkini masih kurang lagi kerana zaman mereka dahulu tidak sama dengan zaman kemajuan teknologi dalam dunia pendidikan kini. Bilangan peratusan bangsa selain melayu lebih tinggi sebanyak 56.7% (seramai 17 orang) ini menunjukkan bahawa pensyarah ramai dari kalangan anak jati Sabah sendiri dan berbangsa bumiputera Sabah. Terdapat juga pensyarah yang merupakan kelahiran anak Sarawak berbangsa brunei. Bakinya pula merupakan anak perantau berasal dari Semenanjung seramai 13 orang (43.3%).

Jadual :2 Demografi responden

Maklumat Responden	Frekuensi	Peratusan (%)
Umur		
24-29 Tahun	11	36.7
30-39 Tahun	16	53.3
40-49 Tahun	3	10.0
Jantina		
Lelaki	15	50.0
Perempuan	15	50.0

Bangsa		
Melayu	13	43.3
Lain – Lain	17	56.7
Tempoh Berkhidmat		
Kurang 5 Tahun	15	50.0
6-10 Tahun	8	26.7
11-15 Tahun	7	23.3
Jantina dan Tempoh Berkhidmat		
Kurang 5 tahun		
Perempuan	5	33.3
Lelaki	10	66.7
6-10 Tahun		
Perempuan	3	37.5
Lelaki	5	62.5
11-15 Tahun		
Perempuan	5	71.4
Lelaki	2	28.6

Analisis Min Kemahiran Dalam Penggunaan Aplikasi Pensyarah IPDAS

Berdasarkan hasil yang diperoleh, item min yang paling rendah (3.8333) dalam kemahiran penggunaan aplikasi pensyarah IPDAS ialah “ saya lebih suka mengajar syarahan dan soal jawab”. Ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah IPDAS juga memahami bahawa pendekatan pengajaran secara konvensional kurang relevan pada masa kini disebabkan oleh kemajuan teknologi dan seluruh Negara menghadapi Pandemik COVID 19. Mahu tidak mahu, secara tidak langsung ini merupakan satu asbab utama penerapan pendekatan pengajaran baharu secara sepenuhnya perlu dilaksanakan secara dalam talian, bahkan para pengajar tiada pilihan untuk menolaknya. Jika tidak, sesi pengajaran dan pembelajaran akan terhenti dan tidak wujudlah proses penyampaian ilmu. Manakala min tertinggi bernilai (4.4667) dalam domain ini ialah saya percaya bahawa aplikasi boleh membantu meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam Pembelajaran. Majoriti pensyarah IPDAS bersetuju

bahawa melalui aplikasi dapat membantu menarik minat pelajar dan meningkatkan lagi pencapaian dalam pembelajaran. Jadual 3 menunjukkan analisis kemahiran dalam penggunaan aplikasi pensyarah IPDAS.

Jadual 3: Kemahiran Dalam Penggunaan Aplikasi Pensyarah IPDAS

Item	Min	Sisihan Piawai
Saya tahu menggunakan computer.	4.2667	0.63968
Saya tahu aplikasi dapat membantu menjadikan pengajaran lebih kreatif dan menarik minat pelajar	4.3667	0.76489
Saya percaya bahawa aplikasi boleh membantu meningkatkan minat dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran	4.4667	0.68145
Saya positif bahawa penggunaan aplikasi boleh diintegrasikan dalam pengajaran.	4.3333	0.75810
Saya lebih suka mengajar syarahan dan soal jawab	3.8333	0.74664
Saya pernah mengendalikan kuiz menggunakan aplikasi kahoot/ quizizz dan lain-lain di dalam kelas/ dewan kuliah.	4.0333	0.96431
Saya bersedia untuk meneroka aspek-aspek aplikasi dalam pengajaran bagi meningkatkan kemahiran dan juga pencapaian pelajar.	4.1667	0.79148

Bagi menjelaskan hubungan di antara kemahiran dalam penggunaan aplikasi dan keberkesanan PdP, analisis korelasi telah digunakan bagi menjawab Hipotesis 1. Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Hubungan di antara kemahiran dalam penggunaan aplikasi dan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP)

Bil	Item	Min Keberkesanan PdP
1.	Min Kemahiran Dalam Penggunaan Aplikasi	
	Pearson Correlation	0.550**
	Sig (2 tailed)	0.002
	N	30

H₁ Berdasarkan Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa kemahiran dalam penggunaan aplikasi terdapat hubungan signifikan dengan keberkesanan PdP. Ini kerana nilai sig (2 tailed) yang diperolehi kurang dari $p < 0.05$.

Analisis Sikap Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi

Nilai min paling rendah dalam item sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi ialah pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP membuatkan saya lebih memahami prestasi pelajar-pelajar. Ini menunjukkan bahawa tidak ramai pensyarah yang bersetuju bahawa melalui penggunaan aplikasi dalam PdP dapat mengetahui prestasi pelajar mereka dengan tepat dan baik. Manakala min tertinggi dalam item sikap ini adalah majoriti pensyarah IPDAS bersetuju bahawa pelaksanaan penggunaan aplikasi yang pelbagai dalam PdP akan menyebabkan pelajar menjadi seronok untuk belajar. Jadual 5 menunjukkan analisis min sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi.

Jadual 5: Sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1.	Pelaksanaan Penggunaan aplikasi dalam PdP membuatkan saya lebih memahami prestasi pelajar-pelajar	3.7000	0.91539
2	Pelaksanaan penggunaan aplikasi yang pelbagai dalam PdP menyebabkan pelajar menjadi seronok untuk belajar.	4.3000	0.70221
3	Walaupun pelaksanaan penggunaan aplikasi membebankan, saya tetap mematuhi etika penilaian.	4.2667	0.63968
4	Pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP meningkatkan motivasi saya sebagai seorang pendidik.	4.1667	0.74664
5	Pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP menyebabkan saya sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan berkaitan ilmu penggunaan aplikasi yang bersesuaian.	4.2667	0.58329
6	Melaksanakan penggunaan aplikasi dalam PdP meningkatkan profesionalisme kerjaya saya.	4.1667	0.83391
7	Melaksanakan penggunaan aplikasi dalam PdP meningkatkan keberkesanan pengajaran saya.	4.0667	0.86834

Seterusnya, bagi menjelaskan hubungan di antara sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi dan keberkesanan PdP, analisis korelasi telah digunakan bagi menjawab Hipotesis 2. Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual :6 Hubungan di antara sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi dan keberkesanan PdP

Bil	Item	Min Keberkesanan PdP
1	Min Sikap Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi	
	Pearson Correlation	0.654**
	Sig (2 tailed)	0.000
	N	30

H₂ Berdasarkan Jadual 6 menunjukkan bahawa sikap pensyarah dalam penggunaan aplikasi terdapat hubungan signifikan dengan keberkesanan PdP. Ini kerana nilai sig (2 tailed) yang diperoleh kurang dari $p < 0.05$.

OBJEKTIF 1: Analisis Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP

Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan faktor dalaman yang mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah IPDAS dalam Penggunaan Aplikasi ialah Kemahiran dalam Penggunaan Aplikasi PdP, kerana min bernilai (4.2095) lebih tinggi berbanding min Sikap Pensyarah dalam Penggunaan Aplikasi (4.1333). Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7: Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP

Bil	Faktor –Faktor Dalaman	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Kemahiran Penggunaan Aplikasi Pensyarah IPDAS	4.2095	0.45907	Tinggi
2	Sikap Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi	4.1333	0.63329	Sederhana

Analisis Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi

Hasil yang diperoleh menunjukkan nilai min item penyediaan kewangan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah diurus secara sistematik dan terancang terendah (3.2333) berbanding item penyediaan asset mudah alih dan tidak alih bagi

bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah diurus secara sistematik dan terancang (3.3333). Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Penyediaan asset mudah alih dan tidak alih bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah diurus secara sistematik dan terancang.	3.3333	0.88409
2	Penyediaan kewangan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah diurus secara sistematik dan terancang.	3.2333	1.00630
3	Penyediaan sumber pendidikan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah diurus secara sistematik dan terancang	3.3000	0.91539

Manakala bagi melihat hubungan di antara Sokongan Resos daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi dan Keberkesanan PdP, analisis korelasi telah digunakan bagi menjawab Hipotesis 3. Keputusan analisis hubungan ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8: Hubungan di antara Sokongan Resos daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi dan Keberkesanan PdP

Bil	Item	Min Keberkesanan PdP
1	Min Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi	
	Pearson Correlation	0.284
	Sig (2 tailed)	0.128
	N	30

H₃ Berdasarkan Jadual 8 menunjukkan bahawa Sokongan Resos daripada Pihak Pengurusan Institusi dalam penggunaan aplikasi **tidak** terdapat hubungan signifikan dengan keberkesanan PdP. Ini kerana nilai sig (2 tailed) yang diperoleh lebih dari $p > 0.05$.

Analisis Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi

Hasil yang diperoleh menunjukkan nilai min tertinggi (3.7333) ialah penilaian prestasi kerja pensyarah telah dilaksanakan bagi mengetahui keperluan latihan-latihan yang bersesuaian. Majoriti pensyarah bersetuju bahawa penilaian prestasi kerja telah dilaksanakan setiap semester. Oleh itu, prestasi pensyarah akan sentiasa dipantau dan dinilai ini menyebabkan pensyarah perlu meningkatkan soft skills yang sedia ada dan profesionalismenya dengan lebih baik lagi secara tidak langsung walaupun bengkel atau kursus yang disediakan kurang mencukupi dalam pembinaan kemahiran soft skills dan profesionalisme pensyarah. Manakala min paling rendah (3.4667) ialah program penggunaan aplikasi PdP berkesan telah disediakan dengan sistematik dan terancang. Program penggunaan aplikasi PdP yang terkini telah diadakan secara terancang, namun bilangan program yang disediakan masih masih diperlukan lebih banyak untuk mendepani cabaran kemajuan teknologi semasa dan menyahut seruan Menteri Pendidikan dan Hasrat Kementerian Pengajian Tinggi dalam kemajuan teknologi *Industrial Revolution* (IR 4.0) dalam pendidikan. Oleh itu, program yang ditawarkan di IPDAS merupakan bidang Pengajian Islam seharusnya juga tidak ketinggalan dalam menyahut seruan ini agar program yang dipelajari relevan dan boleh dimanfaatkan untuk keperluan sumber manusia dan dunia semasa atas kemahiran yang dimiliki. Jadual 9 menunjukkan keputusan analisis min penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan aplikasi

Jadual 9: Penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan aplikasi

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Penilaian prestasi kerja pensyarah telah dilaksanakan bagi mengetahui keperluan latihan-latihan yang bersesuaian.	3.7333	1.01483
2	Program pembangunan profesionalisme pensyarah telah diurus dengan terancang.	3.6000	1.00344
3	Program penggunaan aplikasi PdP berkesan telah disediakan dengan sistematik dan terancang.	3.4667	0.97320

Bagi melihat hubungan di antara penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan aplikasi dengan keberkesanan PdP, analisis korelasi telah digunakan bagi menjawab Hipotesis 4. Keputusan analisis hubungan ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10: Hubungan di antara penyediaan latihan persediaan pengajaran dan pembelajaran serta penggunaan aplikasi dengan keberkesanan PdP

Bil	Item	Min Keberkesanan PdP
1	Min Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi	
	Pearson Correlation	0.582**
	Sig (2 tailed)	0.001
	N	30

H₄ Berdasarkan Jadual 10 di atas menunjukkan bahawa Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi terdapat hubungan signifikan dengan keberkesanan PdP. Ini kerana nilai sig (2 tailed) yang diperolehi lebih dari $p < 0.05$.

OBJEKTIF 2 : Analisis Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Kesiapan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP

Hasil analisa yang diperoleh menunjukkan faktor luaran yang mempengaruhi kesiapan pensyarah IPDAS terhadap penggunaan aplikasi dalam PdP ialah Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi, min yang bernilai 3.6000 lebih tinggi berbanding Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi yang bernilai 3.2889. Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11: Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Kesiapan Pensyarah IPDAS Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP

Bil	Faktor –Faktor Luaran	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi	3.2889	0.88726	Rendah
2	Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi	3.6000	0.94595	Sederhana

Analisis Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Hasil analisa yang diperoleh menunjukkan bahawa min item “Pensyarah bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah (soft skills) pelajar.” Tertinggi bernilai 4.5333 berbanding item “Pensyarah bertindak sebagai pengawal pelaksanaan PdP untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangan.” Min bernilai 4.1667. Majoriti pensyarah IPDAS mengakui bahawa pensyarah tidak mampu mengawal pelaksanaan PdP mengikut perancangan kerana pensyarah terikat dengan arahan dari Pihak Tertinggi Institusi dalam pelaksanaan PdP semasa ke semasa. Contohnya seperti Pandemik COVID 19,

pensyarah telah menyusun dan merancang pelaksanaan PdP berbentuk bersemuka, namun apakan daya keadaan yang dihadapi tidak dapat dikawal dan perlu dituruti arahan terkini dalam pelaksanaan PdP demi kesihatan dan keselamatan bersama. Keputusan min keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) ditunjukkan dalam Jadual 12.

Jadual 12: Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Pensyarah bertindak sebagai perancang untuk memastikan kesediaan dan persediaan yang rapi dalam melaksanakan PdP.	4.2667	0.73968
2	Pensyarah bertindak sebagai pengawal pelaksanaan PdP untuk memastikan kelancaran proses pembelajaran mengikut perancangan.	4.1667	0.79148
3	Pensyarah bertindak sebagai pembimbing untuk membolehkan pelajar menguasai pengetahuan, kemahiran dan mengamalkan nilai berdasarkan objektif kursus.	4.2667	0.78492
4	Pensyarah bertindak sebagai pendorong untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran insaniah (soft skills) pelajar.	4.5333	0.62881
5	Pensyarah berperanan sebagai penilai untuk mengesan tahap penguasaan pelajar.	4.4333	0.72793
6	Pelajar bertindak sebagai pembelajar aktif untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai positif.	4.4333	0.67891

Dalam kajian ini, analisis untuk melihat faktor yang dominan turut dijalankan bagi melihat kesediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi yang mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seperti ditunjukkan dalam Jadual 13.

Jadual 13:Faktor Dominan Kesiediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi Yang Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Faktor – Faktor Kesediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi		Min		Min	Sisihan Piawai	Inter- pretasi
			Keberkesanan PdP (Unstandardized Coefficients)				
			B	Std Error			
Constant			1.282	.788			
1	Min Kemahiran Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi		.254	.308	4.2095	0.45907	Tinggi
2	Min Sikap Pensyarah dalam Penggunaan Aplikasi		.363	.240	4.1333	0.63329	Sederhana
3	Min Sokongan Resos Daripada Pihak Pengurusan Institusi Dalam Penggunaan Aplikasi		-.242	.137	3.2889	0.88726	Rendah
4	Min Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi		.359	.136	3.6000	0.94595	Sederhana

H₅ Berdasarkan Jadual 13 menunjukkan faktor dominan yang mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi ialah Kemahiran Pensyarah dalam Penggunaan Aplikasi. Ini kerana nilai min tertinggi bagi faktor kesiediaan pensyarah terhadap penggunaan aplikasi ialah Kemahiran Pensyarah dalam Penggunaan Aplikasi. Ini menunjukkan bahawa Kemahiran pensyarah dalam penggunaan aplikasi yang mempengaruhi keberkesanan PdP. Sekiranya mempunyai kemahiran yang tinggi dalam penggunaan aplikasi sekalipun, jika sikap pensyarah tidak menuju ke arah sikap yang positif maka tidak dapat memberi keberkesanan dalam PdP bersama pelajar- pelajar. Kemahiran dan sikap pensyarah itu sendiri penting dalam memastikan keberksanan PdP dapat dicapai.

OBJEKTIF 3 : Cadangan Peningkatan Keberkesanan Penggunaan Aplikasi Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Analisis Cadangan Melalui Soalan Borang Soal Selidik

Dalam kajian ini, setiap cadangan yang dikemukakan oleh responden telah diperincikan secara mendalam dan beberapa tema telah dibentuk bagi memudahkan perbincangan. Data yang diperolehi telah dipermudahkan dan ditunjukkan dalam Jadual 14.

Jadual 14: Cadangan penggunaan aplikasi yang lebih memberi kesan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Bil	Maklumat
R1	Tiada
R2	<i>Google, Classroom, Quizizz, Padlet</i>
R3	<i>Quizizz, Padlet, Quizlet, Google Classroom, Educreation, EdModo Season</i>
R4	Ajar dulu pensyarah aplikasi dan bagi kefahaman yang betul dan luas tentang aplikasi
R5	Tiada
R6	Bengkel pengendalian aplikasi yang perlu diberikan kepada pensyarah antaranya aplikasi penggunaan SPSS.
R7	<i>Powtoon</i>
R8	<i>Kahoot, Powerpoint.</i>
R9	<i>Google Meet</i> sebab boleh sampaikan maklumat secara bersemuka.
R10	Tiada
R11	Tiada
R12	Pilih aplikasi yang sesuai untuk pelajar
R13	Tiada
R14	<i>Google Classroom</i>
R15	<i>Classroom, Quizizz</i>


-
- R16** Pengukuhan kemahiran kepada pensyarah terlebih dahulu dalam penggunaan aplikasi
- R17** *Zoom & FB Live* sebab boleh *share slide*
- R18** Yang terkini, IR 4.0
- R19** Akses internet perlu ditambah baik
- R20** Penggunaan aplikasi memberi kesan yang baik dalam PdP
- R21** *Kahoot, Quizizz*
- R22** *Kahoot, Google Classroom*
- R23** Setuju semua peringkat perlu memahami penggunaan aplikasi yang mampu memberi kesan baik kepada semua.
- R24** Menyediakan capaian internet yang stabil untuk semua pelajar bagi memudahkan sistem Pembelajaran penggunaan slaid LCD
- R25** Sesuatu macam *Google Classroom* tapi lebih mesra pengguna
- R26** Tiada
- R27** Nota Pembelajaran dalam bentuk *Mobile Apps*
- R28** PdP Bersemuka
- R29** Tidak pasti
- R30** *Kahoot dan Google Form*
-

Hasil data yang diperoleh menunjukkan bahawa terdapat lima tema cadangan peningkatan keberkesanan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat disimpulkan daripada cadangan-cadangan yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah IPDAS di dalam borang soal selidik. Antaranya ialah:

- Tema 1** : Pihak Pengurusan Akademik perlu mengenalpasti aplikasi yang sesuai untuk pelajar mengikut subjek / kursus/ bidang agar wujud keseragaman dan sistematik.
- Tema 2** :Penyediaan bengkel / latihan penggunaan aplikasi online untuk PdP bagi mengukuhkan kemahiran pensyarah
- Tema 3** :Penyediaan kemudahan fasiliti / capaian internet yang stabil amat diperlukan untuk membantu kelancaran sesi PdP dapat dijalankan.

Tema 4 : Mempelbagaikan penggunaan aplikasi dalam PdP agar pelajar tidak bosan dan mengekalkan daya tarikan pelajar untuk terus minat untuk belajar.

Tema 5 : Kaedah pengajaran bersemuka diperlukan disebabkan oleh keterbatasan dan halangan-halangan yang menyukarkan proses penyampaian ilmu dapat disampaikan dengan baik.



Analisis Temu Bual Pelajar IPDAS Kampus Keningau dan Kudat

Jadual 15: Soalan Temu Bual Bersama Pelajar IPDAS Kampus Keningau dan Kudat

Bil	Item
1	Pada pandangan anda, sejauhmanakah pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat menarik minat untuk belajar?
2	Adakah pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat meningkatkan semangat dalam belajar berbanding menggunakan kaedah pengajaran guru tanpa menggunakan aplikasi? Nyatakan sebabnya.
3	Adakah anda memiliki data atau kemudahan internet dalam menggunakan aplikasi <i>online</i> yang digunakan oleh pensyarah dalam sesuatu subjek? Nyatakan sebabnya.
4	Adakah program penggunaan aplikasi PdP berkesan telah disediakan dengan sistematik dan terancang? Nyatakan sebabnya.
5	Adakah diberikan penerangan ketika menggunakan aplikasi <i>online</i> dari pensyarah yang mengajar sesuatu subjek?
6	Adakah penggunaan aplikasi <i>online</i> dalam PdP membantu menguasai dan memahami Pembelajaran dengan berkesan? Nyatakan sebabnya.

Hasil temu bual yang diperoleh dari 6 orang pelajar, **R1, R2** dan **R3** merupakan pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID) di IPDAS Kampus Kudat, manakala **R4,R5** dan **R6** merupakan pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) di IPDAS Kampus Keningau. Maklumat yang diperoleh daripada keenam-enam responden seperti berikut :

Soalan 1 : Pada pandangan anda, sejauhmanakah pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat menarik minat untuk belajar?

R1 : “ Mungkin ada pelajar yang suka belajar secara *online* dia mudah untuk faham, sebab mungkin tempat dia *line* ok, tapi ada pelajar yang tidak berapa minat disebabkan keadaan suasana tempat tinggal dia tu.”

R2 : “ Menurut pandangan saya, pertama memang *excited* sangat untuk ikut *class online* ini, lama kelamaan pandai hilang minat. Sebab mungkin cara yang sama sahaja digunakan, dia punya tarikan makin lama makin berkurang.”

R3 : “ Pada pendapat saya, mungkin penggunaan aplikasi adalah pilihan terbaik, sebab kadang- kadang pelajar, dorang bosan belajar dalam kelas, jadi dengan penggunaan aplikasi dorang lebih gemar.”

R4 : “ Penggunaan aplikasi dapat menarik minat dalam sesi pembelajaran kerana ianya mudah untuk mendapatkan maklumat berkenaan topik-topik yang dipelajari.”

R5 : “ Dapat menarik minat pelatih kerana corak perkembangan kehidupan dalam semua golongan terutama golongan muda, penggunaan aplikasi adalah dekat dengan mereka. Penggunaan aplikasi ini juga mudah tanpa memerlukan banyak bahan dan tenaga.”

R6 : “ Dapat meningkatkan semangat dalam belajar. Penggunaan aplikasi ini dapat meningkatkan ingatan dengan topik-topik yang telah dipelajari oleh pensyarah dan menguasai pembelajaran dengan mudah.”

Berdasarkan hasil temu bual soalan 1, majoriti responden bersetuju melalui pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat menarik minat mereka untuk

belajar. Tetapi, terdapat pelajar yang bosan lama kelamaan kerana kaedah yang sama digunakan dan tiada kreativiti atau kepelbagaian dalam penggunaan aplikasi *online* ketika sesi pembelajaran. Oleh itu, pensyarah perlu kreatif dari semasa ke semasa dalam sesi Pembelajaran dalam talian untuk terus kekal menarik minat pelajar dalam pembelajaran.

Soalan 2 : Adakah pelaksanaan penggunaan aplikasi dalam PdP dapat meningkatkan semangat dalam belajar berbanding menggunakan kaedah pengajaran guru tanpa menggunakan aplikasi? Nyatakan sebabnya.

R1 : “ Pendapat saya, lebih suka yang *face to face* berbanding dengan *online*, sebab tidak semua pelajar ada *line* yang sama, mungkin *time class* tidak semua pelajar ada *line* internet, kalau *face to face* kita boleh datang ke kelas dan menarik minat pelajar itu juga.

R2 : “ Kalau mengikut pendapat peribadi saya sendiri, pembelajaran secara *online* ini mengikut individu itu sendiri, bagi saya sendiri memang bersemangat pada mula-mula, tapi bagi saya secara bersemuka lagi berkesan, sebab kalau secara *online* itu ada pelajar yang buat perkara lain tanpa mengambil perhatian, pura-pura saja mendengar, jadi saya rasa pembelajaran dalam talian ini kurang berkesan berbanding bersemuka.”

R3 : “Mungkin dia dapat meningkatkan semangat untuk belajar sebab melalui aplikasi, contohnya dorang buat video dorang boleh gunakan kreativiti mereka sendiri untuk buat tu video, jadi itu salah satu sebab dorang berminat untuk belajar.”

R4 : “Seterusnya penggunaan aplikasi juga dapat meningkatkan semangat dalam belajar.”

R5 : “Meningkatkan semangat dalam belajar kerana aplikasi dapat memainkan peranan yang penting apabila ketiadaan pensyarah di dalam kuliah atau tutorial. Segala latihan mudah untuk diambil daripada pensyarah.”

R6 : “Penyusunan aplikasi yang baik dengan adanya pensyarah memberi penerangan cara menggunakannya.”

Berdasarkan hasil temu bual soalan 2, **R1** lebih suka pendekatan *face to face* disebabkan oleh masalah *line* internet yang tidak elok. **R2** pula mengatakan melalui pendekatan pembelajaran dalam talian membuka ruang bagi pelajar untuk tidak

mengambil perhatian dengan sebaiknya dalam pembelajaran kerana tiada pantauan dan tindakan yang diambil oleh pensyarah. Terdapat juga yang minat dan bersemangat dengan pendekatan menggunakan aplikasi kerana membantu memudahkan pelajar berkreaitiviti dengan video. Majoriti responden bersetuju melalui penggunaan aplikasi dalam PdP meningkatkan semangat dalam belajar.

Soalan 3 : Adakah anda memiliki data atau kemudahan internet dalam menggunakan aplikasi *online* yang digunakan oleh pensyarah dalam sesuatu subjek? Nyatakan sebabnya.

R1 : “ Ada data, tapi tidak sentiasa ada, kadang kadang *time class* tu la tiada datanya. Mungkin disebabkan kekurangan duit untuk membeli data.”

R2 : “ Kalau penggunaan data, mengikut keadaan kampung juga. Macam saya guna line *digi* pandai-pandai mo cari-cari tempat. Saya sendiri, kalau saya mo belajar, data tu memang ada, sebab saya langgan sedia, ada persediaan juga la. Tapi saya terpaksa juga pigi sana di pokok ustaz, untuk mencari *line* demi untuk mo belajar la sebab penting juga kan untuk belajar. Kadang-kadang tu data memang ada tapi cuma tempat tu saja tidak kuat mo tarik *line*.”

R3 : “Kalau dikatakan mampu mungkin tidak, sebab ada masa-masa dia yang satu kelas tu mengambil masa yang panjang. Jadi, kadang-kadang pelajar tidak mampu melanggan internet yang lebih lama. Jadi, situ ada kesukaran sedikit la untuk data tu.”

R4 : “Terdapat sesetengah pelajar tidak mempunyai capaian internet dengan baik.”

R5 : “Penggunaan aplikasi ini menggunakan data sendiri.”

R6 : “Saya tidak mempunyai masalah internet, ini kerana saya menggunakan internet sendiri.”

Hasil temu bual yang diperoleh dari soalan 3, terdapat pelajar yang mampu menggunakan data internet sendiri. Manakala terdapat juga pelajar yang mengalami masalah line internet dan perlu ke pokok untuk mendapatkan capaian line internet yang baik. Kekangan duit untuk melanggan data internet juga menyebabkan halangan

pelajar mengikut sesi PdP secara dalam talian dan tidak dapat menggunakan aplikasi *online* yang digunakan oleh pensyarah dalam sesuatu subjek.

Soalan 4 : Adakah program penggunaan aplikasi PdP berkesan telah disediakan dengan sistematik dan terancang? Nyatakan sebabnya.

R1 : “Ini secara jujur nya la ustaz, macam tidak berkesan lagi, tidak tersedia lagi sebab kita masih dalam fasa permulaan lagi.”

R2 : “Kalau ikut subjek, macam ustaz Pengantar Usul Fiqh guna aplikasi yang sama kira sistematik la kan sebab dari mula lagi ustaz guna aplikasi yang sama saja, jadi kami semua sudah sedia maklum sudah.”

R3 : “Pada pendapat saya, ya. Sebab sebelum mula pembelajaran kursus, pensyarah sudah maklumkan kepada kami, contohnya pensyarah ni suruh buat cari maklumat pasal satu aplikasi tu, jadi dari sana kami sudah bersedia, bagaimana cara menggunakan aplikasi tu.”

R4 : “Penggunaan aplikasi juga memberi kesan yang baik serta mudah untuk memahami.”

R5 : “Sebelum menggunakan aplikasi pensyarah memberi penerangan terlebih dahulu.”

R6 : “Ya, kerana ikut pemerhatian dan apa yang dialami, ustaz telah sediakan setiap soalan-soalan dalam apps tersebut secara tersusun mengikut satu satu bab yang telah diajarkan. Sebagai contohnya dalam subjek bahasa arab, kami akan disoal selepas dihafal akan diberi soalan dalam Quizizz. Jadi, melalui itu kami dapat tingkatkan lagi hafalan kami seperti maksud dalam peralatan dalam kelas dalam bahasa arab.”

Berdasarkan hasil temu bual soalan 4, pelajar tidak memahami soalan yang diajukan dengan baik. Akan tetapi, hasil maklumat yang diperolehi terdapat pensyarah yang telah menggunakan aplikasi PdP dengan berkesan secara sistematik dan terancang. Ini kerana, pensyarah subjek tersebut telah menggunakan aplikasi yang sama dan memudahkan persediaan pelajar untuk menggunakan aplikasi yang digunakan oleh pensyarah untuk menjalani sesi PdP.

Soalan 5 : Adakah diberikan penerangan ketika menggunakan aplikasi *online* dari pensyarah yang mengajar sesuatu subjek?

R1 : “Sebahagian ada, sebahagian kami cari sendiri.”

R2 : “Kalau subjek ustaz, ustaz ada terangkan sebelum kita belajar.”

R3 : “Iya, sebahagian ada, sebahagian kami cari maklumat sendiri.”

R4 : “Pensyarah memberi penerangan aplikasi sebelum menggunakan aplikasi.”

R5 : “Penerangan menggunakan aplikasi *online* kurang jelas kerana pelatih tidak boleh bertanya secara langsung di hadapan pensyarah sekiranya ada kemusykilan pada masa tersebut.”

R6 : “Ya, dalam penggunaan *apps* ini pensyarah akan memberikan penerangan terlebih dahulu sebelum kami memulakan sesi PdP dengan menggunakan *apps* seperti *Kahoot* dan *Quizizz*.”

Berdasarkan hasil temu bual soalan 5, semua responden menjawab mereka telah diberikan penerangan ketika menggunakan aplikasi *online* dari pensyarah yang mengajar sesuatu subjek. Sama ada penerangan sebelum sesi pembelajaran dijalankan atau semasa Pembelajaran berlangsung. Walaupun begitu, tidak semua subjek pensyarah memberikan penerangan bagaimana penggunaan aplikasi *online* ini. Maka, pelajar sendiri perlu mengambil langkah inisiatif sendiri mempelajarinya.

Soalan 6 : Adakah penggunaan aplikasi *online* dalam PdP membantu menguasai dan memahami pembelajaran dengan berkesan? Nyatakan sebabnya.

R1 : “Membantulah, tidak 100% . Sebab kita pun masih dalam fasa permulaan untuk belajar *online*, tapi seandainya belajar *online* ini diteruskan, mungkin perlu diatur dengan lebih teratur lagi, supaya kami pelajar ni boleh set masa sendiri dan kalau dibekalkan data lagi bagus.”

R2 : “Kalau pendapat saya sendiri, sejujur-jujurnya pembelajaran *online* ini memang tidak berkesan. Rasa dalam 40% sahaja berkesan, ada juga dapat nota sampingan. Tapi kadang-kadang ada juga sifat orang yang malas, kadang-kadang diorang tidak belajar. Jadi itu la, saya rasa dia tidak berapa berkesan, dari sikap orang juga, mungkin diorang ambil sikap sambal lewa saja.”

R3 : “Pembelajaran dalam talian bagi saya kurang efisien berbanding dalam kelas sebab hubungan antara pensyarah dengan pelajar itu kurang. Contohnya kalau pelajar itu ada persoalan, mungkin ada kesukaran sikit mo dapat pemahaman yang lebih teliti, dalam kelas tu mungkin 80%. Kalau *online*, mungkin separuh sahaja dalam 50% sebab dalam kelas kan ada masa yang panjang, jadi kami boleh bertanya sama ustaz.”

R4 : “Penggunaan aplikasi juga membantu menguasai pembelajaran dengan berkesan dan membolehkan pelajar merujuk semula aplikasi tersebut seperti *Google Classroom*.”

R5 : “Penggunaan aplikasi ini juga membantu dalam menguasai pembelajaran dengan berkesan kerana pelatih dapat mengimbas kembali atau mengulangkaji pelajaran yang pernah diterangkan.”

R6 : “Ya, melalui penggunaan aplikasi *online* seperti *Google Classroom* kami dapat membuat rujukan semula mengenai sub-sub topik yang pensyarah ajarkan kepada kami. Harapan saya, saya harap penggunaan *apps* dapat diperluaskan lagi. IPDAS juga dapat menyediakan rangkaian internet yang bagus, sebab kami ada masalah pencapaian internet.”

Berdasarkan hasil temu bual soalan 6, ini menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa melalui penggunaan aplikasi *online* dalam PdP membantu menguasai dan memahami pembelajaran dengan berkesan. Walaubagaimanapun, R3 mengatakan bahawa melalui Pembelajaran dalam talian kurang efisien kerana hubungan antara pensyarah dengan pelajar kurang. Jika terdapat sebarang permasalahan maka sukar untuk bertanya dan berinteraksi dengan pensyarah. Begitu juga dengan R2, mengatakan bawah Pembelajaran dalam talian tidak berkesan kerana terdapat sikap pelajar yang mengambil kesempatan untuk tidak belajar dengan bersungguh-sungguh.

Analisis Temu Bual Wakil Pihak Pentadbiran IPDAS

Jadual 15: Soalan Temu Bual Bersama Wakil Pihak Pentadbiran IPDAS

Bil	Item
1	Adakah pihak IPDAS telah menguruskan penyediaan aset mudah alih dan tidak mudah alih bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah secara sistematik dan terancang?
2	Adakah pihak IPDAS telah menguruskan penyediaan kewangan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah secara sistematik dan terancang?
3	Adakah pihak IPDAS telah menyediakan sumber pendidikan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah dan diurus dengan sistematik dan terancang?

SOALAN 1 : Adakah pihak IPDAS telah menguruskan penyediaan aset mudah alih dan tidak mudah alih bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah secara sistematik dan terancang?

Informan : “Pihak JAKIM telah meluluskan peruntukan perolehan peralatan. Walaubagaimanapun pihak pensyarah tidak maklum mengenai perancangan oleh pihak pengurusan. Proses permohonan berjalan tapi peralatan masih tidak dapat, jadi pensyarah masih tidak dapat merasainya.”

SOALAN 2 : Adakah pihak IPDAS telah menguruskan penyediaan kewangan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah secara sistematik dan terancang?

Informan : “ Pihak JAKIM bersedia untuk mempertimbangkan permohonan daripada pihak pensyarah IPDAS sekiranya terdapat keperluan untuk kegunaan pensyarah tapi perlu dikenalpasti aplikasi yang diperlukan oleh pensyarah. Bahagian Pengurusan Maklumat juga akan membangunkan system e-learning secara berperingkat dari semasa ke semasa dalam masa yang sama. Oleh itu, Cawangan Akademik juga boleh membantu merancang atau mengemukakan

aplikasi tertentu yang perlu digunakan oleh pensyarah IPDAS atau pensyarah diberikan kebebasan untuk memilih aplikasi yang sesuai untuk digunakan mengikut subjek tertentu.

SOALAN 3 : Adakah pihak IPDAS telah menyediakan sumber pendidikan bagi bahan aplikasi PdP untuk kegunaan pensyarah dan diurus dengan sistematik dan terancang?

Informan : “Pihak IPDAS telah memohon peroleh dan peruntukan dari semasa ke semasa pembelian buku dan telah diluluskan sebanyak dua kali mengikut permintaan pensyarah. Sumber pendidikan yang telah diuruskan secara sistematik dan terancang antaranya koleksi bahan bercetak. Pihak Pengurusan JAKIM sentiasa terbuka untuk mempertimbangkan dan meluluskan permohonan yang dikemukakan tetapi bergantung kepada pihak Akademik untuk membuat permohonan atau tidak. Terdapat peralatan yang telah diluluskan untuk studio IPDAS dan subjek Dakwah Digital, tapi masih belum diperoleh lagi.

Berdasarkan hasil temu bual bersama wakil Pentadbiran IPDAS dapatlah kita simpulkan permohonan yang dikemukakan telah dibawa ke peringkat JAKIM dan telah diluluskan, namun itemnya masih belum diperoleh. Manakala keperluan pembelian buku yang dimohon oleh pensyarah telah diluluskan dan telah sampai bukunya di IPDAS. Meskipun begitu, buku-buku yang diterima perlu direkodkan sebelum dapat digunakan oleh pihak pensyarah dan pelajar IPDAS sendiri.

CADANGAN / PENAMBAHBAIKAN

Kajian lanjutan daripada kajian ini disarankan untuk mengkaji aplikasi PdP yang mempengaruhi prestasi pelajar IPDAS. Ini bertujuan untuk melihat manakah aplikasi PdP yang benar-benar memberi kesan positif dalam pencapaian pelajar supaya prestasi pencapaian pelajar dan kefahaman pelajar IPDAS dapat ditingkatkan dan

dapatlah melahirkan graduan IPDAS yang berilmu, berkualiti dan berkredibiliti serta kreatif atau dikenali dengan *Rijal al-Dakwah* yang kontemporari.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, Faktor – Faktor Dalaman Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP ialah Kemahiran Pensyarah Dalam Penggunaan Aplikasi, manakala Faktor – Faktor Luaran Yang Mempengaruhi Kesiediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan Aplikasi Dalam PdP ialah Penyediaan Latihan Persediaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penggunaan Aplikasi Dalam PdP. Tanpa latihan yang disediakan dan diberikan kepada pensyarah IPDAS maka kemahiran dan profesionalisme tidak dapat ditingkatkan dan berkualiti. Semakin banyak bengkel dan latihan yang pensyarah terima dan sertai semakin bertambah ilmu terkini dan kemahiran yang bersesuaian dapat diaplikasikan dalam PdP.

Keberkesanan PdP juga dapat dicapai selari dengan pengaplikasian ilmu berkaitan teknologi terkini dalam dunia pendidikan. Sikap dan Kemahiran Pensyarah dipengaruhi oleh bengkel-bengkel dan latihan-latihan yang dihadiri. Semakin banyak bengkel dan latihan terkini yang diberikan semakin bertambah ilmu dan kemahiran terkini pensyarah. Sokongan Resos daripada Pihak Pengurusan Institusi amat penting juga dalam melancarkan lagi proses penyampaian ilmu dan penerimaan ilmu pelajar daripada pensyarah IPDAS. Meskipun faktor ini bukan menjadi faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan PdP, akan tetapi faktor dominan yang mempengaruhi keberkesanan PdP adalah kemahiran pensyarah terhadap penggunaan aplikasi. Jika pensyarah IPDAS sendiri tidak mahu bangkit dan melakukan perubahan seiring kemajuan teknologi semasa, maka kualiti pengajaran pensyarah akan memberi kesan kepada PdP yang berlangsung. Ini kerana, apabila pensyarah tidak memberikan pendedahan terkini dalam ilmu berkaitan teknologi yang amat diperlukan oleh pelajar. Kesannya, mereka tidak mempunyai bekalan ilmu yang secukupnya bagi mereka menghadapi dunia luar selepas mereka tamat pengajian.

Setiap zaman mempunyai keperluan terkini yang tersendiri. Jika kita tidak mengejarnya maka kita yang akan ketinggalan. Semakin sedikit pendedahan ilmu terkini yang didedahkan pensyarah kepada pelajar, semakin sedikit pengetahuan terkini yang diperoleh oleh pelajar IPDAS. Maka, tidak tercapailah matlamat untuk melahirkan graduan yang berkualiti, berilmu,berkredibiliti dan memiliki *soft skills* (kemahiran insaniah) terkini. Moga hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak IPDAS sendiri demi menambahbaik kemahiran dan kualiti pensyarah IPDAS demi kecemerlangan pelajar IPDAS dan ummah secara amnya.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya Rosnani Mohd Nor. (2016). *Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Guru Matapelajaran Teknikal*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Azwanie Binti Abraam @ Imran. (20 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID), IPDAS Kampus Kudat.
- Berita Harian Online. (2020, Mac 17). Kronologi COVID-19 di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>
- Berita Harian Online. (2019, Ogos 21). Memperkasa Pendidikan Tinggi Negara. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/08/598217/memperkasapendidikan-tinggi-negara>
- Berita Harian Online. (2017, November 23). *Transformasi KPT Sejajar Industri 4.0*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/354387/transformasi-kpt-sejajar-industri-40>
- Hamizan Bin Jeffrydin. (20 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID), IPDAS Kampus Kudat.
- Johari Hassan & Fazliana Rashida. (2011). Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Volume 4 December 2011, Pages 22-37. ISSN: 2231-7376.

- Khodijah Abdul Rahman, Siti Zaharah Mohid & Roslinda Ramli. (2018). Kesediaan Guru Menggunakan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Agama di Selangor. 4th International Conference on Information Technology & Society 30th-31st October 2018, Selangor. *Proceeding of IC – ITS 2018*, e – ISBN: 978-967-2122-64-7.
- Mohd Ibnu Al-Khair Bin Awang Besar. (20 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah (SAPID), IPDAS Kampus Kudat.
- Maimun Aqsha Lubis, Wan Nurul Syuhada' Wan Hassan dan Mohd Isa Hamzah (2017). Tahap Pengetahuan Dan Kesediaan Guru-Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Selangor Terhadap Penggunaan Multimedia Dalam Pengajaran Pendidikan Islam. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, Volume 1(1) January 2017, 1-13.
- Norjietta Julita binti Taisin. (2018). *Keberkesanan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Dalam Kalangan Guru Bahasa Kadazandusun Sekolah Rendah*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2018 (PASAK 2018). 23-24 April 2018 . Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor . e-ISBN: 978-967-2122-47-0.
- Norul Haida Bt.Reduzan, Zulkifli Osman & Abdullah Yusof. (2018). *Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke-21*. 9th International Conference on Language, Education, Humanities and Innovation 10th & 11th May, 2018.
- Nor Zaira Razali, Zolkefli Bahador & Mohd Kasri Saidon. (2016). Faktor – Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan VLE Frog Dalam Kalangan Guru Di Sekolah Menengah. International Seminar on Generating Knowledge Through Research UUM – UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia. *Proceeding Of ICECRS, 1 (2016) 1023-1032*. ISSN 2548-6160.
- Nurulhuda Binti Mohd Sukri. (2013). *Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kompetensi Di Kolej Vokasional*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik dan Vokasional). Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia
- Nurul Zulaikha Binti Hasanudin. (25 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI), IPDAS Kampus Keningau.
- Ong Sze Chong, Zamri Mahamod & Hamidah Yamat. (2013). Faktor Jantina, Kaum, Aliran Kelas Dan Hubungannya Dengan Kecerdasan Emosi Murid Dalam Mempelajari Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*, ISSN: 2180-4842. Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 12-23.
- Salbaini Binti Iman. (25 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI), IPDAS Kampus Keningau.
- Syahrin Abdullah. (20 September 2020). Responden Temu Bual. Wakil Pihak Pentadbiran Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah (IPDAS).

Siti Norlia Binti Musry. (25 Ogos 2020). Responden Temu Bual. Pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah (DDI) IPDAS Kampus Keningau.

Teks Ucaptama dan Majlis Perasmian YB Dr. Maszlee Malik Menteri Pendidikan. (2019, November 15). Kolokium Pendidikan Revolusi Industri 4.0. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/teks-ucapan-dan-slide/2019-7/3043-kolokium-pendidikan-revolusi-industri-4-0/file>

Yuhanis Binti Che Hassan. (2015). Pengetahuan, Sikap Dan Kesedaran Pensyarah Dalam Pengamalan Penyelidikan Di Politeknik Premier. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

SAEIDAH SYAMIELAH BINTI ABD RAHMAN

KM 6, Jalan Kampung Menawo,
Beg Berkunci No 12,
Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
89009 Keningau, Sabah

PENGARAH

Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau
Beg Berkunci 11,
89009 Keningau
Sabah

23 OGOS 2020

Melalui,

TIMBALAN PENGARAH

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah
KM 6, Jalan Kampung Menawo,
Beg Berkunci No 12,
89009 Keningau, Sabah



DR. BAHARUDIN BIN OTHMAN
TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)
INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
(IPDAS)

Tuan,

**KEBENARAN MENGEDAR BORANG SOAL SELIDIK DI INSTITUT PENDIDIKAN
GURU KAMPUS KENINGAU**

Saya Saeidah Syamiealah Binti Abd Rahman berkhidmat sebagai pensyarah di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) dan sedang menjalankan kajian sebagai syarat menamatkan pengajian saya di Universiti Malaysia Sarawak, UNIMAS.

2. Sehubungan itu, saya memohon kebenaran dari pihak tuan untuk mengedarkan borang soal selidik di Institut Pendidikan Guru Kampus Keningau kepada seramai 15 orang pensyarah IPG Kampus Keningau. Borang soal selidik yang berkaitan di Lampiran A berserta surat kelulusan menjalankan kajian daripada pihak UNIMAS.
3. Kerjasama dan keprihatinan pihak tuan saya dahului dengan jutaan terima kasih.

Yang Benar,



(SAEIDAH SYAMIELAH BINTI ABD RAHMAN)

KEBOLEHLAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM TALIAN DALAM KALANGAN PENSYARAH DAN PELAJAR IPDAS SEMASA PANDEMIK COVID-19

Ahmad Nur Amsyar bin Zainal¹, Naslihah binti Abdul Nasir², Datu Mohd. Sallehin bin Moksan³, Mohd. Shahrozan bin Oton⁴, Azman bin Madusin⁵

^{1,2,3,4} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

⁵ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

ABSTRAK

Pengajaran dan pembelajaran dalam talian memainkan peranan yang amat penting terutama sekali semasa Pandemik COVID-19 berlaku. Kini, pembelajaran dalam talian bukan hanya sebagai bahan bantu mengajar tetapi sudah dikira sebagai kaedah utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Namun demikian pelbagai cabaran dihadapi bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di dalam talian oleh para pengajar dan juga pelajar di IPDAS. Tujuan kajian dilaksanakan adalah untuk mengkaji kaedah yang digunakan oleh pensyarah bagi pengajaran dan pembelajaran dalam talian, mengkaji masalah yang dihadapi ketika pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan juga impak pengajaran dan pembelajaran dalam talian kepada pensyarah dan pelajar. Kajian ini melibatkan pensyarah dan pelajar di IPDAS dan melihat secara khusus hasil yang telah diperolehi daripada data kajian untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi. Dapatan kajian telah menunjukkan pensyarah masih lagi di tahap permulaan dalam pengajaran dan pembelajaran dalam talian dan ini juga telah memberi kesan kepada proses PdP itu sendiri. Masalah yang telah dikenalpasti adalah disebabkan oleh rangkaian internet yang tidak stabil menyebabkan pensyarah dan pelajar kurang bermotivasi untuk mengajar dan belajar. Kajian ini juga mendapati hampir 50 peratus pelajar tidak boleh memenuhi objektif yang digariskan dalam pengajaran dan pembelajaran yang sepatutnya dicapai. Oleh yang demikian, melalui kajian ini diharapkan dapat membantu memperbaiki dan merencanakan lagi perkembangan teknik dan pendekatan proses PdP yang digabungkan dengan kemajuan teknologi terkini.

KATA KUNCI: *pengajaran dan pembelajaran dalam talian, pensyarah dan pelajar IPDAS, kebolehlaksanaan, pandemik Covid 19*

PENGENALAN

Pandemik Covid-19 telah menular pada awal tahun 2020 diseluruh dunia dengan begitu cepat. Lantaran itu, kerajaan Malaysia telah mengambil langkah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 yang mana semua aktiviti ekonomi dan sosial termasuk pendidikan seakan terhenti. Semua rakyat diminta untuk duduk di rumah dan keluar jika ada keperluan untuk membeli makanan dan hal-hal kecemasan sahaja. Aktiviti pendidikan juga mengalami satu kejutan kerana Malaysia masih menggunakan pengajaran dan pembelajaran (PDP) secara bersemuka secara asasnya dan ini memaksa semua tenaga pendidik menjadi kreatif dalam menjalankan PDP.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan Pusat Pemberi Pendidikan Tinggi dibawah JAKIM yang mana menawarkan program Diploma Dakwah Islamiyyah yang diiktiraf MQA dan program Sijil yang diiktiraf oleh JAKIM. IPDAS terbahagi kepada 2 kampus iaitu Kampus Keningau dan Kampus Kudat. Oleh itu, berikutan isu pandemik ini IPDAS turut menerima tempiasnya seperti Pusat Pemberi Pendidikan Tinggi lain di Malaysia yang mana pelajar perlu belajar mengikut kesesuaian capaian yang sedia ada di rumah masing-masing. Masalah berkaitan perkara ini perlu dijelaskan dengan lebih terperinci agar satu kajian dapat dilaksanakan untuk melihat punca, kaedah dan impak yang berlaku kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPDAS ketika pandemik ini.

PENYATAAN MASALAH

Pensyarah di IPDAS juga turut mengalami kesukaran untuk melaksanakan PDP semasa Pandemik Covid-19 ini berlaku. IPDAS mengeluarkan beberapa pekeliling yang melibatkan PDP secara dalam talian yang mana pensyarah perlu meneruskan

kelas atau kuliah supaya semester pengajian dapat diteruskan. Hal ini memberi kesukaran kepada pensyarah kerana memerlukan penyediaan logistik dan kebolehcapaian dengan pelajar dalam PDP. Masalah akses kepada internet juga satu masalah yang cukup besar kerana terdapat pelajar yang tinggal di kawasan yang kurang akses internet dan perlu keluar ke kawasan lain. Hasil perjumpaan dengan pensyarah IPDAS secara rawak kebanyakan pelajar yang menyertai kelas dalam talian sama ada menggunakan aplikasi *Zoom* atau *Google Meet* hanya 1/3 sahaja secara purata dapat menyertai kelas ini selebihnya tidak dapat akses kerana masalah internet. Sehubungan itu, penyampaian ilmu kepada pelajar tidak dapat disampaikan dengan sebaiknya dan hasil pembelajaran mungkin tidak dipenuhi seperti yang diharapkan. Oleh itu, satu kajian perlu dilakukan untuk mengkaji kebolehlaksanaan

OBJEKTIF KAJIAN

- i. Mengkaji kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian.
- ii. Mengkaji masalah yang dialami oleh pensyarah dan pelajar ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian.
- ii. Mengenalpasti sejauhmana impak pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai oleh pelajar berdasarkan pendapat pensyarah dan pelajar dengan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah kaedah yang digunakan oleh pensyarah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian.
- ii. Apakah masalah yang dialami oleh pensyarah Ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian.
- iii. Sejauhmanakah impak pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai oleh pelajar berdasarkan pendapat pensyarah dengan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

TINJAUAN LITERATUR

Nor Fauziana Mohd Salleh (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Dalam talian Suatu Keperluan Di Malaysia. Pahang : Kolej Komuniti Bentong.

Menurut Nor Fauziana Mohd Salleh (2020) dalam artikelnya yang bertajuk *Pandemik Coronavirus (Covid-19): Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Dalam talian Suatu Keperluan Di Malaysia* menyatakan bahawa pembelajaran dan pengajaran dalam talian sesuatu yang wajar Ketika pandemik ini kerana sekurang-kurangnya 70% individu di Malaysia menggunakan ICT dalam kehidupan mereka samada menggunakan internet, komputer atau telefon bimbit. Oleh yang demikian, PDP secara dalam talian adalah medium terbaik untuk memastikan kesinambungan proses pembelajaran sewaktu pandemik COVID-19 ini melanda negara. Selain itu, Kebanyakan institusi pendidikan mempunyai platform pembelajaran dalam talian yang tersendiri yang mudah diakses oleh pelajar institusi masing-masing. Sebagai contoh, CIDOS merupakan platform asas bagi pembelajaran, perbincangan dan penilaian bagi kegunaan politeknik. Platform lain seperti Google Classroom, Whatsapp, Telegram, Zoom, YouTube, Webex dan lain-lain juga boleh diakses dan digunakan sebagai medium PDP secara dalam talian. Pelajar juga boleh mengulangkaji pelajaran melalui medium TV Pendidikan di saluran TV terutamanya bagi pelajar-pelajar yang akan menghadapi peperiksaan seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

Alison Fields dan Maggie Hartnett. (2020). Online Teaching and Learning: COVID-19 Special Issue. Journal of Open, Flexible and Distance Learning, 24(1).

Alison Fields dan Maggie Hartnett (2020) turut menyatakan dalam penulisannya di Journal of Open, Flexible and Distance Learning bahawa. UNESCO menganggarkan lebih 90 peratus pelajar di dunia tidak menghadiri kelas atau kuliah berikutan pandemik ini dan lebih 1.5 billion pelajar terbabit. Hal ini menyebabkan semua tenaga pengajar

beralih kepada pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian dalam masa yang sangat pantas kerana ia satu keperluan yang perlu disegerakan.

Rachel Gong. (2020). *Coping with Covid-19 : Distance Learning and the Digital Divide*. Kuala Lumpur : Khazanah Research Institute.

Rachel Gong (2020) menyatakan dalam *Coping with Covid-19: Distance Learning and the Digital Divide* bahawa kerajaan telah menyediakan platform yang sesuai untuk kelas secara dalam talian sebagai contoh bekerjasama dengan Google yang menghasilkan Google Classroom dan Eduweb TV. Walau bagaimanapun tetap berlaku kekangan kerana tidak semua pelajar dapat akses kepada platform ini. Masalah data internet juga punca kepada masalah dan kerajaan telah meminta syarikat telco memberi data internet percuma seperti Digi yang menawarkan 1GB percuma data selama satu hari. Langkah ini bagus namun ia masih tidak menyelesaikan masalah yang dihadapi pelajar kerana data yang diberikan terlalu sedikit dan dicadangkan untuk men=mberi internet percuma tanpa apa-apa syarat. Terdapat juga guru yang mengambil peluang pulang ke kampung Ketika PKP menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terganggu kerana rangkaian internet di kampung tidak sebaik dibandar dan murid tetap tidak mendapat akses yang terbaik untuk belajar.

Rubiah Omar dan Jamilah Hj. Ahmad. (2009). *Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik*.

Kajian tinjauan ini dijalankan dalam kalangan ahli akademik Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kesedaran, penilaian dan penerimaan e-pembelajaran dalam kalangan ahli akademik yang membantu proses pembelajaran dan pengajaran. Data kuantitatif dikumpul melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 119 responden. Teori Resapan Inovasi oleh Rogers' dijadikan asas hanya untuk mengenal pasti tahap penerimaan e-pembelajaran dalam pengajaran. Hasil kajian mendapati kesedaran responden terhadap lima konsep e-pembelajaran dalam sistem pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi. Ini kerana usaha yang telah dilakukan oleh pihak pentadbiran universiti

untuk menggalakkan ahli akademik menggunakan sistem e-pembelajaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dari segi penilaian responden terhadap hubungan antara kefahaman e-pembelajaran dengan kesediaan pembelajaran arahan sendiri pula adalah memuaskan. Hasil kajian juga mendapati penerimaan responden terhadap penggunaan e-pembelajaran adalah tinggi kerana majoriti responden memahami keseluruhan konsep dan tanggungjawab yang harus dimainkan dalam melaksanakan e-pembelajaran. Secara keseluruhan, responden menerima secara positif penggunaan e-pembelajaran dalam membantu proses pembelajaran dan pengajaran.

Jafri Malin Abdullah, Wan Faisham Nu'man Wan Ismail, Irfan Mohamad, Asrenee Ab Razak, Azian Harun, Kamarul Imran Musa dan Yeong Yeh Lee. (2020). *A Critical Appraisal of COVID-19 in Malaysia and Beyond*. Malays J Med Sci. Mar–Apr 2020; 27(2): 1–9. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Menurut Jafri Malin Abdullah *et.al*, (2020) dalam artikel *A Critical Appraisal of COVID-19 in Malaysia and Beyond* yang ditulis menyatakan pandemik ini merupakan satu peluang untuk meningkatkan pendidikan secara dalam talian daripada rumah. Hampir 5 juta pelajar sekolah dan 1.2 juta pelajar universiti di Malaysia terkesan dengan pandemik ini. Pendidikan sebegini bukan sesuatu yang baru bagi Malaysia malahan ia telah berlaku sejak 1990-an lagi. Sesungguhnya, teknologi yang berinovasi telah menyebabkan Pendidikan juga turut berubah dengan cepat. Berdasar situasi COVID-19 ini pengajaran secara dalam talian ini bukanlah satu pilihan yang tidak boleh ditolak lagi namun penggunaan teknologi maya dan memastikan kesediaan pelajar serta institusi adalah sesuatu yang mencabar.

TEORI PEMBELAJARAN *CONNECTIVISME* DAN E-PEMBELAJARAN

Pembelajaran dan pengajaran dalam talian amat berkaitan rapat dengan teori *Connectivisme*. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori ini sebagai sandaran kajian. Beberapa teori pembelajaran baru diperkenal dan dibahaskan lantaran dan kesan pengaruh teknologi dalam talian. Downes (2007) memperkenalkan teori

connectionism manakala Siemens (2005) memperkenalkan teori *connectivism*. Kedua-dua teori ini melihat perubahan dan kesan dalam pembelajaran yang dibawa oleh gelombang teknologi baru dalam zaman rangkaian. *Connectionism* menjelaskan tentang pembelajaran yang berkonsepkan agihan pengetahuan yang disebarkan (*distributed knowledge*), pengetahuan yang muncul (*emergent*), berangkai (*connected*) dan bersesuaian (*adaptive*). Manakala *connectivism* pula menekankan pembelajaran yang berkonsepkan hubungan dan interaksi pengguna dalam talian rangkaian sosial menggunakan teknologi web 2.0 seperti blog dan wiki berdasarkan kepada teori huru-hara dan rangkaian (Siemens, 2005). Bagi beliau pembelajaran adalah tindakan untuk membentuk kumpulan dan hubungan dalam rangkaian untuk membina dan menjana ilmu pengetahuan dalam Era Digital. Walau bagaimanapun kedua-dua teori ini masih memerlukan lebih banyak kajian empirikal untuk menyokong dan membuktikan kekuatan dan kesahihan teori (Verhagen, 2006; Kop dan Hill, 2008). Namun teori *connectivism* mempunyai landasan yang kuat untuk dikaji lagi dan dijadikan teori (Kerr, 2007) kerana kemunculan sesuatu teori pembelajaran adalah dipengaruhi oleh masa, keadaan, epistemologi atau pemikiran dan teknologi semasa yang digunakan untuk memudahkan manusia mengajar, belajar dan mencari dan membina ilmu. Dalam era maklumat, sesuatu teori pembelajaran baru diperlukan untuk bertindak terhadap perkembangan dan kompleksiti sumber maklumat dalam rangkaian yang kian bertambah dan peralatan komunikasi baru yang dapat memenuhi keperluan pembelajaran berasaskan web, (Siemens, 2005). Sekiranya ia tidak boleh diterima sebagai teori pembelajaran baru sekurang-kurangnya ia boleh memperkasakan teori pembelajaran yang sedia ada atau menjelaskan konsep *Tehnological Pedagogical Content Knowledge* (TPACK).

KEPENTINGAN KAJIAN

Melalui kajian ini dapat memberi manfaat berikut kepada IPDAS secara umumnya iaitu:

- i. Cadangan hasil kajian ini boleh dijadikan model dalam meningkatkan lagi penggunaan e-pembelajaran serta penerapan budaya pembelajaran dalam talian dalam kalangan staf akademik dan pelajar.

- ii. Selain itu, kajian ini menjadi sandaran kukuh IPDAS dalam melengkapkan infrastruktur, modul dan latihan berkaitan yang perlu disegerakan dalam memastikan PDP dalam talian dapat dijalankan.

DEFINISI ISTILAH

Definisi e-pembelajaran boleh dibahagikan kepada dua: Konseptual dan operasional. Definisi konseptual menekankan proses pembelajaran yang melibatkan interaksi kolaboratif dan konstruktif menggunakan pelbagai alat elektronik dalam pembelajaran dalam talian. Manakala definisi operasional pula memberi tumpuan kepada kemahiran mengendalikan alat atau perkakasan teknologi (tumpuan kepada teknologi) dalam talian untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Penjelasan definisi ini selaras dengan definisi teknologi pendidikan yang memberi penekanan kepada teknologi sebagai proses dan teknologi sebagai produk (Yusup Hashim, 2012)

Pembelajaran dalam talian adalah penggunaan Internet untuk mengakses bahan pembelajaran; berinteraksi dengan kandungan, pengajar, dan rakan pelajar; mendapatkan sokongan semasa proses pembelajaran berlaku agar dapat menimba ilmu, membina sesuatu yang bermakna dan dapat berkembang hasil daripada pengalaman pembelajaran (Yusup Hashim, 2012). Definisi ini menekankan kepentingan Internet dan interaksi dalam pembelajaran jarak jauh.

Istilah “Dalam talian” merupakan terjemahan kepada istilah bahasa Inggeris “*Online*” (ada yang menterjemahnya sebagai “Dalam Talian”), bermaksud “*connected to and under the control of a central processor*” (e-Kamus 5.02 – Dictionary of Computer, 2007), “*actively using a computer system, especially the Internet*” (<http://foldoc.org/online>, 29 Januari 2014). Berdasarkan definisi ini, difahami bahawa “Dalam talian” merupakan sesuatu aktiviti yang melibatkan penyambungan kepada sesuatu sistem bagi alatan teknologi tertentu (iaitu; komputer), dan sistem itu biasanya adalah internet (Ahmad Zaki *et al.* 2014)

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Bentuk kajian yang akan digunakan oleh penulis adalah kajian yang berbentuk kualitatif. Antara jenis kajian yang dikaitkan dengan kajian berbentuk kualitatif adalah kajian tindakan, kajian kes, kajian lapangan dan analisis dokumen. Kajian secara kualitatif dibuat secara holistik bagi memaparkan elemen yang dikaji dalam persekitaran bagi menampakkan perspektif pengkaji.

Kaedah Pengumpulan Data

Dalam kaedah kualitatif terdapat pelbagai kaedah pengumpulan data yang boleh digunakan. Namun dalam penyelidikan ini dicadangkan dua kaedah yang dilakukan iaitu analisis dokumen dan temu bual.

i. Analisis Dokumen

Kajian ini dihasilkan dengan mendapatkan data melalui analisis dokumen. Analisis dokumen yang dijana telah dibahagikan kepada satu sumber iaitu sumber kedua (sekunder). Sumber sekunder yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Pekeliling Pengarah IPDAS
- b) Jurnal dan artikel berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran ketika pandemik COVID-19
- c) Arahan atau Pekeliling Rasmi Kerajaan mengenai Pendidikan Ketika Perintah Kawalan Pergerakan dan COVID-19.
- d) Akhbar-akhbar dan juga majalah-majalah secara dalam talian atau biasa seperti Sinar Harian, Berita Harian dan lain-lain lagi.
- e) Laman sesawang yang membincangkan isu Pendidikan ketika Perintah Kawalan Pergerakan dan COVID-19.

Melalui kaedah analisis dokumen pelbagai maklumat mengenai isu pengajaran dan pembelajaran semasa COVID-19 ini dapat dicungkil untuk melihat sejauhmana aktiviti pengajaran dapat berjalan. Seterusnya, berdasarkan sumber yang lain dapatlah dianalisis mengenai persoalan impak dan masalah yang dihadapi oleh pensyarah ketika pengajaran secara dalam talian.

ii. Prosedur Temubual

Dalam mendapatkan hal-hal yang berkaitan dengan pandangan mengenai kaedah, masalah dan impak pengajaran dalam talian ini seharusnya proses temubual dilakukan dengan 2 orang pensyarah dalam bidang bahasa. Temu bual yang dipilih untuk kajian ini adalah berbentuk temu bual semi struktur. Tujuan temu bual ini untuk menganalisis kaedah yang digunakan oleh pensyarah bidang bahasa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian dan masalah yang dialami oleh pensyarah ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian. Di samping itu, membangkitkan persoalan sejauhmana impak pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai oleh pelajar berdasarkan pendapat pensyarah dengan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.

Prosedur Analisis Data

Dalam analisis data ini, pengkaji menggunakan pendekatan deduktif dan deskriptif dalam menyampaikan maklumat-maklumat yang diperolehi. Hal ini disebabkan deduktif adalah lebih sesuai untuk pendekatan analisis dokumen dan temubual lebih baik dibuat dalam bentuk deskriptif kerana ia lebih kepada pertanyaan bercerita. Oleh itu, dalam proses analisis data ini pengkaji telah membahagikan kepada beberapa peringkat iaitu:

Peringkat pertama, pengkaji mengumpul semua maklumat dan data samada melalui dokumen dan temubual. Hasil analisis dokumen akan disusun mengikut bentuk deduktif dan hasil temubual pengkaji transkripan. Secara tidak langsung pengkaji dapat membiasakan diri dengan data-data yang diperolehi.

Peringkat kedua, pengkaji membuat interpretasi data dan pengkelasan secara manual mengikut objektif yang hendak dicapai, iaitu kaedah yang digunakan oleh pensyarah bidang bahasa dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian dan masalah yang dialami oleh pensyarah ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran semasa pandemik COVID-19 ini secara dalam talian. Di samping itu, membangkitkan persoalan sejauhmana impak pengajaran dan pembelajaran boleh dicapai oleh pelajar berdasarkan pendapat pensyarah dengan melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian.


Peringkat ketiga pula, pengkaji melakukan deskripsi data iaitu semua data yang telah dikelaskan ini diolah dan disusun mengikut objektif. Semakan demi semakan terhadap pernyataan informen juga turut dilakukan sepanjang proses ini, agar maklumat yang disampaikan jelas dan tepat.

DAPATAN KAJIAN

Objektif 1

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian yang digunakan oleh pensyarah seperti Rajah 1. Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian terbahagi kepada dua iaitu bersemuka dan tidak bersemuka. Kaedah bersemuka yang digunakan adalah aplikasi *Zoom*, panggilan video (*video call*) *WhatsApp* dan *Google Meet*.

Kedua – dua responden menggunakan aplikasi – aplikasi yang di atas kecuali *Zoom* di mana hanya Responden Satu (R1) yang menggunakan aplikasi tersebut. Manakala, kaedah tidak bersemuka pula adalah *Google Classroom*, blog dan video naratif di mana R1 menggunakan *Google Classroom*, blog dan video naratif dan R2 menggunakan *Google Classroom* dan video naratif. Responden telah mencuba sebaik mungkin dalam mengendalikan semua aplikasi ini bagi menjayakan PDP dalam talian ini.




Rajah 1 : Kaedah PdP dalam talian yang digunakan pensyarah

Objektif 2 (i)

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pensyarah dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran. R1 dan R2 seperti Rajah 2 menyatakan bahawa beliau berhadapan dengan masalah rangkaian internet yang kurang memuaskan pada masa – masa tertentu. Selain itu, R1 juga mengalami sedikit kesukaran dalam mengaplikasikan kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian atas faktor norma baru ini yang bukan menjadi kebiasaan bagi tenaga pengajar.

Perkara ini menjadi suatu cabaran bagi mereka untuk melaksanakan sesi kuliah kerana kebanyakan pelajar mahupun pensyarah dapat memberik penerangan dengan lebih jelas berkaitan kandungan atau intipati pelajaran dalam sesi kuliah secara

konvensional iaitu secara bersemuka dan secara fizikal berada dalam kelas bukan secara dalam talian. Seterusnya, R2 menyatakan bahawa masalah yang dihadapi dalam mengendalikan sesi pengajaran dan pembelajaran ialah kurangnya kemahiran tenaga pengajar terutamanya dalam penggunaan teknologi. Lantaran itu, PdP akan berlaku sedikit kelewatan dalam memulakan kelas dan mungkin mengganggu pensyarah dalam menyampaikan PDP dengan lebih baik.




Rajah 2: Masalah PdP dalam talian yang dihadapi oleh pensyarah

Objektif 2 (ii)

Hasil dapatan berkaitan masalah PDP dalam talian yang dihadapi oleh pelajar boleh dikategorikan kepada tiga masalah seperti digambarkan dalam Rajah 3. Pertama, berkaitan rangkaian internet. Majoriti iaitu 10 daripada 10 responden menyatakan rangkaian internet merupakan masalah major yang dihadapi oleh pelajar IPDAS sepanjang PDP secara dalam talian ketika pandemik Covid-19. Berikut merupakan maklumat data yang diperolehi. R1; “masalah lain pulak line la”. R2; “antaranya adalah internet lah”. R3; “masalah internet”. R4; “ni masalah line lah”. R5; “kampung saya ini susah dapat talian internet, kalau mau dapat line kuat pun terpaksa keluar pergi pekan”. R6; “kedua memang dari segi aa faktornya line lah. Data”. R7; “masalah pertama sekali adalah masalah line yang kadang-kadang ada kadang-kadang tidak. R8; “dari segi line”. R9; “internet yang sangat lambat”. R10; “Yang kedua sir masalah gangguan apa rangkaian...(line) itu ja sir.

Kedua, hasil dapatan berkaitan masalah PDP dalam talian yang dihadapi oleh pelajar ialah kekangan belajar di rumah. Kebanyakan pelajar tidak dapat memberi fokus kerana di rumah perlu membantu ibu bapa dan gangguan lain yang menghalang pelajar untuk belajar. Menurut R3; “kalau di asrama kita nda banyak gangguan dari orang lah sebab kalo mau jaga adik lagi...ooo.. macam itu mengganggu la juga”. R6; “kami apabila belajar secara online ni kami memegang tanggungjawab sebagai anak, sebagai pelajar juga jadi kadang memang agak susah membagi kerjasama sebab kalau duduk di rumah memang lebihkan masa di rumah lah, tolong ibu”.


Selain itu, hasil dapatan berkaitan masalah PDP dalam talian yang dihadapi oleh pelajar yang ketiga ialah data internet tidak mencukupi. Pelajar IPDAS menggunakan langganan internet secara pra bayar yang mempunyai had limit data setiap kali pembelian. Setiap kali PDP dalam talian memerlukan banyak data untuk memastikan PDP dapat diteruskan. Menurut R7: “sebab kedua adalah data yang tidak cukup” manakala R9 menyatakan “Kadang-kadang tidak dapat join kelas sebab capaian internet yang terhad”.



Rajah 3: Masalah PdP dalam talian yang dihadapi oleh pelajar

Objektif 3 (i)

Kajian ini juga menganalisa impak pengajaran dan pembelajaran dalam talian oleh pensyarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa impak ketercapaian pengajaran dan pengambilan yang dianggarkan hanyalah 50 peratus secara keseluruhan menurut R1 dan R2. Hal ini menunjukkan ia sesuatu yang serius dan perlu diberi perhatian sewajarnya. Selain itu, kedua – dua responden juga memberi maklum balas bahawa terdapat perubahan secara 180 darjah dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran yang merupakan suatu cabaran bagi tenaga pengajar yang mana pensyarah masih belum terlalu bersedia untuk mengajar secara dalam talian. Seterusnya, impak daripada sesi pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian ialah pemantauan terhadap prestasi para pelajar yang kurang berbanding sesi pengajaran dan pembelajaran secara konvensional (fizikal). Pensyarah tidak dapat menilai dengan lebih baik sekiranya pelajar tidak berada secara bersemuka dan ini perlu ditambahbaik agak penilaian pensyarah secara dalam talian mestilah sama seperti mana secara bersemuka. Impak PdP yang dihadapi oleh pensyarah ditunjukkan dalam Rajah 4.




Rajah 4: Impak PdP dalam talian yang dihadapi oleh pensyarah

Objektif 3 (ii)

Dapatan bagi impak PDP dalam talian oleh pelajar terbahagi kepada lima impak seperti dalam Rajah 5. Antaranya ialah kurang memuaskan dengan PDP dalam talian. Terdapat 6 responden menjawab kurang memuaskan terhadap impak PDP dalam talian oleh pelajar. Menurut R1; "jadi apa yang saya buat bukanlah cara yang terbaik miss". Kemudian R4; "langkah mengatasi yang diambil itu adalah yang terbaik? iya". Bagi R5 " Iya ustaz. Inilah yang terbaik". Menurut R7; "pensyarah tu tanya kami apa yang kami tidak faham. Supaya kami tidak malu. Kalau saya kalau bertanya begitu malu". Menurut R8 "saya rasa itu yang sangat terbaiklah. Alhamdulillah line sekarang ni baik juga". R9 "langkah mengatasi yang diambil itu adalah yang terbaik? Iya ustaz".

Selain itu, impak lain ialah tidak faham secara menyeluruh apa yang diajar oleh pensyarah, R1 menyatakan "Tapi saya akan ulang kaji pada malam lah sebab time itu ibubapa ada sudah dirumahkan sebab diaorang kerja pagi". Impak seterusnya ialah pelajar dapat mengetahui kaedah baru belajar dalam talian, R2 berkata "bagi mengakses segala PDP kadangkala kami ketinggalan sebab line semua kadangkala

line kami clear kadangkala tidak clear”. Seterusnya terdapat juga impak pelajar tidak dapat bertanya dengan jelas, R3 memaklumkan ”Tapi saya akan ulang kaji pada malam lah sebab time itu ibubapa ada sudah dirumahkan sebab diaorang kerja pagi. Akhir sekali ialah pelajar menyatakan impak memuaskan untuk PDP dalam talian yang mana R6 memaklumkan ”Kalau yang soal dari pembahagian masa tu, saya ada bincag jugalah dengan ibu saya.. Alhamdulillah ibu saya pun faham juga dan saya dapat membahagikan masa lah untuk belajar, untuk kemas rumah,begitu”.



Rajah 5: Impak PdP dalam talian yang dihadapi oleh pelajar

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dalam tempoh yang amat terhad iaitu 1 bulan sahaja yang mana pengkaji perlu mengejar masa untuk menghantar kajian pada tarikh yang ditetapkan. Responden pula ialah daripada kategori pensyarah bidang bahasa iaitu seorang daripada Bahasa Inggeris dan seorang daripada Bahasa Arab kerana setiap bidang

mempunyai kaedah pengajaran yang berlainan. Dari segi bilangan pensyarah di IPDAS mempunyai 1 orang pensyarah Bahasa Inggeris dan 1 orang pensyarah Bahasa Arab yang mengajar pelajar diploma. Seterusnya, responden daripada kategori pelajar pula ialah 10 orang daripada 89 orang pelajar semester 3 Diploma Dakwah Islamiyyah sahaja disebabkan kesuntukan masa.

CADANGAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Cadangan penambahbaikan boleh dikategorikan kepada dua iaitu yang pertama kepada pensyarah dan kedua adalah pelajar. Bagi pensyarah, cadangan penambahbaikan yang pertama adalah untuk meningkatkan kualiti capaian internet di IPDAS. Strateginya ialah dengan menjalankan kajian kebolehcapaian penggunaan internet di IPDAS dan daripada kajian tersebut dapat dikenalpasti masalah yang berlaku sama ada dalam kawalan atau luar kawalan IPDAS.

Seterusnya, kedua adalah untuk mendapatkan kemudahan kaedah PDP yang pelajar boleh akses. Ia boleh dicapai dengan cara menetapkan penggunaan aplikasi asas yang ringan dan pelajar boleh akses sekiranya berada di kawasan yang kurang rangkaian internet seperti *WhatsApp* atau *Telegram*.

Ketiga ialah melaksanakan kaedah PDP dalam talian yang lebih interaktif, iaitu dengan cara memberi latihan berasaskan teknologi dalam PDP dalam talian kepada pensyarah IPDAS agar keberkesanan proses PDP dapat dilaksanakan dengan baik. Sebelum latihan diberikan IPDAS mestilah mewujudkan Modul PDP Dalam Talian Berasaskan Teknologi supaya ia menjadi panduan yang sesuai dengan situasi IPDAS dalam melaksanakan PDP dalam talian ini.

Keempat ialah IPDAS menyediakan platform PDP dalam talian yang lebih bersepadu. Strateginya adalah dengan cara menaik taraf portal MyIPDAS sebagai platform e-learning yang lebih bersepadu dan komprehensif untuk kegunaan pensyarah dan pelajar seperti mana yang wujud di IPTA yang lain.

Seterusnya, kita melihat kepada aspek pelajar pula iaitu cadangan penambahbaikan yang pertama adalah dengan melaksanakan PDP dalam talian secara bersemuka. Strateginya adalah dengan mengatur dan melaksanakan kemasukan pelajar ke IPDAS untuk kuliah secara bersemuka dengan mengaplikasi SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Kedua, adalah pensyarah perlu menyediakan nota setiap kali kelas secara dalam talian. Nota perlu dihantar di dalam kumpulan *WhatsApp* atau *Telegram* sebagai platform asas yang mudah akses dan ringan untuk digunakan. Seterusnya, cadangan penambahbaikan yang ketiga bagi pelajar adalah, pihak IPDAS perlu menyediakan dana khas untuk pelajar dapat melanggan internet bagi tujuan pembelajaran dalam talian. Strateginya adalah dengan memberi hebahan kepada pelajar untuk menggunakan bantuan wang saku RM100 sebulan yang diberikan oleh IPDAS kepada pelajar bagi tujuan melanggan data internet.

PENUTUP

Pengkaji telah melaksanakan satu kajian berkenaan keberkesanan kaedah PdP dalam talian kepada pensyarah dan juga pelajar. Ia adalah meliputi kajian keberkesanan PdP secara bersemuka dan juga tidak bersemuka. Daripada hasil yang telah didapati ternyata terdapat beberapa masalah dan kekangan yang dihadapi oleh pelajar dan juga pensyarah iaitu yang pertama, kurangnya rangkaian internet. Ini kerana pembelajaran dalam talian adalah memerlukan rangkaian internet yang baik dan laju. Ini adalah disebabkan keadaan geografi yang menghalang sesetengah tempat seperti kawasan pedalaman untuk kurang mendapat rangkaian internet.

Selain itu, kurangnya adaptasi kaedah PdP dalam talian juga menyebabkan kefahaman pelajar kurang berkesan. Terdapat segelintir pensyarah yang masih menggunakan kaedah bercakap, mendengar dan kurang menggunakan aplikasi-aplikasi dalam internet untuk menarik minat pelajar mendengar pembelajaran yang disampaikan. Kekangan pelajar untuk belajar di rumah juga menjadi masalah dalam isu ini. Hal ini terbukti apabila ada pelajar yang sukar menumpukan pelajaran dan mengikuti kelas dalam talian disebabkan membantu ibu bapa di rumah. Ini menyebabkan ramai pelajar tidak dapat mengikuti pembelajaran dalam talian. Tidak

kurang juga dengan keadaan pensyarah yang mengajar dari rumah yang terpaksa menguruskan keluarga di rumah.

Antara cara mengatasi masalah ini adalah yang pertama, berusaha untuk memastikan rangkaian internet di rumah dalam keadaan yang stabil. Kedua ialah pensyarah perlu mendidik dan memotivasikan pelajar berdepan dengan norma baru kehidupan disebabkan oleh pandemik Covid-19. Pensyarah juga perlu untuk mempelajari aplikasi-aplikasi yang menarik untuk digunakan dalam PdP dalam talian agar pelajar tidak merasa bosan dengan kaedah PdP yang lama.

Selain itu, pelajar juga boleh menggunakan cara berkongsi data internet dengan ahli keluarga bagi memastikan jalur internet sentiasa baik dan berkesan terutamanya semasa PdP berlangsung. Pelajar boleh untuk keluar ke bandar atau pekan yang berhampiran untuk mendapatkan rangkaian internet yang lebih stabil. Bagi pelajar yang tidak mampu mengikuti kelas PdP dalam talian, hendaklah memaklumkan kepada pensyarah dengan segera supaya maklumat ketidakhadiran dalam pengetahuan pensyarah terbabit. Tambahan lagi, pelajar boleh mengulangkaji pelajaran pada waktu malam dengan melanggan data internet secara prepaid dan mengadakan temujanji dengan pensyarah sekiranya ada ruang dan masa untuk bersemuka dalam talian.

RUJUKAN

- Ahmad Zaki Bin Amiruddin, Dr. Ahmed Thalal Bin Hassan, Ahmad Bin Abdul Rahman, Nor Binti Abdul Rahman, Mohd Shahrizan Bin Abu Bakar (2014) Penggunaan Aplikasi Dalam talian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.Com. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (Insan2014) Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014*
- Downes, S. (2007). An Introduction to Connective Knowledge. In Hug, T. (Ed.) Media, Knowledge & Education - Exploring new Spaces, Relations and Dynamics in Digital Media Ecologies. *Proceedings of the International Conference held on June 25- 26, 2007.*

- Kerr, B. (2007) A Challenge to Connectivism. Online Connectivism Conference. University of Manitoba. http://lrc.umanitoba.ca/wiki/index.php?title=Kerr_Presentation
- Kop, R., & Hill, A. (2008) Connectivism: Learning theory of the future or vestige of the past?. The International Review of Research in Open and Distance Learning 9(3). <http://www.irrodl.org/index.php/irrodl/article/view/523/1103>
- Seimen, G (2005) Connectivism: A Learning Theory for the Digital Age, *International Journal of Instructional technology and distance learning*, 2(1) 2005.
- Siemen (2007). *Complicity: An International Journal of Complexity and Education*
- Verhagen, P. (2006). Connectivism: A new learning theory? <http://elearning.surf.nl/e-learning/english/3793>
- Yusup Hashim (2012) Penggunaan E-Pembelajaran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Yang Berkesan. *Konvensyen Kebangsaan Pendidikan Guru (KKPG) 2012. 15-17 Oktober, 2012, Kuantan Pahang.*
- Rubiah Omar & Jamilah Hj. Ahmad. (2009) Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e-Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(1)(2009): 155 – 172.
- Jafri Malin Abdullah, Wan Faisham Nu'man Wan Ismail, Irfan Mohamad, Asrenee Ab Razak, Azian Harun, Kamarul Imran Musa, & Yeong Yeh Lee. (2020) A Critical Appraisal of COVID-19 in Malaysia and Beyond. *Malays J Med Sci.* 2020;27(2):1–9. <https://doi.org/10.21315/mjms2020.27.2.1>.
- Fields, A., & Hartnett, M. (2020). Online teaching and learning: COVID-19 Special Issue. *Journal of Open, Flexible and Distance Learning*, 24(1), [1–2].
- Nor Fauziana Binti Mohd Salleh. (2020). Pandemik Coronavirus (Covid-19): *Pembelajaran Dan Pengajaran Secara Dalam talian Suatu Keperluan Di Malaysia*. Pahang: Kolej Komuniti Bentong.
- Rachel Gong. (2020). *Coping with Covid-19: Distance Learning and the Digital Divide*. Khazanah Research Institute.

ISU DAN CABARAN PERANCANGAN PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA DAKWAH DIGITAL DI IPDAS

Norjainah binti Jasmin¹, Siti Farhanah binti Ali Rahman², Azri bin Sikul³, Zubair bin Samsidi⁴, Siti Norhafizah bte Rahmat⁵, Muhammad Khaithir bin Othman⁶

^{1,2,3,4,5} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

⁶ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji isu dan cabaran perancangan penawaran program Diploma Dakwah Digital di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Reka bentuk kajian ini menggabungkan kajian kuantitatif dan kajian kualitatif. Kajian kuantitatif dijalankan ke atas 32 orang pensyarah manakala data kualitatif pula dikumpul melalui temu bual ke atas 5 orang responden yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi IPDAS. Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik melalui google form dan diukur dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Data dianalisis secara deskriptif melalui kekerapan, peratusan dan min menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) Versi 25. Manakala data kualitatif digunakan untuk menyokong data kuantitatif. Kesahan soal selidik juga telah dijalankan dan nilai alpha Cronbach bagi soal selidik ialah, $\alpha = 0.860$. Hasil kajian mendapati cabaran utama yang dihadapi dalam perancangan penawaran program Diploma Dakwah Digital di IPDAS ialah dari segi kekurangan prasarana dan kemudahan di fakulti dan kampus kediaman. Bagi mengatasi isu ini IPDAS perlu membuat perancangan pembangunan baharu bagi menambah kapasiti serta kualiti prasarana dan infrastruktur agar memenuhi standard yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Kajian juga mendapati IPDAS mempunyai masalah kekurangan kakitangan dan staf akademik dalam menawarkan program baharu. Di samping itu, dari segi tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah pula berada di tahap sederhana. Namun penambahbaikan perlu dilakukan kerana sebahagian besar pensyarah di IPDAS tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan pendekatan yang bersesuaian dalam mengajar program Diploma Dakwah Digital.

KATA KUNCI: cabaran, isu, penawaran program, dakwah digital, teknologi pendidikan

PENGENALAN

Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) memberi cabaran baharu kepada seluruh negara di dunia melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital masa kini untuk terus kekal berdaya saing. Malaysia antara negara yang sedang bergerak ke hadapan dalam perkembangan Revolusi Perindustrian Keempat 4.0. Pengaruh dan kemajuan era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) ini, telah mencetuskan inovasi dalam pengurusan pendidikan, penilaian serta pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan ini memberi impak yang baik kepada masyarakat dan tidak kurang juga memberi pelbagai cabaran kepada kita semua khususnya dalam dunia pendidikan. Kemajuan teknologi maklumat tidak boleh menyekat atau menghalang sesiapa di dunia untuk berkomunikasi yang berpotensi untuk mempengaruhi kegiatan sosial, ekonomi, agama dan politik (Berita harian, 13 Januari 2019, <https://www.bharian.com.my/>). Teknologi di era globalisasi telah mengalami kemajuan yang begitu pesat dan pelbagai mediakomunikasi bersaing dalam memberikan informasi tanpa batas dan memudahkan manusia untuk saling berhubungan serta meningkatkan perhubungan sosial. Pada masa kini, internet merupakan salah satu kaedah komunikasi yang paling efisien, dimana segala bentuk dan pelbagai informasi dapat diakses dengan mudah dan murah.

Seiring dengan perkembangan teknologi informasi dan perubahan masyarakat menuntut aktiviti dan kaedah dakwah tidak hanya bergantung dengan cara konvensional-tradisional iaitu berhadapan langsung dengan *audiens* dakwah (*face to face*), tetapi perlu dikembangkan menggunakan media digital agar sebaran dakwah lebih informatif dan kreatif. Fenomena ini memungkinkan penggunaan aplikasi media sosial dalam pelbagai aspek kehidupan termasuklah aktiviti dakwah. Aplikasi media sosial seperti *facebook*, *whatsapp*, *instagram* dan *twitter*, dilihat berpotensi memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran mesej dakwah kerana sifatnya yang pantas, langsung ke sasaran, meluas penggunaannya dan lebih global (Noor Azaiyan Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah dan Mohd Azul Mohamad Salleh, 2017). Manakala menurut *Hootsuite* and *We Are Social* dalam laporan terkini Digital 2019, Malaysia menduduki kelompok kelima tertinggi di dunia dan tempat teratas di Asia Tenggara dalam penembusan media sosial mudah alih¹. Statistik menunjukkan daripada 31.83 juta populasi di Malaysia 25.08 juta merupakan pengguna internet dan

24 juta merupakan pengguna media sosial (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), 2019) . Seni berdakwah era kini telah beralih kepada nafas baharu dengan besar dan meluasnya penggunaan digital yang sekaligus menuntut para pendakwah melakukan transformasi penyampaian.

Dalam usaha memenuhi keperluan ini Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) melalui Mesyuarat Lembaga IPDAS Kali Ke-2 Tahun 2019 bersetuju agar melakukan pengembangan program dengan melaksanakan lima program diploma baharu (Diploma Dakwah Digital, Diploma Dakwah Kreatif, Diploma Pelancongan Islam, Diploma Kaunseling Syarie, Diploma Perawatan Islam) dan Program Ijazah Sarjana Muda Dakwah Kontemporari menjelang tahun 2025. Keputusan ini bertujuan untuk meningkatkan penawaran program pengajian yang dinamik bagi melonjak kebolehpasaran graduan serta melahirkan graduan yang berkualiti dan berimpak tinggi. IPDAS juga komited dalam memenuhi keperluan semasa dengan memperkasa program pembangunan kecemerlangan modal insan bagi melahirkan mahasiswa yang berkeperibadian unggul.

DEFINISI ISTILAH

Penawaran program baharu

Cadangan penawaran program-program baharu di IPDAS menjelang tahun 2025 iaitu;

- i. Diploma Dakwah Digital
- ii. Diploma Dakwah Kreatif
- iii. Diploma Pelancongan Islam
- iv. Diploma Kaunseling Syarie
- v. Diploma Perawatan Islam
- vi. Ijazah Sarjana Muda Dakwah Kontemporari.

Diploma Dakwah Digital

Cadangan penawaran program Diploma Dakwah Digital di IPDAS yang dijangkakan akan di tawarkan di IPDAS menjelang tahun 2022. Program ini menekankan kepada kemahiran pelajar dalam menggunakan aplikasi digital seperti *facebook*, *whatsapp*, *instagram* *twitter* dan sebagainya dalam penyampaian aktiviti dakwah.

Dakwah dari segi bahasa

Dakwah biasanya bererti mengajak kepada Islam. Bahasa Arab دعوة **dakwah** bermakna secara *harfiah* "menyeru" atau "mengajak", dijadikan *participle* aktif suatu *verb* bermakna secara pelbagai "memanggil, menjemput" (yang akar trikonsonantal adalah د ع و). Seorang umat Islam yang mengamalkan dakwah, sama ada seorang pekerja agama atau dalam suatu usaha masyarakat sukarelawan, digelar suatu da'i, jamak du'at. Seorang da'i menjemput orang untuk memahami Islam melalui proses dialog, dan dapat dikategorikan dalam sesetengah kes sebagai persamaan agama dengan suatu mubaligh <https://ms.wikipedia.org/wiki/Dakwah>.

Dalam Kamus Dewan penjelasan bagi perkataan dakwah ialah:

- a. Kegiatan menyeru dan membimbing (mendidik) serta meyakinkan secara baik dalam usaha mempengaruhi orang lain supaya menyedari dan mengamalkan ajaran agama Islam.
- b. Patuh kepada ajaran agama Islam dengan lebih sempurna. (sebagaimana yang kelihatan pada tingkah laku dan pergaulan dan cara berpakaian moden sekarang ini sudah berdakwah) (Kamus Dewan, 244-245).

Dakwah dari segi istilah

Menurut Prof. Madya Dr Syed Muhammad Dawilah al-Edrus dan Mohd. Lutfi Solehan (2019), perkataan "Dakwah Islamiyyah" merupakan istilah khusus yang merujuk kepada penyebaran, pengembangan dan pemahaman Islam iaitu panggilan kepada Allah atau pun seruan kepada agama Islam. Ia juga membawa pengertian bahawa Islam adalah termasuk agama yang mengajak manusia untuk menganut prinsip yang diseru olehnya.

Digital

Teknologi digital adalah satu sistem komunikasi yang berasaskan komputer – “*computer-based communication system*” (William, Sawyer dan Hutchinson, 2003). Perkataan ini sering digunakan dalam pengkomputeran dan elektronik, terutamanya di mana maklumat dunia sebenar ditukarkan kepada bentuk perduaan sebagaimana di dalam audio digital dan fotografi digital (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Digital>).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan sebuah pusat akademik di bawah kelolaan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *Malaysian Qualifications Agency* (MQA) telah mengiktiraf IPDAS sebagai pemberi pendidikan tinggi di bawah seliaan JAKIM sebagaimana yang dinyatakan dalam pengiktirafan MQA/FA 7518, status ini di perkukuhkan lagi dengan persetujuan dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke-65 pada 14 Mac 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad.

Pada Disember 2018, struktur IPDAS telah direkayasa apabila berlaku *redployment* Jabatan Kemajuan Islam Malaysia secara keseluruhannya. Perkembangan ini menyaksikan perubahan kepada peranan IPDAS sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi. Visi dan Misi IPDAS yang baharu telah meletakkan IPDAS sebagai peneraju Pendidikan Tinggi Islam yang bersepadu di Sabah dengan komitmen melahirkan graduan yang berimpak tinggi dan berkualiti. Mesyuarat Lembaga IPDAS Kali Ke-2 Tahun 2019 bersetuju agar IPDAS melakukan pengembangan program dengan melaksanakan lima program diploma baharu dan satu Program Ijazah Sarjana Muda menjelang tahun 2025 iaitu;

- i. Diploma Dakwah Digital
- ii. Diploma Dakwah Kreatif
- iii. Diploma Pelancongan Islam
- iv. Diploma Kaunseling Syarie
- v. Diploma Perawatan Islam
- vi. Ijazah Sarjana Muda Dakwah Kontemporari.

Bagi mempergiatkan lagi usaha dakwah di Sabah, IPDAS telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan program baharu yang akan dimulai dengan pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital yang bakal dilaksanakan pada tahun 2022. Dalam program ini, IPDAS lebih menekankan mengenai cara penggunaan aplikasi digital yang sesuai untuk menyampaikan dakwah khususnya di Sabah sama ada melalui *Facebook*, *What's up*, *Twitter*, *Instagram* dan sebagainya. Akan tetapi, untuk melaksanakan program baharu ini, IPDAS memerlukan prasarana dan infrastruktur serta infostruktur yang mencukupi bagi menampung bilangan pelajar yang akan datang. Selain itu, rangkaian internet yang kuat dan luas juga amat diperlukan bagi aplikasi digital digunakan dengan lancar. Dari segi bilangan pensyarah pula, IPDAS amat memerlukan pertambahan pensyarah yang mahir dalam pelbagai bidang terutamanya ICT bagi mengurangkan bebanan pensyarah yang sedia ada. Justeru, IPDAS telah memohon peruntukan kewangan untuk melengkapi infrastruktur seperti bilik kuliah, asrama dan lain-lain. IPDAS juga telah memohon kepada bahagian sumber manusia untuk menambah bilangan pensyarah yang ada. Kesimpulannya, untuk menjayakan program Diploma Dakwah Digital ini, IPDAS perlu bersedia dalam pelbagai sudut terutamanya dari segi kewangan bagi memenuhi kehendak dan keperluan program baharu.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum ialah untuk mengenalpasti isu dan cabaran dalam pelaksanaan penawaran program dakwah digital di IPDAS. Manakala objektif khusus kajian ini ialah:

- i. Mengenalpasti tahap kesediaan pensyarah sedia ada dari segi pengetahuan dan kemahiran pensyarah dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital.
- ii. Mengenalpasti tahap kesediaan kemudahan prasarana, infrastruktur, infostruktur, dan tenaga fizikal (kakitangan dan staf akademik) dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital
- iii. Mengusulkan cadangan dalam menangani isu dan cabaran dalam pelaksanaan program dakwah digital.

PERSOALAN KAJIAN

- i. Apakah isu dan cabaran dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital.
- ii. Sejauhmanakah Tahap kesediaan pengetahuan dan kemahiran pensyarah sedia ada dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital.
- iii. Sejauhmanakah tahap kesediaan kemudahan prasarana, infrastruktur, infrastruktur dan tenaga fizikal (kakitangan dan staf akademik) dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital.
- iv. Apakah langkah yang perlu diambil dalam menangani isu dan cabaran dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital.

KEPENTINGAN KAJIAN

- i. Menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan persediaan perancangan program baharu.
- ii. Menyumbang dan memberi panduan kepada IPDAS dan institusi lain dalam persediaan pelaksanaan program baharu.
- iii. Agar penawaran program Dakwah Digital dapat dilaksanakan dengan lancar.

TINJAUAN LITERATUR

Dalam kajian A. Rani Usman, Azman, Hanifah, Risqan Syahira dan Almuzanni (2019), telah menerangkan tentang Dakwah digital berkembang seiring dengan perkembangan informasi dan teknologi. Tambahan pula dalam kajian tersebut menerangkan dakwah digital dari perspektif Islam menggunakan saranan dakwah melalui media teknologi dengan upaya merealisasikannya di wilayah - wilayah berdasarkan normatif syariat Islam.

Menurut Zulkiple Abd. Ghani (2017) bahawa dakwah di era siber tertumpu kepada proses memanfaatkan ruang komunikasi berskala global dengan memahami tatacara permainan dan penguasaannya. Mauduk dakwah yang berfokus kepada memperkasa nilai-nilai keinsanan manusia bersaing secara bebas di ruang maya dan memerlukan 'semacam kekuasaan' untuk menakluk minda para siberis. Justeru itu, isu demi isu berkaitan dengan kemanusiaan akan terus muncul dari semasa ke semasa yang

bukan sahaja memerlukan kepintaran teknologis, tetapi yang lebih penting ialah kepintaran menonjolkan mesej dakwah supaya terus dominan dengan matlamat memperolehi kebahagiaan dan menyebarkan Islam kepada seluruh umat manusia.

Selain daripada itu, Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah dan Mohd Azul Mohamad Salleh (2017) telah menjalankan kajian dakwah melalui ICT dapat dinilai sebagai mekanisma yang efektif dan berpotensi dengan beberapa alasan, diantaranya mampu melangkaui batasan ruang dan waktu serta berpengaruh pula dalam menyampaikan misi dakwah. Dakwah secara etimologi bermakna "seruan dan ajakan". Ini bertepatan dengan terminologi artinya iaitu "menggunakan akal fikiran dalam rangka menyelamatkan manusia dari rasa jauh dan lupa terhadap Allah SWT agar menjadi dekat dan ingat, melalui berbagai kaedah. Kombinasi antara elemen dakwah dan teknologi mewujudkan satu fenomena yang mampu mencetuskan natijah untuk pembangunan jiwa ummah. Justeru, penggunaan media sebagai wasilah dakwah masa kini adalah amat penting dan bersesuaian dengan keperluan masyarakat.

Berdasarkan kajian literatur, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa dakwah kini berada dalam persekitaran baru yang mana pergerakannya selari dengan kemunculan pelbagai alat-alat teknologi digital seperti *facebook*, *twitter*, *instagram*, *whatsapp* dan sebagainya. Justeru, fenomena persekitaran dakwah digital khususnya dalam konteks IPDAS yang sedang menuju kepada sebuah institusi dakwah yang menggunakan digital Islam dalam penyebaran dakwah di samping melahirkan da'ie yang berkebolehan dan berkemahiran dalam teknologi digital. Oleh yang demikian itu, penawaran program baharu Diploma Dakwah Digital amat sesuai dibangunkan kerana ianya selari dengan misi dan visi IPDAS.

LIMITASI KAJIAN

Dalam pelaksanaan kajian ini, penyelidikan hanya dijalankan di sekitar IPDAS Keningau. Kajian ini tertumpu kepada permasalahan dan cabaran serta cadangan bagaimana permasalahan yang akan timbul dapat diselesaikan sebelum Program Diploma Dakwah Digital ini dilaksanakan. Kajian ini dibataskan dari skop kawasan, yang mana penyelidikan hanya dilakukan di kawasan IPDAS Kampus Keningau tanpa melibatkan IPDAS Kampus Kudat. Selain itu, kajian juga dibataskan dari skop tenaga

pengajar yang sedang mengajar di IPDAS Kampus Keningau sahaja. Isu yang dilihat pula hanya terhad dari segi tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah dalam memikul tugas dalam pelaksanaan program baharu khususnya program Diploma Dakwah Digital, melihat tahap kesediaan dari segi kecukupan kakitangan serta kelengkapan infrastruktur dan infostruktur di fakulti dan kampus dalam pertambahan program baharu. Oleh kerana program Diploma Dakwah Digital akan dibangunkan di IPDAS, pengkaji memilih responden daripada pensyarah IPDAS Kampus Keningau dan Kudat serta pengurusan tertinggi IPDAS Keningau sahaja.

IMPLIKASI KAJIAN

Pelaksanaan Program Diploma Dakwah Digital akan memberi kesan kepada banyak pihak terutamanya pihak yang membuat dasar iaitu JAKIM. JAKIM berperanan untuk mengeluarkan dana yang besar bagi menampung kos program agar program dapat dilaksanakan dan memenuhi keperluan dan kehendak program. Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) juga perlu menyediakan rangkaian internet di pusat IPDAS agar tidak ada masalah ketika mengakses internet terutamanya ketika PdP sedang berlangsung. Bukan itu sahaja, menteri agama dan pendidikan juga perlu menyokong usaha IPDAS dalam membangunkan program baru dengan menyalurkan peruntukan yang mencukupi bagi menampung keperluan dan kehendak program baru ini. Di samping itu, para pensyarah juga perlu diberikan latihan yang cukup berkaitan dakwah digital untuk memantapkan lagi ilmu yang sedia ada. Kesimpulannya, semua pihak memainkan peranan yang penting dalam membangunkan program baharu ini kerana tanpa kerjasama dari satu pihak, program ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan sudah pasti ia akan memberikan impak yang besar kepada generasi yang akan datang.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif (*mixed method*), iaitu pentadbiran soal selidik dan temu bual semi struktur bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam dan menyeluruh tentang isu dan cabaran dalam perancangan pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital di IPDAS. Kajian yang

terbaik merupakan kajian yang menggabungkan ciri-ciri yang terdapat dalam kajian berbentuk kuantitatif dan kualitatif (Neuman, 2000). Creswell (2007), turut menyatakan gabungan dua kaedah memberi kelebihan kepada penyelidik untuk memahami persoalan kajian dan memperkukuhkan lagi hasil dapatan kajian.

Populasi kajian ini terdiri daripada staf akademik dan pihak pengurusan tertinggi di IPDAS. Seramai 32 staf akademik terlibat sebagai sampel kajian ini. Sampel ini memenuhi 30 peratus daripada jumlah populasi kajian dan dipilih menggunakan teknik persampelan rawak mudah.

Data kuantitatif ini akan disokong dengan data kualitatif yang melibatkan maklumat dikumpul dan diperolehi secara lebih mendalam. Data kualitatif pula dikumpul dengan menggunakan temu bual semi struktur terhadap responden. Data kualitatif diperolehi daripada lima responden yang terdiri daripada pihak pengurusan tertinggi Di IPDAS iaitu R1 Timbalan Pengarah, R2 Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pentadbiran Dan Kewangan, R3 Ketua Penolong Pengarah Cawangan Kualiti, R4 Ketua Penolong Pengarah Pengajian dan R5 pendaftar . Semua temu bual dirakam secara audio. Semua responden dalam temu bual ini telah dimaklumkan dengan maklumat kajian dan bersetuju untuk menjadi informan kajian ini. Responden untuk temu bual juga menandatangani borang persetujuan sebagai informan sebelum temu bual dijalankan.

Data kuantitatif dikumpul dengan menggunakan soal selidik atas talian iaitu *google form* yang perlu dijawab oleh responden. Penglibatan responden dalam menjawab soal selidik kajian ini adalah secara sukarela. Sebelum terlibat, mereka telah dijelaskan mengenai objektif utama kajian dijalankan dan signifikan penglibatan mereka dalam kajian ini. Mereka juga telah diminta menandatangani borang persetujuan sebagai responden sebelum borang soal selidik kajian ini diedarkan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A aspek demografi, bahagian B tahap pengetahuan dan kemahiran staf akademik dan bahagian C tahap kesediaan kemudahan infrastruktur, infrastruktur serta kecukupan keperluan tenaga fizikal (kakitangan dan staf akademik) dalam pelaksanaan Program Dakwah Digital. Seterusnya, data yang dikumpul diukur dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5 dari sangat tidak setuju hingga sangat setuju. Skala 5 untuk “sangat setuju (SS)”, skala 4 untuk “setuju (S)”, skala 3 untuk “tidak pasti (TP)”, skala 2 untuk “tidak setuju (TS)” dan skala 1 untuk “sangat tidak setuju (STS)”. Data dianalisis menggunakan program

Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 25 untuk melihat analisis deskriptif dan inferensi dalam kajian ini.

Analisis kebolehpercayaan dan kesahan instrument adalah menggunakan aplikasi Statistical Package For Social Science (SPSS) Versi 25. Hasil analisis kebolehpercayaan yang dijalankan didapati nilai alpha Cronbach bagi soal selidik adalah baik iaitu $\alpha = 0.860$. Dapatan ini adalah selaras dengan saranan oleh De Vaus (2002) dan Sekaran (2003), instrumen sesuatu kajian dianggap mempunyai konsistensi dalaman yang boleh diterima sekiranya nilai pekali alfa Cronbach bagi setiap skala dalaman instrumen melebihi nilai 0.70 (nilai $\alpha > 0.70$). Kesahan kandungan instrumen ini telah melibatkan dua orang pakar (pensyarah pakar dari IKMAS dan IPDAS) dan didapati item adalah sesuai digunakan dalam mengukur konstruk yang ingin dikaji. Manakala kesahan konstruk instrument melalui faktor analisis dibuat menggunakan kaedah *oblique*. Muatan faktor untuk setiap item berada dalam julat 0.448 hingga 0.910. Hasil analisis juga menunjukkan faktor tersebut mampu menjelaskan varian melebihi 70%. Justeru itu, kesemua item dalam soal selidik ini dikira sah dan boleh dipercayai untuk membentuk konstruk dalam kajian ini.

DAPATAN KAJIAN

Demografi

Jadual 1 di bawah menunjukkan taburan demografi responden. Hasil kajian mendapati sebahagian besar responden adalah terdiri perempuan iaitu seramai 18 orang (56.3%) berbanding seramai 18 orang lelaki (43.8%). Dapatan juga menunjukkan keseluruhan responden adalah berumur antara 26 tahun hingga 40 tahun. Dari segi taraf pendidikan pula majoriti responden mempunyai tahap pendidikan Ijazah sarjana muda iaitu seramai 24 orang iaitu 75% daripada keseluruhan responden. Diikuti seramai 4 orang (12.5 %) pada tahap diploma dan 2 orang (6.3%) mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah dan PHD masing-masing.

Jadual 1: Demografi responden (n=32)

	Kekerapan	Peratus
Jantina		
Lelaki	14	43.8
Perempuan	18	56.3
Umur		
18 - 25 tahun	0	0
26-40 tahun	32	100
41-61 tahun	0	0
62 tahun keatas	0	0
Taraf Pendidikan		
Sekolah Menengah	2	6.3
Diploma	4	12.5
Ijazah Sarjana Muda	24	75
Sarjana	2	6.3
PHD	0	0

Kebolehpercayaan instrumen

Jadual 2 menunjukkan kebolehpercayaan instrumen bagi isu dan cabaran dalam cadangan pelaksanaan program Dakwah Digital ialah 0.860 untuk 13 item. Maka, jadual alfa Cronbach menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Jadual 2 : Kebolehpercayaan instrumen

Alfa Cronbach	Bilangan item
0.86	13

Tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah IPDAS

Bahagian ini akan menjawab objektif kajian mengenai tahap kesediaan pensyarah sedia ada dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Terdapat 5 item dalam soal selidik berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah serta tahap kesediaan pensyarah mengajar program Diploma Dakwah Digital yang akan

dilaksanakan menjelang tahun 2020 hingga tahun 2025. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah IPDAS

No	Pernyataan	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS	MIN
B1	Saya mengetahui apa yang dimaksudkan dengan dakwah digital	1	5	0	15	11	4.09
		3.1	15.6	0	46.9	34.4	
B2	Saya mempunyai pengetahuan dalam menggunakan aplikasi digital	1	8	0	17	6	3.84
		3.1	25.0	0	53.1	18.8	
B3	Saya mempunyai kemahiran dalam menggunakan aplikasi digital	1	3.0	10	15	3	3.5
		3.1	9.4	31.3	46.9	9.4	
B4	Saya mempunyai kemahiran yang membolehkan saya mengajar pelajar program dakwah digital	1	11	9	9	2	3.00
		3.1	34.4	28.1	28.1	6.3	
B5	Saya mengetahui kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang praktikal serta bersesuaian dengan program dakwah digital	1	8	10	10	3	3.19
		3.1	25.0	31.3	31.3	9.4	
Keseluruhan							3.524

(Tahap: Rendah = 1.00 –2.33, Sederhana = 2.34 –3.66, Tinggi = 3.67 –5.00)

Jadual 3 menunjukkan taburan peratus bagi aspek pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan program Dakwah Digital di IPDAS. Dapatan kajian menunjukkan, pada item B1 sebahagian besar pensyarah iaitu 81.3% (46.9% + 34.4%) memahami maksud Dakwah digital. Manakala hanya 18.7 peratus pensyarah yang tidak mengetahui apa yang dimaksudkan dakwah digital. Dari segi pengetahuan menggunakan aplikasi digital iaitu Item B2 terdapat 71.9 % (53.1% + 18.8%) daripada 32 orang responden mempunyai pengetahuan dalam menggunakan aplikasi digital berbanding hanya 28.1% daripada responden yang kurang atau tidak tahu langsung menggunakan aplikasi digital. Dari aspek kemahiran pula diukur pada item B3, menunjukkan terdapat 56.3% daripada responden mempunyai kemahiran yang baik dalam menggunakan aplikasi digital dan 12.5% yang kurang berkemahiran dalam

menggunakan aplikasi digital. Manakala 31.3% lagi tidak pasti sama ada mereka mempunyai kemahiran dalam menggunakan aplikasi digital.

Item B4 dan B5 dalam soal selidik digunakan untuk menguji tahap kemahiran dan pengetahuan pensyarah berkaitan dengan kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian yang membolehkan pensyarah mengajar program Dakwah Digital. Dari aspek kemahiran mengajar terdapat pula hanya 34.45% daripada responden yang mempunyai kemahiran dalam mengajar Program dakwah digital dan 37.5% yang tidak bersetuju mereka berkemahiran dalam mengajar program ini. Manakala terdapat 28.1% responden yang tidak pasti sama ada mereka berkemahiran dalam mengajar program ini. Jika dilihat dari aspek pengetahuan mengenai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan program dakwah digital pula hanya terdapat 40.7% yang bersetuju dan 28.1% tidak bersetuju mempunyai pengetahuan mengenai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan program ini. Manakala 31.3% lagi tidak pasti sama ada mereka mempunyai pengetahuan dalam aspek ini.

Dapatan menunjukkan min tertinggi ialah item B1 iaitu tahap pengetahuan berkenaan dengan dakwah digital iaitu 4.09. Manakala min terendah ialah item B4 berkaitan tahap kemahiran mengajar Program Diploma Dakwah digital dengan min 3.0. Ini menunjukkan bahawa sungguhpun pensyarah mempunyai pengetahuan berkaitan dengan dakwah digital serta berkemahiran dalam menggunakan aplikasi digital tetapi sebahagian besar pensyarah di IPDAS tidak/kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan pendekatan yang bersesuaian dalam mengajar program Diploma Dakwah Digital. Min keseluruhan pula ialah 3.524 menunjukkan tahap kesediaan pensyarah sedia ada dari segi pengetahuan dan kemahiran dalam pelaksanaan program dakwah digital berada pada tahap yang sederhana.

Dapatan ini disokong melalui temubual semi struktur R2, yang merupakan Ketua Penolong Pengarah cawangan Pentadbiran dan Kewangan. R2 menyatakan;

“Dari segi tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah ialah sederhana. Melalui pemerhatian, terdapat pensyarah yang mampu mengaplikasikan teknologi dan digital dalam pembelajaran khususnya Program Dakwah Digital. Terdapat juga segelintir yang kurang mahir

namun, IPDAS komited untuk meningkatkan penguasaan kemahiran teknologi dan digital dalam PdP melalui kursus–kursus latihan berterusan.”

Tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah IPDAS

Dalam kajian ini, tahap kesediaan kemudahan infrastruktur, infostruktur, dan tenaga fizikal (tenaga akademik) dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital di Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah diukur oleh 5 item iaitu pada bahagian C dalam soal selidik. Bagi memberi gambaran yang lebih jelas, analisis deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4 : Tahap kesediaan infrastruktur, infostruktur dan tenaga fizikal (kakitangan dan staf akademik) di IPDAS

No	Pernyataan	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS	MIN
C1	Saya mendapati IPDAS mempunyai kakitangan dan tenaga akademik yang mencukupi dalam pelaksanaan program Dakwah Digital.	2	13	8	5	4	2.88
		6.3	40.6	25	15.6	12.5	
C2	Saya mendapati IPDAS mempunyai kelengkapan dan kemudahan ICT di IPDAS mencukupi bagi menampung pertambahan program baharu (peralatan pembesar suara, LCD, komputer, laptop, skrin televisyen dan sebagainya)	2	19	2	8	1	2.59
		6.3	56.4	6.3	25	3.1	
C3	Saya mendapati kemudahan infrastruktur di fakulti IPDAS mencukupi bagi menampung program baharu (bilik kuliah, dewan kuliah, bilik komputer, perpustakaan dan sebagainya)	4	15	6	6	1	2.53
		12.5	46.9	18.8	18.8	3.1	

C4	Saya mendapati kemudahan infrastruktur di kampus IPDAS mencukupi bagi menampung pertumbuhan pelajar baharu (bilik asrama, dewan makan, bilik air, peralatan sukan dan riadah, bilik rehat, bilik menonton, bilik dobi dan sebagainya)	5	17	7	1	2	2.31
		15.6	53.1	21.9	3.1	6.3	
C5	Saya mendapati kemudahan infrastruktur di IPDAS mencukupi bagi menampung program baharu (capaian internet, kestabilan internet dan sebagainya)	3	10	9	9	1	2.84
		9.4	31.3	28.1	28.1	3.1	
Keseluruhan							2.63

(Tahap: Rendah = 1.00 –2.33, Sederhana = 2.34 –3.66, Tinggi = 3.67 –5.00)

Berdasarkan dapatan kajian ini, item B1 iaitu “kakitangan dan tenaga akademik yang mencukupi bagi pelaksanaan program” terdapat 46.8% responden menyatakan bahawa IPDAS tidak mempunyai kakitangan dan staf akademik yang mencukupi dalam pelaksanaan program baharu. Sebanyak 34.4% responden bersetuju bahawa IPDAS mempunyai tenaga akademik yang mencukupi untuk melaksanakan program ini manakala 25% lagi tidak pasti sama ada IPDAS mempunyai tenaga fizikal yang mencukupi.

Dapatan melalui temu bual semi struktur pula menunjukkan bahawa IPDAS tidak mempunyai kakitangan dan staf akademik yang mencukupi dalam pelaksanaan program baharu. R2 menyatakan;

“Dari segi kakitangan dan tenaga akademik untuk menampung pertumbuhan program baharu tidak mencukupi pada masa ini secara jelas struktur penjawatannya. Namun, Jakim melalui Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dan juga IPDAS sendiri berusaha untuk memenuhi keperluan perjawatan kakitangan akademik”

Hal ini juga dipersetujui oleh R3 dengan menyatakan;

“Pada masa ini, IPDAS mempunyai tenaga akademik yang mencukupi, walau bagaimanapun, pertambahan pensyarah semestinya akan dilakukan setelah berlakunya pertambahan program. Ini adalah kerana, sesuatu program akan meletakkan bidang kepakaran sebagai teras utama kepada tenaga pengajar. Pihak IPDAS telah melakukan unjuran pertambahan pensyarah untuk memastikan pelaksanaan program ini berjalan lancar. Cadangan pertambahan 7 pensyarah telah dikemukakan untuk pertimbangan pengurusan sumber manusia JAKIM”.

Hal ini disokong oleh R4 yang merupakan Ketua Penolong Pengarah Akademik dan Pengajian. R4 menyatakan;

“Pensyarah hanya untuk program sedia ada. Sekiranya IPDAS menawarkan program Dakwah Digital, IPDAS memerlukan pertambahan kakitangan khususnya dalam bidang ICT”

Item C2 digunakan untuk mengukur tahap kesediaan kemudahan dan kelengkapan ICT seperti LCD, komputer dan sebagainya. Terdapat 62.7% tidak bersetuju, 28.1% yang bersetuju dan 6.3% daripada responden tidak pasti IPDAS mempunyai kelengkapan dan kemudahan yang mencukupi melaksanakan program dakwah digital. Dapatan ini menunjukkan kesediaan kelengkapan dan kemudahan ICT di IPDAS masih tidak mencukupi bagi melaksanakan program Diploma Dakwah Digital.

Dagi segi kemudahan infrastruktur di fakulti seperti bilik dan dewan kuliah, perpustakaan dan sebagainya pula di ukur menggunakan item C3. Daripada 32 orang responden sebanyak 59.4% yang tidak bersetuju, 49.8% yang bersetuju dan 18.8% tidak pasti IPADS mempunyai kemudahan infrastruktur di fakulti yang mencukupi bagi menampung program ini. Min bagi item ini ialah 2.53 ini menunjukkan kesediaan kemudahan infrastruktur di fakulti berada pada tahap sederhana.

Sebahagian besar responden iaitu 68.7% tidak bersetuju dengan kenyataan item C4 bahawa kemudahan IPDAS mempunyai kemudahan infrastruktur di kampus

mencukupi bagi menampung pertambahan pelajar daripada pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital. Manakala hanya 9.4% dan 21.9% daripada responden bersetuju dan tidak pasti masing-masing bahawa kemudahan infrastruktur di kampus IPDAS mencukupi bagi pertambahan pelajar baharu. Min bagi item C4 pula ialah 2.31 yang menunjukkan tahap kesediaan kemudahan infrastruktur di kampus IPDAS seperti bilik asrama, dewan makan, bilik air, peralatan sukan dan riadah, bilik rehat, bilik menonton, bilik dobi dan sebagainya berada di tahap rendah.

Hal ini disokong oleh R4 melalui melalui temu bual semi struktur. R4 menyatakan;

“Prasarana yang ada hanya cukup untuk menampung program yang sedia sahaja.”

Manakala R2 menyatakan penawaran program Diploma Dakwah digital hanya akan direalisasikan dengan adanya cadangan pembangunan IPDAS dalam RMK ke-12 diluluskan. R2 menyatakan;

“Melalui pelan hala tuju IPDAS, IPDAS mensasarkan peningkatan pelajar dan program secara bertahap sehingga tahun 2025. IPDAS berpotensi untuk melaksanakan program baharu dan menambah bilangan pelajar daripada 400 kepada 700 pelajar sekiranya cadangan pembangunan IPDAS bagi RMK-12 diluluskan oleh pihak kerajaan”.

Melalui temu bual R2 juga menegaskan perkara yang sama bahawa kemudahan infrastruktur dan infrastruktur di Ipdas tidak mencukupi dan perlu dinaiktaraf bagi menampung jumlah peningkatan pelajar jika berlaku pertambahan dalam penawaran program. R2 menyatakan;

“Pada masa ini, IPDAS tidak mempunyai kemudahan infra/ infro yang mencukupi untuk menampung peningkatan jumlah pelajar bagi program yang baharu. Usaha menaiktaraf bangunan telah menjadi agenda utama IPDAS pada tahun 2020 untuk memastikan Rancangan Pembangunan Rancangan Malaysia Ke-12, IPDAS berjaya mendapat tempat dalam perolehan pembangunan”.

Tahap kemudahan infrastruktur dari segi capaian internet, kestabilan dan sebagainya yang diukur menggunakan item C5 menunjukkan min 2.84 iaitu berada di tahap sederhana. Daripada 32 responden sebanyak 40.7% tidak bersetuju, 31.2% bersetuju dan 28.1% tidak pasti bahawa kemudahan infrastruktur di IPDAS mencukupi bagi menampung program baharu.

Hasil daripada analisa ke atas semua item C1 hingga C5 pula menunjukkan kesediaan infrastruktur, infrastruktur dan tenaga fizikal di IPDAS dalam melaksanakan program Diploma Dakwah Digital berada di tahap sederhana. Dapatan kajian juga menunjukkan min tertinggi ialah item C1 iaitu 2.88, ini menunjukkan bahawa dari aspek keperluan tenaga fizikal (kakitangan dan tenaga akademik) di IPDAS masih berada ditahap sederhana. Aspek yang perlu diberi perhatian dalam perancangan pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital menjelang tahun 2020-2025 ialah kemudahan infrastruktur di kampus IPDAS dengan min 2.31 (terendah).

PERBINCANGAN

Cabaran Pertama, sebahagian besar pensyarah di IPDAS tidak/kurang mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan pendekatan yang bersesuaian dalam mengajar program Diploma Dakwah Digital.

Kualiti staf akademik merupakan elemen penting dalam menentukan kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), kecemerlangan institut pengajian tinggi bergantung kepada kecemerlangan komuniti staf akademiknya yang terdiri daripada pendidik, penyelidik, pemimpin institusi, pengamal profesional dan kakitangan sokongan. Sungguhpun dapatan kajian menunjukkan dari segi pengetahuan dan kemahiran serta tahap kesediaan pensyarah-pensyarah di IPDAS dalam pelaksanaan program Diploma Dakwah Digital adalah tinggi. Namun penambahbaikan perlu dilakukan kerana sebahagian besar pensyarah di IPDAS tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkenaan dengan pendekatan yang bersesuaian dalam mengajar program Diploma Dakwah Digital. Hal ini dibuktikan melalui soal selidik dan temu bual yang telah dilaksanakan.

Cabaran kedua, kekurangan kakitangan dan staff akademik dalam pelaksanaan program baharu khususnya Diploma Dakwah Digital.

Cabaran kedua yang perlu dihadapi oleh Ipdas dengan menambah bilangan penawaran program baharu menjelang tahun 2025 ialah kekurangan staf akademik dan kakitangan sokongan. Oleh itu untuk memastikan IPDAS mencapai kecemerlangan secara optimum perancangan mengenai guna tenaga sumber manusia perlu diperincikan agar bergerak selari dengan hasrat pihak institut untuk memperkenalkan program- program baharu. Sungguhpun Ipdas keningau kini mempunyai staf akademik dan staf sokongan yang mencukupi namun penambahan unjuran pelajar memerlukan Ipdas menambah kakitangan terutamanya bilangan tenaga akademik yang berkelayakan, terlatih dan berpengalaman. Keperluan ini adalah untuk memastikan nisbah pensyarah dengan pelajar adalah pada kadar yang bersesuaian bagi menjamin kualiti pengajian yang ditawarkan oleh Institut ini.

Cabaran ketiga, kekurangan kemudahan prasarana, infrastruktur, infostruktur, dan tenaga fizikal (tenaga akademik) dalam pelaksanaan baharu.

Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti merupakan faktor yang penting dalam meningkatkan kecemerlangan sesebuah pusat pengajian tinggi. Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti dapat mempengaruhi kualiti hidup warga sesebuah institusi pengajian, terutamanya pelajar dan pensyarah. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan infrastruktur dan infostruktur di IPDAS agak rendah terutamanya kemudahan infrastruktur di Kampus IPDAS. Oleh itu IPDAS perlu menambah kapasiti dan kualiti prasarana dan infostruktur bagi menampung keperluan ini. Pengajaran dan pembelajaran berkesan dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran yang sesuai dengan matlamat dan strategi serta memenuhi keperluan guru dan pelajar (Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman dan Lilia Halim, 2010). Manakala Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, Marzita Putih dan Mohd Hairry Ibrahim (2020) ms.1, menegaskan “persekitaran pembelajaran seharusnya di rancang dan diurus dengan baik bagi membolehkan pelajar belajar dengan selesa, mengumpul maklumat pembelajaran secara aktif, menimba pengalaman yang bersesuaian, menilai pembelajaran sendiri dan membuat maklum balas terhadap pengalaman peribadi dalam pelbagai konteks”. Shuhana Shamsuddin, Ahmad Bashri Sulaiman, Hasanuddin Lamit, Norsiah Abd. Aziz, Rozeyta Omar dan

Masliyana Md Noor (2007) menyatakan “bangunan dalam kampus menyumbang kepada misi pencapaian akademik sesebuah universiti berdasarkan kepada dua faktor utama. Pertama, ia menyediakan ruang yang tertutup dan selesa untuk pelbagai aktiviti, menyediakan kemudahan praktikal serta keperluan intelektual dan emosi pelajar termasuklah fakulti, kakitangan dan pengunjung luar. Kedua, bangunan dalam universiti juga membentuk kampus di mana ia merupakan suatu ‘setting’ bagi sebuah komuniti akademik yang unik”.

CADANGAN

Cadangan pertama, meningkatkan Kualiti, profesionalisme dan kompetensi Staf Akademik.

Transformasi IPDAS sebagai peneraju Pendidikan Tinggi Islam yang unggul di Sabah menjelang Tahun 2025 dengan membuat penambahan beberapa program baharu, memerlukan IPDAS merancang satu plan pembangunan staf akademik agar dapat melonjakkan tahap kompetensi dan profesionalisme staf akademiknya. Plan ini akan dapat menjadi garis panduan bagi memotivasikan staf akademik di IPDAS untuk meningkatkan kompetensi diri mengikut kecenderungan dan keperluan demi mengekalkan prestasi kerja yang terbaik. Pembangunan profesionalisme staf akademik di IPDAS merupakan keperluan dalam usaha memantapkan pensyarah melaksanakan tugas dengan cekap terutamanya dalam aspek proses pembelajaran dan pengajaran. Penawaran program-program baharu seperti Diploma Dakwah digital dan Diploma Dakwah Digital, Diploma Dakwah Kreatif dan Ijazah Sarjana Muda Dakwah Kontemporari memerlukan pensyarah mengaplikasikan kaedah dan pendekatan baharu dalam PdP. Di samping itu, bagi memenuhi keperluan ini tenaga akademik di IPDAS juga perlu didedahkan dengan kemahiran menggunakan aplikasi dan sistem digital. Plan pembangunan profesionalisme ini perlu menekankan aspek:

- a. Pembangunan laluan kerjaya pensyarah sebagai inisiatif meningkatkan profesionalisme staf akademik di IPDAS.
- b. Peningkatan penguasaan pensyarah daripada aspek pengetahuan, kemahiran, dan nilai profesionalisme.

- c. Latihan secara berstruktur kepada Pensyarah IPDAS dalam usaha memantapkan pembangunan kemahiran dan kepakaran staf akademik di IPDAS.

Di samping itu, bagi memenuhi dan mempersiapkan siagakan pensyarah dengan cadangan untuk mewujudkan program dakwah digital adalah dalam tempoh 2 tahun (2022), IPDAS telah merangka strategi jangka pendek dengan:

- a. *Melakukan engagement* dengan pihak berkepentingan yang akan secara langsung akan menyokong pembangunan kepakaran dan kurikulum Dakwah Digital, seperti ASWARA, MCMC, IPPTAR, UITM dan lain-lain agensi berkaitan
- b. Menyediakan Latihan secara berkala sebagai langkah awal kepada pensyarah untuk menceburkan diri dalam bidang digital. Di samping itu, manfaat dari Latihan ini dapat mengumpulkan Teknik dan modul yang berkaitan untuk pembinaan kurikulum dakwah digital kelak
- c. Menghadiri/ Menganjurkan Seminar Digital dengan menempatkan tokoh tempatan dalam bidang untuk mendapatkan reaksi dan maklumbalas terhadap program yang bakal dilaksanakan.
- d. Mengadakan Kerjasama strategik dengan agensi dan IPT berkaitan bagi manfaat graduan yang bakal menyambung pengajian atau menyertai bidang pekerjaan. Di samping itu juga, Kerjasama awal akan memudahkan rundingan perkongsian pintar dalam latihan dan konsep pengajian program baharu ini.

Cadangan kedua, membuat pertambahan kakitangan dan staf akademik yang berkompentasi.

Kakitangan pentadbiran dan staf akademik merupakan aset utama sesebuah pusat pengajian tinggi. Bagi memastikan Ipdas berupaya memberikan perkhimatan yang berkualiti, staf akademik dan staf sokongan perlu terus relevan dan selari dengan hasrat Institut untuk membuat penambahan program-program baharu menjelang tahun 2025. Pengambilan tenaga pengajar yang berkualiti dan mencukupi amat penting bagi memastikan Institut ini mampu menyempurnakan tugas dan tanggungjawab teras utamanya (*core business*) dengan cemerlang. Di samping itu, IPDAS juga perlu

memastikan nisbah penjawatan antara pelajar dengan nisbah staf akademik dan staf pentadbiran mengikut piawai badan pengiktirafan program akademik IPDAS. Menurut garis panduan staf akademik yang dikeluarkan oleh agensi kelayakan Malaysia pihak institusi perlu memastikan bahawa setiap program mempunyai staf berkeelayakan yang sesuai dan mencukupi bilangannya serta wajib mempunyai bilangan staf akademik sepenuh masa yang mencukupi untuk setiap program (MQA, 2014).

Jadual 5: Nisbah bilangan staf akademik

Bidang	Sijil, Diploma Dan Diploma Lanjutan	Ijazah Sarjana Muda, Sijil Dan Diploma Siswazah	Sijil Dan Diploma Pascasiswazah, Sarjana	Ijazah Kedoktoran (Kerja Kursus Dan Campuran)
Sains Sosial	1:30	1:25	1:20	1:12
Sastera Dan Kemanusiaan	1:30	1:25	1:20	1:12
Sains	1:25	1:20	1:15	1:9
Sains Kesihatan Bersekutu Dan Perubatan	1:25	1:4 (perubatan) 1:20 (sains kesihatan bersekutu)	1:15	1:9
Kejuruteraan Dan Teknologi	1:20	1:15	1:15	1:6

Dalam usaha memperkasakan struktur organisasi IPDAS perlu melaksanakan kajian semula tenaga manusia dengan mengoptimalkan bilangan staf bagi mencapai produktiviti melalui kaedah *rightsizing*, *redeployment* dan *trade-off* jawatan-jawatan sedia ada. Di samping itu memohon waran perjawatan bagi memenuhi keperluan sumber manusia menjelang tahun 2025.

Cadangan ketiga, menyediakan kemudahan insfrastruktur dan infrostruktur yang mencukupi dan berkualiti.

Kemudahan prasarana dan infrastruktur yang berkualiti adalah salah satu keperluan asas dalam usaha menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan kecemerlangan proses pendidikan di IPDAS sebagai sebuah pusat pengajian tinggi.

Sebagai sebuah institut pemberi pendidikan tinggi IPDAS merancang melaksanakan perubahan drastik ke atas penambahan penawaran program menjelang tahun 2025, perkembangan ini memaksa IPDAS bersedia menambah kapasiti dan kualiti prasarana dan insfrastruktur bagi menampung keperluan ini. Satu pelan induk pembangunan baharu perlu di bangunkan dengan membuat penekanan kepada penyediaan persekitaran fakulti dan kampus yang selesa, menarik serta mampan.

Bagi mencapai matlamat ini IPDAS perlu merancang pembangunan masa hadapan IPDAS dengan menyediakan pelan induk pembangunan baharu dibawah Rancangan Malaysia Kedua belas (RMK 12).

- a. Menambah baik bilik kuliah, makmal computer dan bengkel dengan menyediakan pelbagai kelengkapan P&P, kemudahan *technology-enabled classroom* (TEC).
- b. Membina bangunan akademik baharu yang menempatkan bilik kuliah, bilik tutorial, dewan seminar dan bengkel, dewan peperiksaan, perpustakaan dan makmal Komputer
- c. Membina bangunan bukan akademik baharu yang menempatkan pejabat pentadbiran, dewan perhimpunan, masjid dan lain-lain
- d. Menambah baik bangunan sedia ada dan membina kolej kediaman baharu yang berkualiti dan memenuhi piawaian bagi menampung peningkatan jumlah pelajar.
- e. Menambah baik kemudahan sedia ada (gelangang bola tampar, sepak takraw dan padang bola sepak) dan membina kemudahan sukan baharu lapang sasaran memanah, futsal tenis dan lain-lain
- f. Menambah baik kemudahan di perpustakaan dengan menambahkan koleksi rujukan dan membangunkan *Digital Library* dan Sistem OPAC.

- g. Menyediakan infrastruktur dan infostruktur ICT yang stabil dan selamat untuk kegunaan semua kakitangan dan pelajar.

PENUTUP

Kesimpulan dari hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa perkara yang perlu di beri perhatian dalam melaksanakan penawaran program Diploma Dakwah Digital di IPDAS. Perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah menambah kapasiti dan kualiti prasarana dan insfrastruktur dari semua aspek bagi menampung unjuran peningkatan pelajar daripada penawaran program-program baharu.

Perkara kedua yang perlu diberi perhatian adalah meningkatkan kualiti, profesionalisme dan kompetensi staf akademik terutamanya dalam membina pelan laluan kerjaya para pensyarah IPDAS disamping menambah jumlah bilangan staf akademik yang berkepakaran dalam bidang-bidang tertentu. Ini dapat dilakukan dengan memberi ruang dan peluang pensyarah untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi seperti Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah disamping itu membuat perlantikan pensyarah-pensyarah baharu yang lebih berkepakaran.

Hasil kajian ini juga mendapati IPDAS tidak mempunyai masalah dari segi sumber kewangan kerana IPDAS merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi yang bernaung secara langsung di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). JAKIM sentiasa komited dalam menyokong usaha untuk memajukan IPDAS dengan menyalurkan peruntukan kewangan yang mencukupi. Justeru itu, dapat dirumuskan bahawa IPDAS bersedia dan mampu mendepani isu dan cabaran dalam menawarkan program-program baharu khususnya Diploma Dakwah Digital di IPDAS menjelang tahun 2022-2025.

RUJUKAN

- Abdullah, H., dan Letchumanan, S., dan Jaswadi, N. (2010). *Kenapakah Program Baharu Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik (Telekomunikasi) perlu ditawarkan di Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Johor Bahru*. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/19337137/KAJIAN_PENAWARAN_PROGRAM_BA_RU_PILIHAN_KOMUNITI_BETONG_DI_KOLEJ_KOMUNITI_BETONG_SARA_WAK
- Abdul Talib, N., dan Abdullah, M., & Mohamad Salleh, M. (2017). CABARAN DAKWAH ISLAM DI ALAM SIBER. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 005 ISSN: 1823-884x
- Abdul Rani Usman, Azman, Hanifah, Risqan Syahira, Almuzanni. (2019, Dis). *Dakwah Digital: Optimalisasi Penggunaan Teknologi Komunikasi Pendai Di Aceh*, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/338122420_DAKWAH_DIGITAL_OPTIMALISASI_PENGUNAAN_TEKNOLOGI_KOMUNIKASI_PENDAI_DI_ACEH_N
- Agensi Kelayakan Malaysia. (2014). *Garis panduan amalan baik: staf akademik*. Selangor. Agensi Kelayakan Malaysia.
- Amanina Muhamad Sanusi¹, Saifullizam Puteh & Nur Farha Hassan. (2018). Tinjauan Penglibatan Pensyarah Politeknik Dalam Melaksanakan Latihan Inovasi Bagi Meningkatkan Kualiti Pengajaran Dan Pembelajaran. *Online Journal For TVET Practitioners*. 3. 93-99
- Kementerian pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya. Kementerian pendidikan Malaysia.
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. (2019). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (Pak21) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal Ipda*. vol. 26. 13-24
- Noor Azaian Binti Abdul Talib, Mohd Yusof Abdullah & Mohd Azul Mohamad Salleh, (2017). Cabaran Dakwah Islam Di Alam Siber, *Journal of Social Sciences and Humanities*. *Special Articles*: 005
- Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah & Khadijah Abdul Raza. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*. Vol. 10 (1), 77-94
- Rogayah Mohd Zain & Mohd Aderi Che Noh. (2016). Kesan Globalisasi Ke Atas Pendidikan Islam Kini. *Prosiding wacana Pendidikan Islam Siri Ke 11(11)*, Hlm 35-42.

Shuhana Shamsuddin, Ahmad Bashri Sulaiman, Hasanuddin Lamit, Norsiah Abd. Aziz, Rozeyta Omar dan Masliana Md Noor (2007). *Kriteria Reka Bentuk Persekitaran Kampus Yang Kondusif Bagi Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*. Johor. Universiti Teknologi Malaysia.

Usman, A., & Azman, dan Hanifah, dan Risqan Syahira, & Almuzanni. (2019). *Dakwah Digital: Optimalisasi Penggunaan Teknologi Komunikasi Pendai Di Aceh, Universitas Islam Negeri Ar-Raniry*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/338122420_DAKWAH_DIGITAL_OPTIMALISASI_PENGGUNAAN_TEKNOLOGI_KOMUNIKASI_PENDAI_DI_ACEH

KEFAHAMAN IBADAT SOLAT FARDU DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH (IPDAS) KAMPUS KUDAT

Norhikmah binti Masir¹, Illani binti Zulkifli², Kamariah binti Ahmad³, Darmansyah bin Mohd Said⁴, Kamran bin Pasiran⁵, Khairunnisa binti Mohd Hairi⁶

^{1,2,3,4,5} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

⁶ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kefahaman ibadat solat fardu dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah IPDAS Kampus Kudat seramai 84 orang pelajar. Dalam kajian ini, borang soal selidik dan temubual digunakan sebagai instrumen kajian. Data yang diperolehi melalui soal selidik telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif untuk mendapatkan nilai min dan peratus menggunakan perisian "Statistical Package For Social Sciences" (SPSS) versi 25. Hasil analisis menunjukkan bahawa kefahaman responden tentang kewajipan solat fardu adalah tinggi dengan skor min 4.75. Tahap penguasaan pelajar berkaitan rukun qauli juga berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 4.53. Bagi faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat, faktor kesedaran diri sendiri untuk berusaha memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah mencatatkan nilai skor tertinggi dengan min 4.99. Berdasarkan temubual, antara isu berkaitan solat yang telah dikenalpasti adalah pelajar sukar untuk menghafal bacaan solat yang panjang. Program-program bimbingan seperti mentor-mentee dan program tahsin solat perlu diperkasakan bagi menangani isu tersebut. Kesimpulannya, kefahaman pelajar terhadap ibadat solat fardu berada pada tahap yang tinggi namun terdapat pelajar yang belum menguasai sepenuhnya rukun qauli khususnya bagi bacaan al-Fatihah, bacaan tahiyat akhir dan selawat nabi pada tahiyat akhir.

KATA KUNCI : Kefahaman solat; Ibadat Solat; Solat Fardu; Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) Kampus Kudat

PENGENALAN

Solat merupakan satu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu Wa Taala (SWT) kepada setiap umat Islam dan merupakan rukun Islam kedua sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam (SAW) yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Muslim daripada Abdullah bin Umar Radhiallahu Anhu (RA) yang bermaksud *“Islam itu dibina dan ditegakkan di atas lima dasar (lima rukun), iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah (dengan meyakini serta menerangkan kebenaran) bahawa sesungguhnya tiada tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah dan bahawa sesungguhnya Nabi Muhammad ialah pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, memberi zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah”*.

Ibadah solat yang diamalkan dengan penuh kesempurnaan merangkumi aspek rukun, syarat, kefahaman serta penuh khusyuk akan dapat mencegah diri seseorang individu muslim dari melakukan perbuatan keji dan munkar. Ini bertepatan dengan Firman Allah SWT yang bermaksud *“Sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar. Dan sesungguhnya mengingat Allah (solat) adalah lebih besar (keutamaannya dari ibadat-ibadat yang lain)”* (Surah al-Ankabut, ayat 45).

Justeru, amalan solat mampu menjadi perisai dan benteng bagi individu muslim daripada fitnah dan hasutan syaitan. Dengan mengamalkan ibadat solat, seseorang itu akan merasakan bahawa Allah SWT sentiasa mengawasi dan memerhatikan tingkah lakunya sehingga dapat menjauhkan dirinya dari apa juga bentuk kemungkaran serta menjaga dirinya dari perkara-perkara yang negatif (Mustafa Masyhur, 1987).

Di samping itu, ibadat solat merupakan antara elemen penting dalam penerapan asas fardu ain kepada umat Islam di Malaysia. Terdapat banyak usaha yang dilakukan oleh kerajaan persekutuan mahupun kerajaan negeri bagi memastikan umat islam dapat mempelajari dan menguasai ibadat solat. Usaha ini dapat dilihat melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan agensi agama sebagai contohnya, KPM telah

memperkenalkan Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA) di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bermula tahun 1994. Berdasarkan modul yang disediakan, pelajar akan dinilai dalam pelbagai perkara fardu ain termasuk ibadah solat dalam aspek teori dan amali.

Selain itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga telah memperkenalkan Kelas Asas Fardu Ain (KAFA) sebagai pengukuhan asas pendidikan Islam dengan memberi penekanan kepada kemahiran membaca Al-Quran serta asas-asas Fardhu Ain termasuklah ibadah solat secara teori dan amali. Di peringkat negeri Sabah, pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) melalui Bahagian Dakwah juga memainkan peranan dalam memberi bimbingan khususnya kepada mualaf di seluruh Sabah melalui kelas bimbingan agama seperti Teratak Fitrah. Di samping itu, badan dakwah seperti Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Hidayah Centre juga terlibat secara langsung dalam memberi bimbingan berterusan kepada mualaf di Sabah (Sarip Abdul, 2014).

PERMASALAHAN KAJIAN

Majoriti pelajar IPDAS Kampus Kudat terdiri daripada remaja muslim pedalaman dan mualaf dan mereka yang dipilih untuk mengikuti pengajian di IPDAS Kampus Kudat adalah dalam kalangan pelajar yang lemah dalam penguasaan al-Quran dan pengetahuan agama. Terdapat pelajar yang belum menguasai bacaan solat dan pelajar menulis bacaan solat dengan ejaan rumi untuk memudahkan mereka mengingat dan menghafal bacaan solat. Perkara ini dikenalpasti ketika pensyarah membuat penilaian dengan mengemukakan pertanyaan secara tidak langsung semasa di dalam kelas.

Melalui kajian-kajian lepas, didapati bahawa masalah kurangnya pengetahuan berkenaan ibadah solat juga berlaku dalam kalangan remaja muslim yang lain. Ini disokong dengan pelbagai dapatan kajian antaranya kajian pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor yang menunjukkan bahawa pelaksanaan solat pelajar berada pada tahap yang sederhana dan masih perlu diperbaiki (Hasna Bidin, 2016). Selain itu, kajian terhadap pelajar Kolej Komuniti

Negeri Sarawak juga menunjukkan pengamalan solat fardhu dalam kalangan pelajar masih berada pada tahap yang rendah dan terdapat pelajar yang tidak menguasai bacaan dalam solat (Munirah, Nouraisyah dan Kamelia, 2018).

Oleh yang demikian, kajian berkaitan kefahaman solat fardhu dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat perlu dilaksanakan bagi memastikan para pelajar mendapat bimbingan secara optimum dan mereka dapat memanfaatkan masa yang ada dalam tempoh pengajian untuk menguasai ibadah solat dengan baik. Hal ini kerana para pelajar khususnya mereka yang berasal dari kawasan pedalaman secara tidak langsung akan menjadi rujukan masyarakat setempat untuk menjadi imam, guru agama dan sebagainya setelah mereka menamatkan pengajian di IPDAS Kampus Kudat.

Di samping itu, amat mustahak untuk memastikan Islam itu dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian seseorang muslim kerana itulah cabaran sebenar dunia dakwah (Abdul Hakim Mohad, Kasim Mansur dan Ros Aiza, 2016).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui tahap kefahaman pelajar IPDAS Kampus Kudat berkaitan ibadat solat fardhu. Manakala objektif khusus adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui sejauhmana tahap kefahaman pelajar IPDAS Kampus Kudat berkenaan kewajipan pelaksanaan solat fardhu.
- ii. Mengetahui sejauhmana tahap penguasaan rukun qauli dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat.
- iii. Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar IPDAS Kampus Kudat untuk melaksanakan ibadat solat.
- iv. Mengenalpasti isu-isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat.
- v. Mengesyorkan strategi bersesuaian untuk menangani isu yang berbangkit.

PERSOALAN KAJIAN

Beberapa persoalan kajian yang berkaitan telah dikenalpasti dalam kajian ini sebagaimana berikut;

- i. Apakah tahap kefahaman pelajar berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu?
- ii. Bagaimanakah tahap penguasaan rukun qauli dalam kalangan pelajar?
- iii. Apakah faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan ibadat solat?
- iv. Apakah isu-isu berbangkit berkenaan kewajipan pelaksanaan ibadat solat?
- v. Apakah strategi bersesuaian untuk menangani isu yang berbangkit?

SIGNIFIKAN KAJIAN

Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak khususnya pihak berautoriti seperti KPM, Jabatan Agama Negeri dan Persekutuan seperti JHEAINS dan JAKIM bagi memperkasa pelaksanaan kurikulum dan program yang lebih holistik merangkumi ilmu teori dan amali bagi pelaksanaan kelas-kelas fardhu ain seperti KAFA, kelas Takmir, PAFA, kelas mualaf dan sebagainya. Manakala institusi pendidikan khususnya IPDAS dapat merangka aktiviti atau program yang lebih berkesan dalam memastikan para pelajar dapat menguasai ibadah solat dengan baik dan mengaplikasinya dalam kehidupan seharian. Bagi para pensyarah pula, mereka dapat memberi bimbingan dan motivasi serta turut sama cakna dalam memastikan penguasaan dan pengamalan solat dalam kalangan para pelajar. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat memberi kesedaran kepada pelajar untuk sentiasa meningkatkan usaha dalam penguasaan dan penghayatan ibadat solat serta melaksanakan solat sesuai dengan tuntutan agama. Dalam aspek kerangka ilmu, hasil kajian ini menyumbang kepada input baharu dari konteks IPDAS Kampus Kudat tentang aspek kefahaman dan pelaksanaan ibadat solat fardhu serta tahap penguasaan rukun qauli.

Selain itu, faktor pelajar mendirikan solat, isu-isu berkaitan solat dalam kalangan pelajar dan strategi menangani isu-isu tersebut dapat diketahui.

SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di IPDAS Kampus Kudat yang mana responden kajian ini melibatkan pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah seramai 84 orang. Skop kajian ini menumpukan kepada lima aspek utama iaitu tahap kefahaman pelajar berkaitan kewajipan pelaksanaan ibadat solat, tahap penguasaan pelajar berkaitan rukun qauli, faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk melaksanakan ibadat solat, isu-isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat dan strategi menangani isu-isu tersebut.

Solat yang ditumpukan pada kajian ini adalah solat fardu lima waktu iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

DEFINISI OPERASIONAL

Kefahaman

Menurut Kamus Dewan Edisi Ketiga (1997), istilah kefahaman diertikan sebagai keupayaan seseorang untuk memahami sesuatu dan ia dapat menerangkan perkara yang difahami kepada rakannya. Dalam kajian ini, penyelidik mengkaji berkaitan kefahaman pelajar terhadap kewajipan pelaksanaan ibadat solat fardu.

Ibadat

Menurut Yusuf al-Qardhawi, perkataan ibadat berasal daripada perkataan bahasa Arab (عَبَدَ) yang bermaksud patuh, setia, tunduk, menyembah dan memperhambakan diri kepada sesuatu. Dari segi istilah syarak pula, ibadat bererti ketundukan, kecintaan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Ia diterjemahkan melalui perkataan dan perbuatan yang berlandaskan syariat Islam dengan melakukan segala perintah Allah SWT dan

meninggal segala larangan-Nya (Yazid dan Mohamad Kamil, 2015). Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada ibadat solat fardu sahaja.

Solat fardu

Solat bermaksud perkataan dan perbuatan tertentu yang dimulai dengan takbiratul ihram serta diakhiri dengan salam. Fardu pula bermaksud perkara yang dituntut oleh Allah dengan tuntutan secara putus (*jazim*) yang mana pelakunya diberikan pahala dan dikenakan azab kepada yang meninggalkannya (Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji, 2005). Solat yang wajib ada lima iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak (Yazid dan Mohamad Kamil, 2015). Justeru, kajian ini hanya memfokuskan kepada solat fardu lima waktu iaitu Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

Pelajar

Pelajar bermaksud orang yang belajar atau orang yang mengaji. Ia juga membawa maksud orang yang menyelidiki ilmu (Kamus Dewan, 2005). Dalam kajian ini, pelajar merujuk kepada pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah, Institut Pengajian Islam dan Dakwah (IPDAS) Kampus Kudat.

KAJIAN LITERATUR

Kewajipan solat

Ibadat solat fardu sebanyak lima kali sehari semalam diwajibkan keatas setiap orang Islam yang baligh, berakal dan suci sama ada lelaki atau perempuan. Justeru, orang yang meninggalkan solat kerana mengingkari kewajipannya atau mempersenda-sendakannya dihukum sebagai kafir dan murtad. Manakala orang yang meninggalkan solat kerana malas namun masih beriktikad bahawa solat itu wajib, maka ianya tidak dihukum sebagai kafir. Ibadat solat yang dilaksanakan dengan sempurna boleh menghapuskan dosa yang telah dilakukan oleh seseorang muslim berdasarkan hadis

Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang bermaksud *“Allah akan menghapuskan dosa-dosa dengan menunaikan solat lima waktu”*. Selain itu, ia disokong dengan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Uthman RA yang bermaksud: “Barangsiapa yang menyempurnakan wudhuk sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah, maka solat yang diwajibkan itu akan menghapuskan dosa yang dilakukan antara waktu-waktu solat tersebut” (Mustofa al-Khin dan rakan-rakan, 2005).

Terdapat tiga prinsip ibadat solat yang merupakan sebahagian daripada akhlak utama dan perlu diraih oleh setiap muslim dalam mencapai kebahagiaan iaitu hati tunduk kepada Allah SWT, bertawajjuh kepadaNya dan mengagungkanNya (Noraini dan Norasmira, 2019).

Rukun solat

Menurut Mazhab Syafie, rukun solat terdiri daripada 13 perkara yang mana terbahagi kepada tiga aspek iaitu rukun qalbi (berkaitan hati), rukun qauli (berkaitan bacaan) dan rukun fi’li (berkaitan perbuatan). Rukun qalbi adalah niat dan tertib manakala rukun qauli terdapat lima perkara iaitu lafaz takbiratul ihram, lafaz membaca al-Fatihah, bacaan tahiyat akhir, lafaz selawat Nabi SAW dalam tahiyat akhir dan ucapan salam yang pertama. Rukun fi’li pula ada enam perkara iaitu berdiri betul, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud dan duduk tahiyat akhir (Yazid dan Mohamad Kamil, 2015).

Suhaimi, Mohd Azam dan Ahmad Faqih (2019) menyatakan bahawa kesempurnaan amali solat bukan sahaja pada rukun fi’li semata-mata, bahkan disusuli dengan rukun-rukun qauli yang lain contohnya bacaan surah al-Fatihah ketika berdiri pada setiap rakaat, bacaan tahiyatul akhir serta bacaan-bacaan sunat dan zikir seperti bacaan ketika rukuk, sujud dan pergerakan yang lain dalam bahasa arab seperti yang telah disyariatkan oleh Islam. Sekiranya bacaan solat dibaca dengan terjemahan, solat tersebut tidak sah dan terbatal.

Kefahaman, pengamalan dan penghayatan solat

Sumaiyah, Rahaila, Mahawa dan Abd Rashid (2012) menyatakan dalam kajian mereka terhadap bakal guru, penghayatan solat adalah penting dan perlu dibudayakan supaya dapat berperanan sebagai pemangkin jati diri dalam kehidupan seharian bakal guru. Seseorang guru yang mempunyai akhlak yang mantap mempunyai kefahaman, realiti amalan pelaksanaan dan penghayatan solat yang tinggi. Kajian yang dijalankan kepada 60 orang bakal guru menunjukkan bahawa kefahaman dan pelaksanaan solat bakal guru berada pada tahap yang tinggi tetapi penghayatan solat bakal guru berada pada tahap sederhana.

Norshahira dan Siti Nor Lailiyah (2017) pula mengatakan bahawa kaedah pendidikan kerohanian perlu diberi penekanan secara berterusan agar ianya seiring dengan kecemerlangan akademik. Hasil kajian terhadap kesedaran ibadah solat fardhu dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Jelevu mendapati bahawa tahap kefahaman pelajar berada pada tahap yang tinggi namun perlu diperkukuhkan lagi melalui program-program yang dirangka khas.

Namun begitu, pengetahuan asas solat yang baik tidak menjadi jaminan seseorang individu akan melaksanakan solat fardhu lima kali sehari secara konsisten. Ini disokong dengan kajian pengamalan solat fardhu yang dijalankan di kalangan Mahasiswa TATI University College, Kemaman Terengganu (Hilmi Ismail, 2010) yang mana hasil kajian mendapati bahawa 90% dari responden yang dikaji mempunyai pengetahuan asas solat fardhu yang baik namun dari aspek pengamalan solat fardhu hanya 36% sahaja mahasiswa yang konsisten menunaikannya sebanyak lima waktu setiap hari sebagai memenuhi taklifan syarak.

Manakala hasil kajian yang dijalankan oleh Mohd Zainal Abidin, Mohd Aminuddin, Nurul Huda dan Norlela (2015) berkaitan amalan solat fardhu di kalangan pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012 mendapati bahawa para pelajar memahami tentang kepentingan solat namun tahap pengamalan pelajar dalam melaksanakan solat masih kurang memuaskan.

Faktor pelaksanaan solat

Pelbagai faktor mempengaruhi seseorang muslim untuk melaksanakan ibadat solat seperti faktor dalaman iaitu kesedaran diri sendiri dan faktor luaran seperti ibu-bapa, guru-guru, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling. Hal ini disokong dengan hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Munirah dan *et. al* (2018) terhadap pelajar Kolej Komuniti Sarawak, yang mana pengkaji mendapati bahawa faktor diri sendiri berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna mempunyai nilai min paling tinggi dengan skor min 4.45.

Selain itu, hasil kajian berkaitan amalan solat fardhu dalam kalangan terhadap pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012 (Mohd Zainal Abidin *et. al*, 2015) mendapati bahawa faktor guru mengingatkan pelajar untuk menunaikan solat dengan sempurna disamping tugas menuntut ilmu menjadi faktor yang mempunyai nilai min tertinggi dengan skor min 4.46.

METODOLOGI KAJIAN

Populasi dan sampel kajian

Dalam kajian ini, populasi terdiri daripada pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah, IPDAS, Kampus Kudat seramai 84 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar semester satu dan kesemua pelajar terlibat sebagai sampel atau responden kajian.

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian tinjauan dengan menggunakan temubual dan instrumen soal selidik. Berdasarkan Hasna, Ahmad Syukran dan Mohd Ismail (2015), Chua (2006) menjelaskan bahawa kajian tinjauan sesuai dijalankan oleh pengkaji yang ingin mengetahui untuk mengukur pengetahuan, sikap, tingkah laku, pendapat dan sikap dari kumpulan subjek yang besar.

Borang soal selidik yang digunakan terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian A berkaitan demografi responden, bahagian B berkaitan kefahaman pelajar tentang kewajipan pelaksanaan ibadat solat, bahagian C berkaitan penguasaan pelajar berkenaan rukun qauli dan bahagian D berkaitan faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar IPDAS Kampus Kudat untuk melaksanakan solat.

Selain itu kaedah temubual juga dilaksanakan bagi mengenalpasti isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat dan strategi menangani isu-isu tersebut.

Kaedah analisis

Dalam kajian ini, analisis deskriptif digunakan untuk mengukur skor min bagi tiga objektif kajian yang terkandung dalam bahagian B iaitu kefahaman pelajar berkaitan kewajipan pelaksanaan ibadat solat, bahagian C iaitu penguasaan rukun qauli dalam kalangan pelajar dan bahagian D iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat.

Hasil analisis Bahagian B, C dan D dianalisis berdasarkan kepada nilai skor min yang mengandungi tiga tahap iaitu tinggi, sederhana dan rendah seperti berikut:

Jadual 1 : Nilai Skor Min

Nilai Skor Min	Tahap
3.67 hingga 5.00	Tinggi
2.34 hingga 3.66	Sederhana
1.00 hingga 2.33	Rendah

Rujukan: Jainabee (2005) dan Mohd Majid Konting (2005)

Nilai skor ini telah digunakan oleh penyelidik terdahulu dalam kajian yang bertajuk “Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka (Hasna dan rakan-rakan, 2015).

Manakala skala yang digunakan dalam soal selidik ini adalah skala likert yang mengandungi lima mata iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

KAJIAN RINTIS

Kajian rintis telah dilaksanakan terhadap 30 orang sampel dalam kalangan pelajar Sijil Pengajian Islam dan Dakwah IPDAS Kampus Keningau bagi mengetahui tahap kesahan dan kebolehpercayaan item-item soal selidik yang dibina sebelum diedarkan kepada responden dalam kajian sebenar. Penyelidik menguji kebolehpercayaan soal selidik menggunakan ujian *Alpha Cronbach* dalam perisian SPSS.

Menurut Mohd Majid Konting, nilai alpha melebihi 0.6 adalah dianggap mempunyai kesahan yang tinggi dalam sesuatu ujian dan dikira mempunyai kebolehpercayaan pada instrumen kajian (Hasna dan rakan-rakan, 2015). Dapatan rintis yang diperolehi oleh penyelidik mencapai nilai alpha melebihi 0.6 iaitu sebanyak 0.789 *alpha Cronbach*. Ini menunjukkan item-item yang terdapat di dalam soal selidik mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan serta boleh diterima untuk diaplikasi dalam kajian sebenar.

Selain itu, penyelidik juga telah mendapatkan pandangan daripada pakar bidang iaitu Ketua Jabatan Syariah di IPDAS Kampus Keningau bagi memastikan kesahan item soal selidik tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Taburan responden mengikut jantina

Jadual 2 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut jantina. Responden adalah terdiri daripada 42 orang (50%) pelajar lelaki dan 42 orang (50%) pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 84 orang pelajar (100%).

Jadual 2: Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Tahap	Peratus (%)
Lelaki	42	50.0
Perempuan	42	50.0
Jumlah	84	100.0

Taburan responden mengikut umur

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan responden mengikut umur. Responden adalah terdiri daripada 38 orang pelajar (45.2%) berumur antara 17-19 tahun, 30 orang pelajar (35.7%) berumur antara 20-22 tahun, 13 orang pelajar (15.5%) berumur antara 23-25 tahun dan seramai 3 orang pelajar (3.6%) berumur 26 tahun ke atas.

Jadual 3: Taburan responden mengikut umur

Jantina	Kekerapan	Peratus (%)
17 - 19 tahun	38	45.2
20 - 22 tahun	30	35.7
23 – 25 tahun	13	15.5
26 tahun ke atas	3	3.6
Jumlah	84	100.0

Pendidikan awal mengenai solat

Jadual 3 menunjukkan bagaimana pelajar memperoleh pendidikan awal mengenai solat. Seramai 57 orang pelajar (67.9%) memperoleh pendidikan awal daripada ibu-bapa/keluarga, 7 orang pelajar (8.3%) daripada Kelas Asas Fardu Ain (KAFA), 4 orang pelajar (4.8%) daripada program PAFA Sekolah, 3 orang pelajar (3.6%) daripada Kelas Bimbingan Saudara Kita dan 13 orang pelajar (15.5%) menerima pendidikan awal mengenai solat daripada lain-lain sumber.

Jadual 4: Pendidikan awal mengenai solat

	Kekerapan	Peratus (%)
Ibu-bapa/Keluarga	57	67.9
Kelas Asas Fardu Ain (KAFA)	7	8.3
Program PAFA Sekolah	4	4.8
Kelas Bimbingan Saudara Kita	3	3.6
Lain-lain	13	15.5
Jumlah	84	100.0

Tahap kefahaman tentang kewajipan pelaksanaan solat fardu

Jadual 5 menunjukkan maklumat keseluruhan bagi tahap kefahaman pelajar IPDAS Kampus Kudat berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap kefahaman pelajar berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.75. Item no.1 iaitu “Solat fardu wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam” mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 5.00 dimana keseluruhan pelajar (100%) mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini.

Kemudian diikuti dengan item no.3 yang mencatatkan skor min kedua tertinggi sebanyak 4.98. Item ini berkaitan “Solat difardukan sebanyak lima kali sehari semalam” dimana seramai 82 orang pelajar (97.6%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya skor min ketiga tertinggi adalah item no.4 berkaitan “solat adalah amalan pertama yang akan dihisab di akhirat” dengan mencatatkan skor min 4.93. Seramai 80 orang pelajar (95.2%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Berikutnya diikuti dengan item no.9 dengan skor min keempat tertinggi iaitu sebanyak 4.88. Item ini berkaitan “Solat yang ditinggalkan wajib untuk diganti/diqada” yang mana seramai 76 orang pelajar (90.5%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya item no. 2 memperoleh skor min kelima tertinggi yang berkaitan “solat adalah rukun Islam yang kedua selepas dua kalimah syahadah” dengan mencatatkan skor min sebanyak 4.81. Seramai 72 orang pelajar (85.7%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang memperoleh skor min keenam tertinggi adalah item no. 5 yang mencatatkan skor min 4.71. Item ini berkaitan “Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan” yang mana seramai 69 orang pelajar (82.1%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Kemudian diikuti oleh item no. 6 yang mencatatkan min ketujuh tertinggi dengan skor min 4.65. Item ini berkaitan “solat fardu perlu dilaksanakan walaupun ketika sakit” yang mana seramai 65 orang pelajar (77.4%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya item no. 7 mencatatkan skor min kelapan tertinggi iaitu 4.43. Item ini berkaitan “meninggalkan solat fardu dengan sengaja kerana malas adalah sikap orang yang fasiq” yang mana seramai 62 orang pelajar (73.8) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang mencatatkan skor min kesembilan tertinggi ialah item no.8 berkaitan “meninggalkan solat dengan sengaja kerana mengingkari kewajipannya akan menyebabkan pelakunya menjadi kufur” dengan skor min 4.40. Seramai 55 orang sangat setuju dengan pernyataan ini.

Jadual 5 : Tahap kefahaman pelajar berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu

NO.	ITEM	STS	TS	TP	S	SS	MIN
		1	2	3	4	5	
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
		%	%	%	%	%	
1	Solat fardu wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam	0	0	0	0	85	5.00
		0	0	0	0	100	
2	Solat adalah rukun Islam yang kedua selepas dua kalimah syahadah	0	0	4	8	72	4.81
		0	0	4.8	9.5	85.7	
3	Solat difardukan sebanyak lima kali sehari semalam	0	0	0	2	2.4	4.98
		0	0	0	82	97.6	
4	Solat adalah amalan pertama yang akan dihisab di akhirat	0	0	2	2	80	4.93
		0	0	2.4	2.4	95.2	
5	Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan	1	0	6	8	69	4.71
		1.2	0	7.1	9.5	82.1	
6	Solat fardu perlu dilaksanakan walaupun ketika sakit	1	0	7	11	65	4.65
		1.2	0	8.3	13.1	77.4	
7	Meninggalkan solat fardu dengan sengaja kerana malas adalah sikap orang yang fasiq	4	5	4	9	62	4.43
		4.8	6.0	4.8	10.7	73.8	
8	Meninggalkan solat dengan sengaja kerana mengingkari kewajipannya akan menyebabkan pelakunya menjadi kufur	3	1	10	15	55	4.40
		3.6	1.2	11.9	17.9	65.5	
9	Solat yang ditinggalkan wajib untuk diganti/diqada	0	0	2	6	76	4.88
		0	0	2.4	7.1	90.5	
Min Keseluruhan							4.75

TAHAP PENGUASAAN PELAJAR BERKAITAN RUKUN QAULI

Jadual 6 menunjukkan dapatan mengenai tahap penguasaan rukun qauli dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat. Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap rukun qauli berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.53 yang mana item no. 2 iaitu “Lafaz takbiratul ihram

adalah *Allahu Akbar*” mencatatkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.92 dimana seramai 78 orang pelajar (92.9%) mengatakan mereka sangat setuju dengan pernyataan ini.

Kemudian diikuti dengan item no. 7 yang mencatatkan skor min kedua tertinggi sebanyak 4.88. Item ini berkaitan “Lafaz salam dalam solat adalah *Assalamualaikum Warahmatullah*” yang mana seramai 76 orang pelajar (90.5%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya skor min ketiga tertinggi adalah item no. 6 berkaitan “Mengucapkan salam yang pertama adalah wajib” dengan mencatatkan skor min 4.81. Seramai 72 orang pelajar (85.7%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Berikutnya diikuti dengan item no.1 dengan skor min keempat tertinggi iaitu sebanyak 4.75. Item ini berkaitan “Rukun qauli perlu dilafazkan dengan kadar didengari oleh telinga sendiri” yang mana seramai 69 orang pelajar (82.1%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya item no. 8 memperoleh skor min kelima tertinggi yang berkaitan “Solat tidak sah jika tidak sempurna rukun qauli” dengan mencatatkan skor min sebanyak 4.44. Seramai 57 orang pelajar (67.9%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang memperoleh skor min keenam tertinggi adalah item no. 4 yang mencatatkan skor min 4.18. Item ini berkaitan “Saya membaca lafaz tahiyat akhir dengan baik” yang mana seramai 38 orang pelajar (45.2%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Kemudian diikuti oleh item yang mencatatkan min paling rendah dengan skor min 4.13 iaitu item no. 5 “Saya boleh membaca selawat nabi dengan baik semasa tahiyat akhir” yang mana seramai 35 orang pelajar (41.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini dan seterusnya item no. 3 “Saya membaca al-Fatihah dengan baik” yang mana seramai 34 orang pelajar (40.5%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Jadual 6 : Tahap penguasaan pelajar berkaitan Rukun Qauli

NO.	ITEM	STS	TS	TP	S	SS	MIN
		1	2	3	4	5	
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
		%	%	%	%	%	
1	Rukun qauli perlu dilafazkan dengan kadar didengari oleh telinga sendiri	0	1	4	10	69	4.75
		0	1.2	4.8	11.9	82.1	
2	Lafaz takbiratul ihram adalah “Allahu Akbar”	0	0	1	5	78	4.92
		0	0	1.2	6.0	92.9	
3	Saya membaca al-Fatihah dengan baik	0	1	21	28	34	4.13
		0	1.2	25.0	33.3	40.5	
4	Saya membaca lafaz tahiyat akhir dengan baik	0	2	19	25	38	4.18
		0	2.4	22.6	29.8	45.2	
5	Saya boleh membaca selawat nabi dengan baik semasa tahiyat akhir	1	2	17	29	35	4.13
		1.2	2.4	20.2	34.5	41.7	
6	Mengucapkan salam yang pertama adalah wajib	0	1	2	9	72	4.81
		0	1.2	2.4	10.7	85.7	
7	Lafaz salam dalam solat adalah “Assalamualaikum Warahmatullah”	0	1	0	7	76	4.88
		0	1.2	0	8.3	90.5	
8	Solat tidak sah jika tidak sempurna rukun qauli	3	1	9	14	57	4.44
		3.6	1.2	10.7	16.7	67.9	
Min Keseluruhan							4.53

Faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat

Jadual 7 menunjukkan dapatan mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar IPDAS Kampus Kudat untuk melaksanakan solat fardu. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor yang mencatatkan min tertinggi adalah item no. 8 iaitu “Saya berusaha memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah” yang mana keseluruhan pelajar bersetuju dengan pernyataan ini.

Kemudian diikuti dengan item no. 3 yang mencatatkan skor min kedua tertinggi sebanyak 4.76. Item ini berkaitan “Guru mengingatkan saya untuk mendirikan solat” yang mana seramai 68 orang pelajar (81.0%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Seterusnya skor min ketiga tertinggi adalah item no. 7 berkaitan “Saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat” dengan mencatatkan skor min 4.60. Seramai 65 orang pelajar (77.4%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Berikutnya diikuti dengan item no.4 dengan skor min keempat tertinggi iaitu sebanyak 4.58. Item ini berkaitan “Rakan selalu mengingatkan saya untuk menunaikan solat” yang mana seramai 56 orang pelajar (66.7%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini.

Seterusnya item no. 1 memperoleh skor min kelima tertinggi yang berkaitan “Ibu-bapa dan keluarga mendidik saya untuk menunaikan solat” dengan mencatatkan skor min sebanyak 4.56. Seramai 60 orang pelajar (71.4%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Manakala item yang memperoleh skor min keenam tertinggi adalah item no. 2 yang mencatatkan skor min 4.55. Item ini berkaitan “Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat” yang mana seramai 56 orang pelajar (66.7%) mengatakan sangat setuju dengan pernyataan ini. Kemudian diikuti oleh item yang mencatatkan min ketujuh tertinggi dengan skor min 4.27 iaitu item no. 5 berkaitan “Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat” yang mana seramai 43 orang pelajar (51.2%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini manakala item no. 6 “Saya terpaksa mendirikan solat kerana terikat dengan peraturan kampus” mencatatkan min yang paling rendah dengan skor min 1.75 yang mana seramai 52 orang pelajar (61.9%) sangat tidak bersetuju dan 17 orang pelajar (20.2%) tidak bersetuju dengan pernyataan ini. Secara keseluruhannya, faktor dalaman iaitu diri sendiri dan faktor luaran seperti ibu bapa, guru, rakan-rakan dan masyarakat memberi impak dalam mempengaruhi para pelajar untuk mendirikan solat.

Jadual 7 : Faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat

NO.	ITEM	STS	TS	TP	S	SS	MIN
		1	2	3	4	5	
		<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	<i>f</i>	
		%	%	%	%	%	
1	Ibu-bapa dan keluarga mendidik saya untuk menunaikan solat	3	0	4	17	60	4.56
		3.6	0	4.8	20.2	71.4	
2	Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat	1	0	7	20	56	4.55
		1.2	0	8.3	23.8	66.7	
3	Guru mengingatkan saya untuk mendirikan solat	1	0	1	14	68	4.76
		1.2	0	1.2	16.7	81.0	
4	Rakan selalu mengingatkan saya untuk menunaikan solat	1	0	4	23	56	4.58
		1.2	0	4.8	27.4	66.7	
5	Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat	1	2	13	25	43	4.27
		1.2	2.4	15.5	29.8	51.2	
6	Saya terpaksa mendirikan solat kerana terikat dengan peraturan kampus	52	17	5	4	6	1.75
		61.9	20.2	6.0	4.8	7.1	
7	Saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat	3	3	0	13	65	4.60
		3.6	3.6	0	15.5	77.4	
8	Saya berusaha memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah	0	0	0	1	83	4.99
		0	0	0	1.2	98.8	
Min Keseluruhan							4.25

Isu-isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar

Berdasarkan temubual yang dilaksanakan kepada 5 orang responden pensyarah (RP) dan 10 orang responden pelajar (RPEL), didapati bahawa seramai tiga orang pensyarah (RP 3, RP 4 & RP 5) dan 10 orang pelajar (RPEL 1 – RPEL 10) menyatakan bahawa para pelajar menghadapi masalah untuk menghafal bacaan solat yang panjang. Selain itu, dua orang pensyarah (RP 1 & RP 2) dan dua pelajar (RPEL 5

& RPEL 10) mengatakan bahawa terdapat pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan asas mengenai solat.

Strategi menangani isu-isu berkaitan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar

Bagi menangani isu yang timbul, para pelajar dan pensyarah mencadangkan agar program bimbingan seperti mentor-mentee dan program tahsin al-Quran diperkasakan (RP 1 – RP 5 & RPEL 3). Selain itu, majoriti responden dalam kalangan pelajar mencadangkan agar tempat yang selesa dan sesuai selain masjid perlu disediakan sebagai alternatif untuk pelajar menunaikan solat apabila pelajar tidak dapat menunaikan solat di masjid.

PERBINCANGAN

Tahap kefahaman tentang kewajipan pelaksanaan solat fardu

Berdasarkan dapatan kajian bagi menjawab objektif yang pertama iaitu berkaitan tahap kefahaman kewajipan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat, didapati item no.1 iaitu “Solat fardu wajib dilaksanakan oleh setiap orang Islam” memperoleh nilai min tertinggi iaitu sebanyak 5.00 dan diikuti dengan item no.3 “Solat difardukan sebanyak lima kali sehari semalam” yang mencatatkan skor min kedua tertinggi sebanyak 4.98. Hal ini menunjukkan bahawa responden memahami kewajipan melaksanakan ibadat solat fardu bagi setiap mukalaf yang memenuhi syarat wajib solat seperti Islam, berakal dan baligh (Yazid dan Mohamad Kamil, 2015).

Seterusnya skor min ketiga tertinggi adalah item no.4 “solat adalah amalan pertama yang akan dihisab di akhirat” yang mana menunjukkan bahawa pelajar mengetahui keutamaan melaksanakan solat. Solat merupakan indikator utama dalam menentukan sama ada seluruh amal akan diterima atau tidak pada hari pembalasan kelak (Gunawan, 2003). Kemudian diikuti dengan item no.9 “Solat yang ditinggalkan wajib

untuk diganti/diqada” dengan skor min keempat tertinggi iaitu sebanyak 4.88. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden memahami bahawa solat mempunyai waktu-waktunya yang tersendiri dan sekiranya tertinggal solat, wajib diganti. Ini bersesuaian dengan pandangan Mazhab al-Syafii yang mengatakan kewajipan untuk menggantikan solat sebagai melaksanakan tanggungjawab solat yang telah difardukan (Syihabudin, 2017)

Seterusnya item no. 2 “solat adalah rukun Islam yang kedua selepas dua kalimah syahadah” dengan skor min kelima tertinggi sebanyak 4.81 dan diikuti skor min keenam tertinggi yang mencatatkan skor min 4.71 iaitu item no. 5 “Solat fardu dapat menghapuskan dosa-dosa kecil yang telah dilakukan”. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui kedudukan solat dalam Islam dan memahami kelebihan solat yang mana menjadi pembersih seseorang muslim dari segala macam rupa kesalahan yang dilakukan sehari-sehari (Mustafa, 2008)

Seterusnya item no. 6 “solat fardu perlu dilaksanakan walaupun ketika sakit” pula mencatatkan min ketujuh tertinggi dengan skor min 4.65. Ini menunjukkan majoriti responden mengetahui keutamaan melaksanakan solat walau dalam apa juga keadaan. Islam telah menggariskan cara-cara tertentu bagi memberi peluang kepada orang sakit untuk beribadat sama ada secara duduk, berbaring dan sebagainya selagi akalnya masih dalam keadaan sedar atau waras (Ismail Kamus dan Mohd Azrul, 2018)

Seterusnya item no. 7 mencatatkan skor min kelapan tertinggi iaitu 4.43. Item ini berkaitan “meninggalkan solat fardu dengan sengaja kerana malas adalah sikap orang yang fasiq”. Manakala item no.8 “meninggalkan solat dengan sengaja kerana mengingkari kewajipannya akan menyebabkan pelakunya menjadi kufur” mencatat skor min 4.40. Ini menunjukkan bahawa responden mengetahui tentang bahaya meremehkan perintah solat yang mana ianya boleh membawa kepada kefasikan mahupun kekufuran.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai tahap kefahaman yang tinggi berkaitan kewajipan sebagai seorang muslim bagi melaksanakan ibadat solat fardu.

Tahap penguasaan pelajar berkaitan Rukun Qauli

Berdasarkan dapatan kajian bagi menjawab objektif yang kedua iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap rukun qauli, didapati bahawa tahap penguasaan mereka berada pada tahap yang tinggi dengan skor min keseluruhan 4.53.

Penguasaan pelajar terhadap hukum rukun qauli merangkumi item no. 1 “Rukun qauli perlu dilafazkan dengan kadar didengari oleh telinga sendiri” (min 4.75), item no. 6 “Mengucapkan salam yang pertama adalah wajib” (min 4.81) dan item no. 8 “Solat tidak sah jika tidak sempurna rukun qauli” (min 4.44) berada pada tahap yang tinggi dan ini menunjukkan majoriti responden memahami hukum berkaitan rukun qauli dengan baik. Sekiranya rukun qauli tidak dilaksanakan dengan sempurna, maka ia termasuk dalam perkara-perkara yang membatalkan solat (Yazid dan Mohamad Kamil).

Selain itu, penguasaan pelajar berkaitan lafaz rukun qauli juga berada pada tahap yang tinggi. Majoriti responden bersetuju dengan pernyataan pada item no. 2 iaitu “Lafaz takbiratul ihram adalah *Allahu Akbar*” (min 4.92) dan item no. 7 “Lafaz salam dalam solat adalah *Assalamualaikum Warahmatullah*” (min 4.88). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mengetahui lafaz bacaan bagi takbiratul ihram dan lafaz salam dengan baik.

Seterusnya dapatan bagi item no.4 “Saya membaca lafaz tahiyat akhir dengan baik” (min 4.18), item no. 3 “Saya membaca al-Fatihah dengan baik” (min 4.13) dan item no. 5 “Saya boleh membaca selawat nabi dengan baik semasa tahiyat akhir” (min 4.13) juga menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar berada pada tahap yang tinggi namun terdapat sebanyak 20-25% pelajar yang menjawab tidak pasti sama ada

mereka menguasai ketiga-tiga rukun qauli ini dengan baik. Hal ini juga disokong dengan hasil temubual yang mana pelajar mempunyai masalah untuk menghafal bacaan solat yang panjang. Ini mungkin disebabkan oleh latar belakang pelajar itu sendiri yang mana majoriti pelajar terdiri daripada mereka yang mempunyai asas pengetahuan agama yang lemah.

Faktor yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat

Hasil Analisis berkaitan objektif yang ketiga iaitu mengenai faktor yang mempengaruhi pelajar IPDAS Kampus Kudat untuk melaksanakan solat fardu menunjukkan bahawa faktor yang mencatatkan min tertinggi adalah item no. 8 iaitu “Saya berusaha memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah”. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar mempunyai kesedaran untuk menunaikan solat atas dasar keimanan kepada Allah SWT.

Kemudian diikuti dengan item no. 3 “Guru mengingatkan saya untuk mendirikan solat” (min 4.76), item no. 7 “Saya berasa tidak tenang apabila tidak menunaikan solat” (min 4.60), item no.4 “Rakan selalu mengingatkan saya untuk menunaikan solat” (min 4.58), seterusnya item no. 1 “Ibu-bapa dan keluarga mendidik saya untuk menunaikan solat” (min 4.56), item no. 2 “Saya mencontohi rakan yang sentiasa melaksanakan solat” (min 4.55) dan item no. 5 “Masyarakat sekeliling banyak mempengaruhi saya untuk menunaikan solat” dengan min 4.27.

Hal ini menunjukkan bahawa faktor dalaman iaitu kesedaran diri sendiri menjadi faktor utama pelajar melaksanakan solat disamping faktor lain merangkumi pengaruh ibu bapa, guru, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling yang juga memberi impak positif dalam mempengaruhi para pelajar untuk mendirikan solat. Ini bersesuaian dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Munirah dan rakan-rakan (2018) terhadap pelajar Kolej Komuniti Sarawak, yang mana faktor diri sendiri berusaha untuk menunaikan solat dengan sempurna mempunyai nilai min paling tinggi dengan skor min 4.45. Selain itu, hasil kajian oleh Mohd Zainal *et. al* (2015) berkaitan amalan solat fardhu dalam kalangan terhadap pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012 mendapati

bahawa faktor guru mengingatkan pelajar untuk menunaikan solat dengan sempurna mempunyai nilai min tertinggi dengan skor min 4.46.

Dapatan item no. 6 pula “Saya terpaksa mendirikan solat kerana terikat dengan peraturan kampus” mencatatkan min yang rendah dengan skor min 1.75 menunjukkan responden melaksanakan solat dengan kerelaan hati kerana sedar akan tanggungjawab sebagai seorang muslim.

Isu-Isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar

Berdasarkan dapatan temubual, didapati isu utama berkaitan solat fardu yang diutarakan oleh responden adalah para pelajar sukar untuk menghafal bacaan solat yang panjang. Ini disokong dengan dapatan kajian berkaitan tahap penguasaan rukun qauli pelajar IPDAS Kampus Kudat yang mana didapati bahawa 25% responden menjawab tidak pasti bagi item no. 3 “Saya membaca al-Fatihah dengan baik”, 22.6% orang responden menjawab tidak pasti bagi item no.4 “Saya membaca lafaz tahiyat akhir dengan baik” dan 20.2% orang responden menjawab tidak pasti bagi item no. 5 “Saya boleh membaca selawat nabi dengan baik semasa tahiyat akhir”. Ini kerana pelajar tidak mempunyai asas Bahasa Arab dan kurang asas pengetahuan agama. Keadaan ini sedikit sebanyak menyukarkan pelajar untuk menghafaz bacaan solat dalam Bahasa Arab.

Strategi menangani isu-isu berkaitan kewajipan pelaksanaan solat fardu dalam kalangan pelajar

Berdasarkan temubual didapati bahawa IPDAS Kampus Kudat menguatkuasakan pelaksanaan solat secara berjemaah di masjid dan mengadakan program mentor mentee sebagai inisiatif untuk menggalakkan pelajar melaksanakan solat dan mempertingkatkan pengetahuan pelajar berkaitan solat. Bagi menangani isu-isu berbangkit yang diutarakan, majoriti responden dalam kalangan pensyarah menyatakan cadangan bagi pemantapan program-program bimbingan seperti mentor-mentee dan tahsin al-Quran. Ini menunjukkan para pensyarah menyedari kepentingan bimbingan solat kepada para pelajar. Manakala majoriti pelajar mencadangkan agar

disediakan tempat yang selesa untuk mereka melaksanakan solat. Ini sedikit sebanyak dipengaruhi oleh keadaan semasa berikutan pandemik covid-19 yang berlaku menyebabkan pergerakan pelajar untuk melaksanakan solat di masjid secara berjemaah sangat terbatas.

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Hasil dapatan kajian ini telah memberi beberapa maklumat penting berkenaan tahap kefahaman pelajar berkaitan ibadat solat fardu. Penyelidik mencadangkan beberapa perkara yang boleh diambil bagi mempertingkatkan kefahaman dan penguasaan pelajar terhadap pelaksanaan ibadat solat dengan memfokuskan kepada tiga pihak iaitu pihak IPDAS, pensyarah dan pelajar itu sendiri.

Penyelidik mencadangkan agar IPDAS Kampus Kudat memperkasa modul latihan yang komprehensif dan berfokus kepada pemantapan ibadat solat. Pelaksanaan program bimbingan berpandukan modul latihan tersebut hendaklah dilaksanakan secara efisien dan sistematik agar ianya menjadi satu program yang efektif bagi memantapkan penguasaan pelajar berkaitan ibadat solat merangkumi ilmu teori dan amali. Selain itu, program latihan berkaitan ilmu fardu ain dan berkaitan teknologi kepada para pensyarah juga boleh dilaksanakan bagi melahirkan tenaga mahir dan pakar dalam membimbing pelajar seiring dengan perkembangan teknologi semasa. IPDAS juga perlu mendokong keperluan dana bagi penyediaan alat bahan bantu mengajar yang diperlukan oleh para pensyarah.

Disamping itu, para pensyarah juga disarankan agar proaktif dalam membimbing pelajar untuk melaksanakan solat dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan menggunakan alat bahan bantu mengajar yang bersesuaian sama ada dalam bentuk elektronik, bukan elektronik ataupun berasaskan multimedia. Berdasarkan kajian penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut (Siti Aminah dan Faridah, 2018), Salleh (2007) menyatakan bahawa pelajar lebih tertarik kepada pendekatan

pengajaran yang lebih interaktif dan berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya berpusatkan pada guru semata-mata. Manakala penggunaan elemen multimedia seperti teks, audio, video, animasi, grafik, gambar dan animasi yang interaktif dapat merangsang minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran (Basiron, 2012).

Bagi para pelajar pula, sewajarnya pelajar juga mengambil inisiatif sendiri untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tanpa bergantung sepenuhnya kepada para pensyarah semata-mata. Seiring dengan perkembangan teknologi pada masa kini, pelbagai medium pembelajaran solat boleh digunakan samaada melalui pembacaan, video dalam talian seperti *youtube*, aplikasi mudah alih seperti aplikasi panduan solat melalui operasi sistem android dan sebagainya.

Selain itu, penyelidik juga mencadangkan agar pengkaji seterusnya boleh melaksanakan kajian berkaitan modul latihan atau alat bahan bantu mengajar yang digunakan di IPDAS.

KESIMPULAN

Ibadat solat merupakan perkara yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam dan ianya pastilah tidak boleh dipandang enteng oleh setiap individu yang beragama Islam. Ibadat solat yang dilaksanakan dengan penuh khusyuk dan ikhlas akan melahirkan muslim yang berkualiti dan inilah yang menjadi kekuatan bagi agama Islam. Kesimpulan daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman berkaitan kewajipan solat fardu dalam kalangan pelajar IPDAS Kampus Kudat adalah tinggi. Begitu juga dengan penguasaan rukun qauli pelajar berada pada tahap yang tinggi. Manakala faktor utama yang mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat adalah kerana kesedaran diri sendiri untuk memperbaiki diri dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Selain itu, faktor lain seperti ibu-bapa, guru, rakan-rakan dan masyarakat sekeliling juga memberi kesan dalam mempengaruhi pelajar untuk melaksanakan solat.

RUJUKAN

- Abdul Hakim Mohad, Kasim Mansur dan Ros Aiza Mohd Moktar (2016), "Dakwah di Sabah, Malaysia: Satu Explorasi Awal" *Journal of Islamic Studies in Indonesia and Southeast Asia*, 1 (2), 151-166.
- Hasna Bidin (2016) Pelaksanaan Solat dalam Kalangan Pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor. Disertasi Ijazah Sarjana Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasna Bidin, Ahmad Syukran Baharuddin dan Mohd Ismail Mustari (2015) Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Pelajar Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang. *Sains Humanika*, 5(3), 21-34.
- Hilmi Ismail (2010) Pengamalan Solat Fardhu di Kalangan Mahasiswa di TATI University College (TATiUC), Kemaman Terengganu. Disertasi Sarjana, Universiti Malaya.
- Ismail Kamus dan Mohd Azrul Azlen Ab Hamid (2018) *Indahnya Hidup Bersyariat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.
- Kamus Dewan (1997). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (2005) Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Gunawan Che Ab Aziz (2003) *Solat: Kejayaan Hakiki*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributor.
- Mohd Zainal Abidin Che Mood, Mohd Aminuddin Ab Rahaman, Nurul Huda Mohd Bisri dan Norlela Ali (2015) Amalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar PISMP Semester 3 Ambilan Januari 2012. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*, Vol.32, 27-37.
- Munirah Yahya, Nouraisyah Hussen dan Kamelia Kamel (2018) Pengamalan Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Negeri Sarawak.
- Mustafa Abdul Rahman (2008) *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahannya*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Mustafa Masyhur (1987) *Bekalan di Sepanjang Jalan Dakwah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Mustofa al-Khin, Mustofa al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji (2005) *Kitab Fikah Mazhab Syafie, j1&2*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam
- Noraini Junoh dan Nor Asmira Mat Jusoh (2019) Falsafah Ibadat Solat Berdasarkan Al-Sunnah: Analisis Pandangan Shah Wali Allah Al-Dihwali. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 13(1), 139-154.

Norshahira Kamarzaman dan Siti Nor Lailiyah Ibrahim (2017) Kesedaran Ibadah Solat Fardhu Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Jelebu. Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat. j1. 29-48.

Sarip Abdul (2014) Sumber Pengetahuan Beragama dan Tahap Kefahaman Muallaf di Bahagian Pantai Barat Sabah. Anuar Puteh dan Ahmad Irdha Mokhtar (ed.). Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Suhaimi Abu Hassan, Mohd Azam Yahya dan Ahmad Faqih Ibrahim (2019) Kesan Pelaksanaan Solat Terhadap Akhlak Mukallaf Menurut Al-Quran Dan Al-Hadith. Jurnal 'Ulwan. Jilid 4. 100-115.

Sumaiyah Sulaiman, Rahaila Omar, Mahawa Pilus dan Abd Rashid Zainal (2012) Kefahaman, Pelaksanaan dan Penghayatan Solat Bakal Guru. https://www.academia.edu/34011009/Kefahaman_Pelaksanaan_dan_Penghayatan_Solat_Bakal_Guru

Yazid Maarof dan Mohamad Kamil Ab Majid (2015) Panduan Fiqh Ibadat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

KAJIAN STRES DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH

Mohd Azrulnizam Abdullah¹, Mohd Ikhwan Mohammad Saleh², Noorlina
Saidi@Zali³, Rafidah Rauf⁴, Zaimatul Nadia Anuar⁵

^{1,2,3,4} Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

⁵ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap stres dan punca-punca stres daripada faktor akademik dan peribadi serta kaedah menangani stres dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Kesemua responden kajian adalah seramai 251 orang pelajar daripada tiga program pengajian iaitu pelajar Diploma Dakwah Islamiyyah Semester 1, Sijil Pengajian Islam dan Dakwah Semester 4 dan Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah Semester 1. Pengumpulan data adalah berdasarkan soal selidik yang telah dijawab oleh responden kajian. Kaedah analisis deskriptif yang digunakan ialah skor min dan frekuensi bagi mengenalpasti tahap stres, faktor-faktor penyebab stres dan kaedah menangani stres dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap stres pelajar secara umum adalah sederhana. Faktor akademik merupakan penyebab utama stres dalam kalangan pelajar diikuti oleh faktor peribadi. Manakala, kaedah menangani stres yang biasanya digunakan oleh kebanyakan pelajar adalah dengan cara mendekatkan diri kepada Tuhan dan berfikiran positif.

KATA KUNCI: pelajar, stres

PENGENALAN

Dunia secara global semakin hari semakin meningkat maju dengan pelbagai perkembangan teknologi dan sehingga kini isu stres tidak pernah sunyi daripada kajian di seluruh dunia. Stres ini dialami oleh pelbagai peringkat umur dan masyarakat bermula peringkat remaja hingga ke atas sama ada tahap stres mereka rendah, tinggi atau sederhana. Bila stres rendah, hasil kerjanya juga rendah kerana kurangnya motivasi dan tumpuan kepada kerja. Apabila stres berada di peringkat tinggi, seseorang itu akan mengalami tekanan dan menunjukkan tanda-tanda stres. Stres di peringkat sederhana adalah yang paling baik kerana ia akan meningkatkan motivasi dan perkembangan hidup seseorang itu.

Kajian tentang stres dalam kalangan pelajar telah banyak dilakukan daripada pelbagai peringkat sekolah dan institusi sama ada dalam atau luar negara dan dalam kajian ini, stres dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah diambil perhatian untuk mengenal pasti punca, tahap dan cara menangani masalah stres tersebut. Ini adalah kerana sebahagian pelajar yang mengalami kesukaran menghantar tugas pada masa yang ditetapkan malah tugas tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Selain daripada masalah tugas, terdapat beberapa kurikulum pengajian yang digunakan bagi program Sijil Pengajian Islam dan Dakwah agak tinggi dan ini mungkin memberi kesukaran bagi sebilangan besar pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah yang mempunyai tahap pendidikan yang berbeza sama ada mereka daripada golongan muallaf mahupun muslim pedalaman.

KAJIAN LITERATUR

Simptom stres

Stres akan menyebabkan perubahan pada setiap sistem dalam badan manusia dan akan mempengaruhi perasaan dan tindakan seseorang individu. Sebagai contoh, dapat dilihat pada tanda-tanda seperti jantung yang berdegup laju, berpeluh, nafas yang tersekat-sekat dan mulut yang menjadi kering (Bhatia 2009). Stres yang lebih

teruk akan mengakibatkan perubahan pada pemikiran dan tubuh badan seseorang seperti kemurungan hingga jatuh sakit dan mempengaruhi kualiti kehidupan (VandenBos 2015). Stres juga boleh menyebabkan tekanan darah tinggi, meningkatnya tahap kolesterol dalam badan, sakit perut, loya dan sebagainya (Fatimah Wati Halim dan Wan Shahrazad Wan Sulaiman 2001).

Selain itu, seseorang yang mengalami stres juga akan mengalami pelbagai penyakit seperti gangguan pada saluran pencernaan, asma, sakit kepala dan penyakit kulit. Dia juga akan menjadi seorang yang mudah marah, sering berada dalam keadaan keliru dan sukar untuk menerima kenyataan jika sesuatu perkara berlaku ke atas dirinya. Terdapat juga sesetengah kes yang berakhir dengan kematian (Salye 1993). Tanda-tanda stres menurut Sarjana Islam dapat dilihat dari sudut kegelisahan jiwa atau emosi manusia seperti perasaan gelisah, kecewa, bimbang yang keterlaluan dan takut (Fariza, 2005). Selain itu, keletihan dan ketegangan juga boleh menyebabkan stres. Situasi panik, perasaan gemuruh, kebimbangan dan kemurungan juga merupakan antara gejala-gejala stres yang sering berlaku. Simptom-simptom ini akan menyebabkan hilang daya yang biasa berlaku apabila berlakunya perubahan pada tubuh badan atau fikiran sendiri. Perasaan bimbang yang keterlaluan juga boleh menyebabkan stres (Al- Munajjid , 2006).

Punca stres

Menurut kajian Abd Rahman Yaacob *et.al* (2012) iaitu Punca Stres di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin menunjukkan faktor bagi bebanan tugas mempunyai nilai min yang paling tinggi dan diikuti dengan faktor persekitaran bilik kuliah, faktor jadual waktu pelajar, faktor rakan sebaya dan terakhir sekali faktor penggunaan Bahasa Inggeris. Kajian menunjukkan responden bersetuju dengan faktor-faktor tersebut.

Nurrul Farraheda Abdul Rahman *et. al* (2016) dalam kajiannya terhadap 95 orang pelajar lelaki dan 99 orang pelajar perempuan tahun akhir Kursus Diploma Kejuruteraan Awam di UiTM Cawangan Pahang mendapati faktor utama berlakunya stres dalam kalangan pelajar adalah faktor akademik. Faktor akademik ini merangkumi keseluruhan cara penyampaian, pelaksanaan serta kaedah pengajaran dan pembelajaran. Antaranya adalah masa penghantaran sesuatu

tugasan, masa untuk menyiapkan laporan makmal, bentuk soalan ujian yang berbentuk aplikasi dan bilangan topik yang banyak menyebabkan pelajar mengalami stres.

Kajian yang dijalankan ke atas Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah oleh I'zzatul Fadzilah Adam *et. al* (2020) menyatakan dua faktor utama menjadi faktor penyebab stres dalam kalangan pelajar DGU adalah faktor akademik dan faktor peribadi. Faktor akademik meliputi masalah seringkali menyiapkan tugas dan mengulangkaji pada saat akhir kerana tidak mahir dalam pengurusan masa, selain daripada faktor jadual peperiksaan akhir setiap semester yang padat dan jumlah jam kredit tidak melebihi 18 jam. Manakala faktor peribadi pula, dapatan kajian mendapati ianya bukanlah punca terbesar stres di kalangan pelajar DGU sama ada lelaki atau perempuan. Walaubagaimanapun, punca utama stres tinggi bagi lelaki dan perempuan dari faktor peribadi adalah berpunca daripada kekurangan duit belanja bulanan kerana sikap tidak mahir mengurus kewangan dan berjimat cermat selain daripada tergolong daripada keluarga berpendapatan rendah dan mempunyai ramai tanggungan. Hal ini juga mengakibatkan pelajar tidak mampu membeli komputer untuk menyiapkan tugas yang diberikan dan ianya mengundang stres di kalangan pelajar. Faktor peribadi terendah di kalangan lelaki dan perempuan ialah faktor hubungan responden dengan pensyarah masing-masing.

Berdasarkan kajian lepas, maka jelaslah bahawa bebanan tugas, rakan sebaya, jadual waktu, penggunaan Bahasa Inggeris, persekitaran, masalah kewangan adalah antara punca utama stres di kalangan pelajar. Ini dapat dibuktikan melalui kajian I'zzatul Fadzilah Adam (2020), Nurrul Farraheeda Abdul Rahman (2016) Abd Rahman Yaacob (2012). Walaubagaimanapun, adakah faktor-faktor berkenaan adalah punca sebenar penyebab stres dalam kalangan pelajar atau terdapat faktor lain sebagai punca?

Sebagai seorang pelajar tentunya sering menghadapi pelbagai cabaran dan masalah peribadi yang membebankan diri serta fikiran mereka sehingga boleh

mengakibatkan kemudaratn terhadap mental dan fizikal mereka serta memberi kesan terhadap akademik dan sahsiah seseorang pelajar tersebut. Namun, semua masalah ini boleh ditangani dengan baik dengan menjalinkan hubungan yang baik sesama ibu bapa, keluarga, rakan sebaya serta masyarakat sekeliling yang berfikiran positif selain daripada hubungan seorang hamba dengan penciptanya. Secara tidak langsung keadaan ini dapat mengurangkan stres yang dihadapi. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Mengenalpasti tahap stres dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.
- ii. Menganalisa punca stres yang utama dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah berdasarkan aspek akademik dan peribadi.
- iii. Mengenalpasti kaedah menangani stres yang biasa dilakukan oleh pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah.

METODOLOGI KAJIAN

Populasi dan sampel

Populasi dalam kajian ini merupakan pelajar Semester 1 Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah seramai 84 orang, pelajar Semester 4 Sijil Pengajian Islam dan Dakwah seramai 71 orang dan pelajar Semester 1 Diploma Dakwah Islamiyyah seramai 96 orang. Kesemua jumlah populasi adalah seramai 251 orang. Memandangkan jumlah populasi adalah rendah, borang soal selidik telah diedarkan secara talian kepada keseluruhan populasi melalui medium Google Form dan data yang telah berjaya dikumpulkan dipindahkan ke dalam Microsoft Excel untuk dianalisa.

Instrumen kajian

Kajian ini menggunakan instrumen borang soal selidik untuk mendapatkan data. Soal selidik dibina dengan merujuk kepada kajian terdahulu iaitu Kajian Stres Dalam

Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (EC110) UiTM Cawangan Pahang oleh Noraida, Siti Hawa, Haslin dan Nurul Farraheeda (2016).

Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian soalan iaitu Bahagian A yang merangkumi maklumat responden seperti jantina, umur, daerah asal, semester dan jenis program yang diikuti. Bahagian B pula mengandungi Ujian Saringan DASS21 (*Depression Anxiety Stress Scale 21*) yang akan menentukan tahap stres responden. Seterusnya Bahagian C berkisar mengenai soalan-soalan punca stres yang terbahagi kepada dua faktor iaitu akademik dan peribadi. Manakala Bahagian D mengandungi soalan-soalan mengenai cara menangani stres di kalangan pelajar. Pada Bahagian A pelajar diminta untuk mengisi maklumat di dalam ruang yang disediakan manakala Bahagian B menggunakan skala markah daripada 0 (Tidak Pernah) sehingga 3 (Sangat Kerap). Bahagian C dan D pula menggunakan Skala Likert 1-5. Responden diminta untuk menanda jawapan di setiap soalan berpanduan Skala Likert seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Skala Likert

KENYATAAN	SKALA
Sangat tdak bersetuju	1
Tidak bersetuju	2
Sederhana	3
Bersetuju	4
Sangat bersetuju	5

Dapatan Kajian

Data yang telah dikumpul daripada soal selidik dianalisa menggunakan perisian Microsoft Excel 2019. Analisa secara deskriptif seperti skor min dan peratusan telah digunakan dalam kajian ini.

Demografi responden


Jadual 1 menunjukkan bilangan responden lelaki adalah seramai 109 orang manakala responden perempuan adalah seramai 142 orang.

Jadual 2: Bilangan responden kajian

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	109	43.4
Perempuan	142	56.6

Rajah 1 menunjukkan taburan umur responden iaitu peratusan tertinggi adalah berumur 15 - 20 tahun sebanyak 56%, 21 – 25 tahun sebanyak 39.6%, 25 – 30 tahun sebanyak 3.4%, 35– 40 tahun sebanyak 0.75% dan 31 – 35 tahun dengan peratusan yang terendah iaitu sebanyak 0.4%.


Umur
268 responses



Rajah 1: Taburan umur responden

Manakala Rajah 2 menunjukkan taburan program pengajian yang diambil oleh responden iaitu peratusan tertinggi adalah Diploma Dakwah Islamiyyah seramai 96 orang dengan peratusan 38.2%, diikuti dengan Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah seramai 84 orang dengan peratusan 33.5%, seterusnya Sijil Pengajian Islam dan Dakwah seramai 71 orang dengan peratusan 28.3%.

Program Pengajian
251 responses



Rajah 2: Taburan Program Pengajian Responden

Tahap stres

Ujian Saringan DASS21 (*Depression Anxiety Stress Scale 21*) seperti yang digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia telah digunakan untuk mengukur tahap stres responden secara umum. Terdapat tujuh item yang digunakan untuk menentukan tahap stres responden berpandukan Ujian Saringan DASS21. Jadual 3 menunjukkan skor saringan tahap stres. Skor min keseluruhan responden berada pada tahap normal iaitu 6.7848. Perkara ini menunjukkan bahawa tahap stres pelajar di IPDAS adalah berada pada tahap stres yang normal.

Jadual : 3 Tahap stres dalam Ujian Saringan DASS21

Tahap Stres	Skor
Normal	0 – 7
Ringan	8 - 9
Sederhana	10 - 13
Teruk	14 - 17
Sangat teruk	18 +

Punca-punca stres

Skor min keseluruhan untuk setiap item punca stres dan tahap stres diperolehi dengan menggunakan kaedah deskriptif. Punca stres ini terbahagi kepada dua faktor yang telah dikenalpasti iaitu faktor akademik dan faktor peribadi. Ukuran tahap stres responden adalah berpanduan Jadual 4.

Jadual 4: Ukuran tahap stres

Skor Min	Tahap Stres
1 – 2.39	Rendah
2.40 – 3.79	Sederhana
3.80 – 5.00	Tinggi

Sumber: Diadaptasi daripada Wiersme (1995)

Faktor akademik

Hasil dapatan kajian berdasarkan 11 persoalan faktor akademik, didapati bahawa keseluruhan skor min ialah 2.75. Perolehan skor min ini menunjukkan tahap stres berada pada tahap sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa punca stres disebabkan oleh faktor akademik adalah pada tahap sederhana.

Melalui item yang diukur, faktor akademik yang paling tinggi menyumbang kepada stres adalah disebabkan oleh masalah capaian internet menyukarkan membuat tugas iaitu skor min sebanyak 3.27 (tahap sederhana). Kedua tertinggi adalah disebabkan oleh sering membuat kerja/mengulangkaji pada saat akhir iaitu 3.14 (tahap sederhana). Manakala punca stres paling rendah adalah disebabkan oleh pensyarah tidak memberi maklumbalas hasil penilaian tugas iaitu sebanyak 2.00 (tahap rendah). Punca stres bagi keseluruhan dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Punca stres daripada faktor akademik

Item	Kenyataan	Min	Tahap Stres
1	Jumlah jam kredit yang terlalu banyak	2.76	Sederhana
2.	Tugas yang terlalu sukar	2.82	Sederhana
3	Masa untuk membuat tugas yang terlalu singkat	2.85	Sederhana
4	Soalan ujian/kuiz yang terlalu sukar	2.60	Sederhana
5	Tidak sempat membuat persediaan secukupnya disebabkan terlalu banyak bab/topik yang perlu diulangkaji	3.13	Sederhana
6.	Kaedah pengajaran pensyarah yang sukar difahami	2.42	Sederhana
7.	Sering membuat kerja/mengulangkaji pada saat akhir	3.14	Sederhana
8.	Jadual peperiksaan yang terlalu padat	2.63	Sederhana
9.	Pensyarah tidak memberi maklumbalas hasil penilaian tugas	2.00	Rendah
10	Kesukaran mencari bahan rujukan di perpustakaan	2.62	Sederhana
11	Masalah capaian internet menyukarkan membuat tugas	3.27	Sederhana

Faktor peribadi

Berdasarkan 11 soalan punca-punca stres daripada faktor peribadi mendapati bahawa tahap stres pelajar IPDAS berada pada tahap rendah dengan skor min keseluruhan 2.24. Perkara ini menunjukkan bahawa aspek peribadi bukanlah faktor terbesar punca stres di kalangan pelajar IPDAS. Melalui item yang diukur, faktor peribadi yang paling tinggi menyumbang kepada stres adalah tidak mempunyai komputer/komputer riba menyukarkan membuat tugas iaitu skor min sebanyak 2.96 (tahap sederhana). Kedua tertinggi adalah disebabkan berjauhan dengan keluarga iaitu skor min 2.90 (tahap sederhana). Manakala punca stres paling rendah adalah disebabkan konflik dengan pensyarah iaitu 1.49 (tahap rendah). Punca stres daripada faktor peribadi bagi keseluruhan dapatan kajian ditunjukkan dalam Jadual 5.

Jadual 6: Punca stres daripada faktor peribadi

Item	Kenyataan	Min	Tahap Stres
1	Berjauhan dengan keluarga	2.90	Sederhana
2.	Konflik dengan rakan sekelas/rakan sebilik	2.18	Sederhana
3	Keadaan asrama yang tidak selesa dan jauh	2.09	Sederhana
4	Kekurangan duit belanja bulanan	2.48	Sederhana
5	Tidak mempunyai komputer/computer menyukarkan tugas	2.96	Sederhana
6.	Bebanan aktiviti luar kelas seperti persatuan dan program-program ko-kurikulum	2.39	Sederhana
7.	Penyakit yang dihadapi	1.94	Rendah
8.	Konflik dalaman keluarga	1.88	Rendah
9	Konflik dalaman keluarga	1.69	Rendah
10	Konflik dengan pensyarah	1.49	Rendah
11	Tidak mahir mengurus masa dengan baik	2.67	Sederhana
Skor Min Keseluruhan		2.24	Sederhana

Rumusan punca-punca stres

Terdapat dua faktor punca stres telah dikenal pasti bagi pelajar IPDAS iaitu faktor akademik dan faktor peribadi. Berdasarkan skor min yang diukur, faktor yang paling tinggi menyumbang kepada stres pelajar IPDAS adalah disebabkan oleh faktor akademik diikuti oleh faktor peribadi. Skor min untuk punca stres paling tinggi adalah disebabkan oleh faktor akademik iaitu 2.75 (tahap sederhana) manakala bagi faktor peribadi skor min adalah 2.24 (tahap sederhana). Keseluruhan skor min punca-punca stres boleh dilihat dalam Jadual 7.

Tahap stres ini diukur dengan menggunakan skor sampel untuk keseluruhan soal selidik sebanyak 22 item. Tiga tahap telah ditentukan iaitu tahap stres rendah, sederhana dan tinggi. Walaupun tahap stres untuk kedua-dua faktor adalah berada pada tahap yang sama iaitu sederhana, namun demikian terdapat perbezaan dari segi skor min yang telah dianalisis. Keadaan ini dipercayai berlaku kerana latar belakang responden yang berbeza dari segi kursus yang diambil iaitu Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah, Sijil Pengajian Islam dan Diploma Dakwah Islamiyyah. Di samping itu, lokasi kampus pengajian yang berbeza iaitu IPDAS Keningau dan IPDAS Kampus Kudat juga turut mempengaruhi perbezaan skor min yang telah dianalisis.

Jadual 7: Keseluruhan skor min punca-punca stres

Item	Kenyataan	Min	Tahap Stres
1.	Faktor Akademik	2.75	Sederhana
2.	Faktor Peribadi	2.24	Sederhana
Keseluruhan		2.50	Sederhana

Kaedah menangani stres

Pelbagai cara atau kaedah telah digunakan oleh responden untuk menangani stres dalam diri mereka. Dalam kajian ini sebanyak 11 kaedah menangani stres telah dikenalpasti dan diaplikasikan oleh responden seperti dalam Jadual 8. Hasil analisis data menunjukkan bahawa kaedah mendekatkan diri dengan Tuhan paling kerap digunakan oleh sampel dalam menangani stres dengan skor min yang paling tinggi iaitu 4.64 (tahap tinggi). Responden percaya bahawa dengan cara mendekatkan diri kepada Tuhan iaitu dengan berdoa, mendirikan solat, berzikir, membaca al-Quran dan menunaikan ibadah serta kewajipan lain boleh membantu mereka menangani stres. Hal ini disokong oleh kajian yang dibuat oleh Noraida, Siti Hawa, Haslin dan Nurul Farraheeda (2016) yang menyatakan bahawa dengan cara mendekatkan diri kepada Tuhan iaitu dengan cara solat, berdoa, berzikir dan membaca al-Quran memohon pertolongan dari-Nya boleh mengubat emosi yang tertekan dan gelisah.

Manakala berfikiran positif merupakan kaedah kedua yang selalu digunakan oleh sampel dalam menangani stres iaitu skor min 4.11 (tahap tinggi). Kaedah ketiga tertinggi pula adalah beriadah iaitu skor min sebanyak 3.91 (tahap tinggi). Mengurus masa dengan baik mendapat skor min sebanyak 3.80, mendapatkan nasihat dan pandangan kaunselor/pensyarah (3.72), berkongsi masalah dengan keluarga (3.57) dan berkongsi masalah dengan rakan sebaya (3.40). Manakala kaedah tidur dengan skor min sebanyak 3.32, melepaskan perasaan secara lisan seperti menjerit, menangis, menyanyi (3.02) dan kaedah yang kurang digunakan oleh sampel untuk menangani stres adalah makan dengan banyak dengan memperolehi skor min sebanyak 2.92.

Jadual 8: Langkah-langkah menangani stress

Item	Kenyataan	Min	Tahap Stres
1	Tidur	3.32	Sederhana
2.	Makan dengan banyak	2.92	Sederhana
3	Mendekatkan diri dengan Tuhan	4.64	Tinggi
4	Aktiviti membeli belah	2.94	Sederhana
5	Melepaskan perasaan secara lisan seperti menjerit, menangis, menyanyi	3.02	Sederhana
6.	Beriadah	3.91	Tinggi
7.	Beriadah	4.11	Tinggi
8.	Berkongsi masalah dengan rakan sebaya	3.40	Sederhana
9	Berkongsi masalah dengan keluarga	3.57	Sederhana
10	Mendapatkan nasihat dan pandangan kaunselor/pensyarah	3.72	Sederhana
11	Mengurus masa dengan baik	3.80	Tinggi
Skor Min Keseluruhan		2.24	Sederhana

IMPLIKASI DAN CADANGAN

Berdasarkan kajian Azimin 2019, beliau berkata peringkat universiti boleh menjadi sangat mencabar bagi pelajar jika tidak dapat menangani tekanan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian pihak institut diharap dapat menyediakan pelbagai program atau kursus latihan bagi memperkasa kemahiran PdP pensyarah dan meningkatkan profesionalisme dalam kalangan pensyarah. Di Samping itu institusi diharapkan dapat menyediakan kemudahan dan fasiliti yang lengkap serta suasana yang lebih kondusif agar pelaksanaan PdP berjalan lancar. Penambahbaikan ini diharap dapat memberi impak positif kepada pelajar dalam mengurangkan stres pelajar malah mampu menambah minat pelajar untuk melibatkan diri dalam setiap aktiviti PdP yang disediakan.

Bagi pihak Pusat Kecemerlangan Pembangunan Mahasiswa (PKPM) IPDAS, dicadangkan untuk memperbanyakkan program rohani dan jasmani agar ianya selaras dengan pembangunan luaran dan dalaman pelajar. Program-program motivasi perlu diperkemaskan lagi dan dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT). PKPM perlu menyelaraskan program yang membolehkan setiap orang daripada pelajar itu mengambil bahagian. Ini diharapkan dapat menjauhkan pelajar daripada bersendirian dan akan bersifat lebih aktif serta produktif. Selain daripada penambahbaikan dari sudut profesionalisme pensyarah dan aktiviti pelajar, pihak institut juga boleh mencipta satu aplikasi khusus untuk memudahkan kekerapan sesi kaunseling bersama pelajar secara berkelompok atau berseorangan dipergiat dengan lebih mudah dan sistematik.

LIMITASI KAJIAN

Oleh kerana instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik, maka dapatan kajian ini bergantung kepada kejujuran responden kajian terhadap soalan yang diberikan. Hasil kajian ini bergantung kepada maklum balas yang diberikan oleh responden kajian yang boleh dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti emosi, personal, persekitaran dan psikologi. Perlu difahami juga bahawa tidak semua responden kajian yang terpilih ingin memberikan kerjasama dalam kajian ini. Ini kerana responden kajian kadangkala memberikan alasan seperti tidak mahu diganggu, capaian internet yang lembab, kurang memahami soalan dan takut untuk memberikan pandangan.

Responden kajian ini hanya terhad kepada pelajar Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah Semester 1, Sijil Pengajian Islam dan Dakwah Semester 4 dan Diploma Dakwah Islamiyyah Semester Satu di kampus Keningau dan Kudat, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah. Dicadangkan bagi kajian pada masa hadapan untuk mengambil data berkaitan isu stres dalam kalangan

mahasiswa IPT daripada sumber-sumber lain seperti pensyarah dan rakan sebaya.

KESIMPULAN

Dapatan kajian menunjukkan faktor akademik dan faktor peribadi telah menyumbang tahap stres kepada responden. Walau bagaimana pun kedua-duanya menunjukkan tahap stres pelajar berada pada kadar sederhana. Faktor akademik dari item capaian internet menyukarkan membuat tugas merupakan item pilihan majoriti responden yang mempersetujui bahawa ianya menyebabkan stres dalam kalangan pelajar. Secara keseluruhan, hasil dapatan menunjukkan item tidak sempat membuat persediaan yang secukupnya kerana terlalu banyak topik yang perlu diulangkaji dan item sering membuat kerja saat akhir merupakan penyebab utama stres kepada pelajar dari segi faktor akademik. Hasil dapatan yang diperolehi adalah selari dengan dapatan oleh Izzatul dan Nurul Azuwa (2020).

Manakala faktor yang menyebabkan stres dari segi faktor peribadi menunjukkan tahap stres yang dialami adalah sederhana dan bukan menjadi faktor utama yang menyebabkan stres dalam kalangan pelajar. Keseluruhannya, faktor peribadi tidak mendatangkan stres yang tinggi kepada pelajar berbanding faktor akademik. Sementara itu, dapatan hasil kajian yang diperolehi daripada kedua-dua faktor yang menyebabkan stres dalam kalangan pelajar telah menunjukkan stres yang dialami adalah berada pada tahap yang sederhana. Faktor akademik menunjukkan tahap pentafsiran yang tinggi berbanding dengan faktor peribadi. Konklusi yang diperolehi hasil daripada analisis ini ialah tahap stres yang dialami dari segi faktor akademik adalah tinggi dalam kalangan pelajar di IPDAS. Walaupun begitu terdapat perbezaan dari segi skor min yang telah dianalisis. Keadaan ini dipercayai berlaku kerana

latar belakang responden yang berbeza dari segi kursus yang diambil iaitu Sijil Asas Pengajian Islam dan Dakwah, Sijil Pengajian Islam dan Diploma Dakwah Islamiyyah.

Di samping itu, lokasi kampus pengajian yang berbeza iaitu IPDAS Keningau dan IPDAS Kampus Kudat juga turut mempengaruhi perbezaan skor min yang telah dianalisis. Sungguhpun begitu, stres merupakan satu lumrah yang terpaksa dilalui dalam kehidupan dalam dunia pembelajaran. Namun, stres yang dialami dapat membangkitkan semangat juang yang tinggi dalam diri pelajar bagi mencapai matlamat yang telah ditetapkan.

RUJUKAN

- Abd. Rahman Yaacob, Ros Aini Ibrahim, Majdi @ Abd Hadi Ishak & Rashdan Rashid. (2012).
- Punca Stres di Kalangan Pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. PTSS Digest.
- Ali, R. M. (2011). Faktor-Faktor Yang Mendorong Tekanan Kerja. 10. Retrieved from http://library.oum.edu.my/repository/666/1/faktor_raja_maria.pdf.
- Al-Munajjid, S. M. S. (2006). Dealing with Worries and Stress. Retrieved from www.islam-qa.com/index.php.
- Bhatia, M. S. (2009). Dictionary of Psychology and Allied Sciences. New Delhi: New Age International (P) Limited Publishers.
- Fariza Md Sham. (2005). Tekanan Emosi Remaja. Jurnal Islamiyyat 27(1): 3-24. Retrieved from https://www.academia.edu/613357/Tekanan_emosiremajalIslam.
- Ferlis, B.B, Balan Rathakrishnan dan Rosnah Ismail. (2009). Sumber Stres, Strategi Daya Tindak dan Stres Yang Dialami Pelajar Universiti. *Jurnal Kemanusiaan, Bil.13*. 46-62.

- I'zzatul Fadzilah Adam, Nurul Azuwa dan Norhayati. (2020, Februari). Analisis Faktor Penyebab Stres Dalam Kalangan Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, *Jurnal Dunia Pendidikan, Vol 1* (No 3), 13-22.
- Nur Izzah. (2020). Pengurusan Konflik dan Stres. Retrieved from <https://pt.slideshare.net/NGGIRL/pengurusan-konflik-stres/2>.
- Rozlina Razali. (2020). Konsep Stres. Retrieved from <https://roslinarazali.wordpress.com/konsep-stress/>.
- Mastura Mahfar, Fadilah Zaini, Nor Akmar Nordin. (2007). Analisis Faktor Penyebab Stres Di Kalangan Pelajar. *Jurnal Kemanusiaan, Bil 9*, 62-72.
- Mohamad Zaid Mustafa, Ali Suradin, Siti Sarah Muhammad, Ahmad Rizal Madar dan Abdul Rashid Razzaq. (2009). Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Wanita Program Sarjana Muda Kejuruteraan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). *International Conference on Teaching and Learning in Higher Education 2009, 23-25 November 2009*.
- Noraida Mohd Saim, Siti Hawa Rosli, Haslin Idayu Amaruddin dan Nurul Farraheeda Abdul Rahman. (2016). Kajian Stres Dalam Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Awam (EC110) UiTM Cawangan Pahang. *Konferensi Akademik (KONAKA) UiTM Pahang 2016, 56*, 366-367.
- Salys, H. (1993). History of Stress Concept. In. Goldberger & Breznitz (ed.). *Handbook of Stress: Theoretical and Clinical Aspects*. New York: The Free Press, A Division of Macmillan
- Shamsaadal Sholeh, Wan Zaimah, Zahrul Akmal, Harlina Halim, Hussain Othman, dan Khairul Azman. (2017). Pengurusan Stres Dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Pendayaupayaan Bahasa, Agama dan Transformasi Masyarakat*, 135-147.
- Wiersma, W. (1995). "Research Methods in Education: An Introduction." 6th Ed. Needham Heights, MA: Allyn and Baco

GEJALA PONTENG PROGRAM PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH : SATU KAJIAN TINDAKAN

Jundia binti Ali¹, Mohd Shalahudin bin Ismail², Jamal Adli bin Ahmad Shukri³,
Nur Aziera binti Nahar⁴, Muammar Hamidin bin Ridwan⁵

^{1,2,3,4}Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Keningau

⁵ Institut Pengajian Islam Dan Dakwah Sabah, Kampus Kudat

ABSTRAK

Kajian Tindakan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti gejala ponteng kelas dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS). Kajian ini bertujuan mengenal pasti pandangan pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas, meninjau kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar ponteng dan tahap motivasi pelajar sebelum dan selepas intervensi dilaksanakan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Instrumen direkabentuk dengan mengadaptasi alat kajian daripada kajian-kajian terdahulu seperti Inventori Personaliti Sidek. Tempoh kajian ini bermula dari awal bulan Julai sehingga September 2020. Hasil kajian ini mendapati faktor utama masalah ponteng kelas dalam kalangan pelajar IPDAS adalah disebabkan sikap pelajar, faktor institusi dan faktor pensyarah. Setelah intervensi dilaksanakan, kesan positif terhadap tingkah laku dan motivasi pelajar dilaporkan. Dapatan kajian menunjukkan perlunya langkah proaktif diambil oleh pensyarah dan institusi bagi menangani masalah ponteng. Penglibatan kaunselor dalam penyaluran maklumat perlu dititikberatkan untuk memastikan penularan gejala ponteng dalam kalangan pelajar dapat dibendung.

KATA KUNCI: ponteng, ipdas, intervensi

PENGENALAN

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) merupakan sebuah Institut Pengajian Tinggi di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. IPDAS bertapak di Sabah sejak 1 Januari 1984 dan kini IPDAS sudah mencapai 36 tahun beroperasi dalam bidang Pengajian Islam dan Dakwah. Setelah IPDAS mencapai pengiktirafan akreditasi *Malaysian Qualification Agency* (MQA), peranan IPDAS menjadi sangat penting dalam landskap pendidikan dan dakwah di negeri Sabah. Hala tuju IPDAS juga lebih mencabar dalam menempuh era globalisasi. Serentak dengan itu, IPDAS melangkah setapak ke hadapan untuk menaik taraf pengajian ke peringkat lebih tinggi seiring dengan keperluan semasa dengan memperkenalkan program baharu iaitu Diploma Dakwah Islamiyyah. Bagi mengekalkan peranan IPDAS sebagai peneraju Pendidikan Tinggi Islam yang bersepadu di Sabah, maka satu kajian khas telah dibentuk untuk melihat gejala ponteng kelas dalam kalangan pelajar-pelajar IPDAS.

Laporan daripada Seksyen Pengurusan Akademik IPDAS sesi Julai-November 2019 telah menyatakan seramai 7 orang pelajar iaitu mewakili 10.01% daripada jumlah keseluruhan telah dikenakan tindakan dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir disebabkan kehadiran ke kuliah tidak mencapai sekurang-kurangnya 85%. Dalam Buku Peraturan Akademik IPDAS telah menyatakan bahawa pelajar yang tidak mencapai 85% kehadiran akan dihalang menduduki peperiksaan akhir dan diberi gred F dengan nilai mata 0.00 bagi kursus berkenaan serta dianggap telah menduduki kursus berkenaan dan gagal satu kali.

Gejala ponteng kelas merupakan salah satu masalah serius yang berlaku di IPDAS. Pelbagai alasan diberikan oleh pelajar yang terlibat dengan gejala ponteng kelas ini. Secara hakikatnya, alasan-alasan ini telah terbukti

memberikan kesan negatif terhadap kehadiran mereka ke kelas seterusnya mengganggu peratusan kelayakan untuk menduduki peperiksaan akhir semester. Antara alasan pelajar yang terlibat dengan masalah ponteng kelas ini ialah sakit mata, demam, ibu jari bengkak dan bernanah, rindu dengan ibubapa, terlewat bangun, menghadiri majlis perkahwinan keluarga, masalah kesihatan, tidak siap tugas dan sebagainya. Walaupun tindakan atau nasihat telah diberikan kepada individu-individu ini, namun gejala ini semakin berleluasa dan memberi kesan negatif kepada prestasi akademik mereka.

Dalam konteks di IPDAS, pelajar-pelajar yang mempunyai masalah ketidakhadiran ke kelas dapat dilihat berdasarkan laporan daripada pensyarah. Pelajar yang tidak hadir ke kelas dengan kehadiran kurang 85% akan dirujuk ke Unit Bimbingan dan Kaunseling untuk mendapatkan intervensi yang bersesuaian. Antara intervensi yang digunakan oleh kaunselor adalah seperti kaunseling individu, kaunseling berkelompok dan program pembangunan bakat dan motivasi yang bertujuan untuk memulih dan mencegah masalah ponteng melalui pembinaan jati diri para pelajar tersebut.

Bagi memastikan pelajar-pelajar IPDAS menjadi seorang insan beriman, berakhlak, bertakwa seiring ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan sunnah, maka penyelidik bersetuju kajian tindakan wajar dilakukan bagi mencari penyelesaian berkaitan gejala ponteng kelas dalam kalangan pelajar-pelajar IPDAS.

SOROTAN LITERATUR

Gejala ponteng di Malaysia dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu ponteng sekolah dan ponteng kelas. Ponteng sekolah ditakrifkan sebagai tidak hadir ke sekolah tanpa kebenaran daripada pengetua atau guru besar. Jenis ponteng

sekolah dalam kajian ini diukur berdasarkan rekod rasmi kehadiran pelajar di sekolah mengikut arahan KPM (1994), iaitu panduan bagi mengatasi masalah. Menurut panduan ini, ponteng sekolah merujuk kepada surat amaran yang dikeluarkan oleh pihak sekolah kepada ibubapa atau penjaga melalui surat amaran pertama, kedua dan ketiga. Pemberian surat amaran pertama dikeluarkan apabila pelajar ponteng sekolah antara 3 hingga 10 hari secara berkala. Pemberian surat amaran kedua berdasarkan bilangan hari pelajar ponteng sekolah secara berkala dari 11 hingga 20 hari, manakala pemberian surat amaran ketiga ialah pelajar ponteng sekolah secara berkala lebih daripada 20 hari. Manakala ponteng kelas pula ditakrifkan sebagai perbuatan keluar atau tidak berada di dalam kelas tanpa kebenaran daripada guru (KPM, 1994).

Gejala ponteng sekolah merupakan tingkah laku anti sosial yang dilakukan oleh pelajar kerana tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa (Fortin, 2003). Menurut Rasyidah (2005) berpendapat gejala ponteng sekolah boleh diklasifikasikan sebagai ketidakhadiran pelajar ke sekolah dengan sengaja tanpa sebarang alasan yang munasabah.

Hunt dan Hopko (2009) dan Muhammed Sharif dan Suria (2012) menyatakan faktor diri pelajar mempunyai hubungan dengan gejala ponteng sekolah. Kajian ini dijalankan terhadap 367 orang pelajar sekolah menengah luar bandar di selatan Appalachian. Simptom seperti mengalami kerisauan, tekanan dan mempunyai masalah pembelajaran merupakan antara punca mereka ponteng sekolah. Arsaythamby dan Ng Chooi (2014) mendapati bahawa faktor penentu utama ponteng sekolah adalah diri pelajar, diikuti dengan faktor sekolah, keluarga dan rakan sebaya. Hallinan (2008) dan Malcolm et al. (2003) mendapati faktor guru juga mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah.

Kajian Gabb (1994) menyatakan sekolah sebagai faktor penolak pelajar dari sekolah. Masalah peraturan sekolah yang kurang konsisten dan penguatkuasaan yang lemah menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Kajian Enomoto (1997) mendapati pelajar di peringkat tinggi lebih mudah menyedari tentang kelonggaran penguatkuasaan peraturan institusi berbanding pelajar di peringkat rendah yang mana menyebabkan mereka lebih kerap untuk melakukan perbuatan ponteng sekolah. Dalam kajian Muhammed Sharif dan Suria (2012) menyatakan sikap guru merupakan faktor penting dalam ponteng sekolah. Manakala Abdul Razak (1993) mendapati bahawa minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran bergantung kepada cara pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. Kenyataan ini disokong oleh Fennemma (1988) dalam kajian beliau yang mendapati bahawa guru adalah pengaruh utama terhadap pembelajaran pelajar. Ng (2005) dalam kajiannya mendapati bahawa pengajaran guru yang membosankan juga merupakan antara faktor yang menyebabkan berlakunya ponteng sekolah. Kajian Smink dan Reimer (2005) menunjukkan bahawa mata pelajaran yang kurang memberangsangkan pengajarannya, kerja sekolah yang tidak mencabar dan hubungan yang tidak mesra antara guru dan pelajar merupakan faktor yang berkait rapat dengan jumlah kehadiran.

Kajian di luar negara banyak melihat kesan intervensi ke atas kadar perlakuan murid yang terlibat dalam salah laku. McNamara (2002) dalam kajiannya yang melibatkan seorang murid yang dirujuk kerana telah beberapa kali melakukan kesalahan disiplin mendapati bahawa Pendekatan Kognitif adalah berkesan bagi mengurangkan intensiti dan kekerapan terlibat dalam salah laku.

Banyak kajian telah dilaksanakan untuk mengenal pasti keberkesanan intervensi yang diberikan secara berkelompok untuk membantu murid sekolah atau klien mengurangkan tingkah laku bermasalah dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Antaranya, kajian eksperimen kuasi Ramsay, Ramsay dan Main (2007)

yang membandingkan kesan kaunseling berkelompok dengan kesan kaunseling individu ke atas kualiti kehidupan.

Animasahun (2009) menyatakan bahawa motivasi pelajar juga mempunyai hubungan dengan ponteng sekolah. Motivasi pelajar untuk hadir sekolah adalah rendah apabila guru tidak mepedulikan ketidakhadiran mereka. Kajian beliau menyatakan peraturan sekolah yang lebih ketat terhadap kehadiran pelajar dapat mengurangkan kadar ponteng sekolah. Mohd Amin (1998) menyatakan pelajar yang ponteng adalah mereka yang mempunyai pendirian yang lemah. Lemahnya pendirian seseorang akan menyebabkan seseorang itu mudah dipengaruhi oleh orang lain. Pada usia yang sebegini, pelajar dalam proses ingin mencari identiti diri maka mereka lebih cenderung mencuba sesuatu yang baru tanpa berfikir panjang. Positif atau negatif kelakuan seseorang pelajar banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya.

Bagi melihat tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar ini, satu program khas telah dibentuk dan dilaksanakan ke atas kelompok sasaran. Antara program yang dijalankan adalah Program Kemerdekaan, Program Dekat di Hati Anak Malaysia dan sebagainya. Motivasi merupakan suatu perangsang yang mampu membangkitkan dan mengekalkan minat seseorang individu ke arah sesuatu matlamat tertentu, termasuk sikap, minat dan tingkah lakunya. Ia biasanya diwujudkan kerana keperluan fisiologi atau psikologi yang timbul. Kajian oleh Sharififah Alwiah Alsagoff (1986) menghuraikan motivasi sebagai perangsang tindakan terhadap sesuatu tujuan yang dahulunya hanya sedikit .

PERNYATAAN MASALAH

Seksyen Pengurusan Akademik IPDAS telah mengeluarkan satu laporan berkaitan purata peratusan kehadiran pelajar yang tidak hadir ke kelas. Pelajar yang tidak hadir bagi sesi pengajian Julai sehingga November 2019 ialah sebanyak 78.57%. Peratus ketidakhadiran pelajar ke kelas ini meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan yang ketara ini sudah pasti memberikan kesan negatif kepada semua pihak sama ada mereka yang berada dalam sistem pentadbiran mahupun pelaksanaan IPDAS. Kebimbangan terhadap gejala ponteng ini jelas dilihat apabila pihak pengurusan Cawangan Akademik IPDAS diwajibkan untuk menyediakan laporan prestasi akademik kepada ahli-ahli lembaga yang terdiri daripada wakil-wakil jabatan agama di Sabah seperti Pengarah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Sabah (JHEAINS), Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS), ahli akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan badan-badan dakwah yang lain. Kegagalan dalam menyelesaikan isu ini bukan sahaja memberi kesan negatif terhadap pentadbiran IPDAS bahkan pandangan negatif masyarakat terhadap instituti ini.

Sehubungan dengan itu, demi menangani gejala ini daripada berleluasa, IPDAS telah menyediakan pelbagai aktiviti, program, intervensi dan seumpamanya kepada semua pelajar. Program-program dan aktiviti-aktiviti yang direncanakan dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu program dilaksanakan di dalam kampus dan program yang dilaksanakan di luar kampus. Laporan Statistik Kerja Tahunan (SKT) 2019 daripada Cawangan Kualiti IPDAS menunjukkan bahawa 274 program daripada 298 program yang dirancang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun 2019 yang mewakili 91.9%. Ini menunjukkan keseriusan IPDAS untuk memberikan pendidikan yang terbaik kepada semua pelajar.

Selain itu, IPDAS melalui Seksyen Bimbingan dan Psikologi berusaha melakukan pelbagai intervensi kepada pelajar-pelajar bermasalah. Laporan pelajar tersebut akan diserahkan kepada Timbalan Pengarah Akademik, IPDAS untuk mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas ini berlaku dan kesan intervensi ke atas kelompok sasaran. Selain itu, Seksyen Pembangunan Kemahiran Insaniah, Unit Pusat Islam turut membantu meningkatkan kemahiran yang sedia ada sebagai salah satu usaha menyuburkan psikospiritual dan motivasi kepada kelompok sasaran. Walau bagaimanapun, isu ponteng ini masih berlaku kerana pelajar kurang berminat menyertai aktiviti-aktiviti dan program-program yang dianjurkan oleh mana-mana seksyen di IPDAS. Akhirnya, pelajar bermasalah ini boleh mempengaruhi individu lain untuk ponteng kelas.

Selain itu, ketidakhadiran ini sering berlaku pada sesi pagi iaitu masa pertama sesi kuliah dan pada mata pelajaran tertentu. Antara faktor yang menyumbang kepada perkara ini adalah sikap individu, pengaruh rakan sebaya dan kurang berminat dengan cara pengajaran guru. Sehubungan dengan itu, kelompok sasaran ini telah diberikan intervensi demi mengatasi faktor-faktor tersebut namun para pelajar ini tidak menghabiskan sesi kaunseling mereka dengan memberikan pelbagai alasan seolah-olah mereka risau dan takut masalah lain akan dikenal pasti. Lantaran itu, berdasarkan kajian awal dan saranan Suradi Salim (2001), kajian ini dijalankan untuk melihat kesan Intervensi Psikopendidikan terhadap tingkah laku murid yang dirujuk kepada guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Justeru itu, kajian ini wajar dilakukan kerana ia juga memberikan kesan ke atas motivasi pelajar khususnya kelompok sasaran.

OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan permasalahan yang telah dikemukakan dan sorotan literatur, maka objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Untuk mengenal pasti pandangan pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas
- ii. Untuk meninjau kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar-pelajar ponteng kelas
- iii. Untuk meninjau tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan menjawab soalan yang berkaitan dengan gejala ponteng kelas dalam kalangan pelajar-pelajar IPDAS. Secara spesifiknya soalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Apakah pandangan pelajar-pelajar IPDAS berkaitan faktor-faktor terjadinya gejala ponteng kelas ini ?
- ii. Apakah kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar-pelajar ponteng kelas ?
- iii. Apakah tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas ?

KEPENTINGAN KAJIAN

Persoalan tentang salah laku ponteng kelas telah lama dan banyak diperkatakan oleh pelbagai pihak sama ada institusi pendidikan, ibubapa pelajar, anggota masyarakat, ahli akademik dan sebagainya dalam platform tertentu seperti mesyuarat, seminar, bengkel dan sebagainya. Justeru itu, hasil kajian ini dapat

mendedahkan kepada pelbagai pihak khususnya IPDAS punca masalah ponteng dalam kalangan pelajar.

Selain itu, dapatan kajian ini penting kepada pihak IPDAS khususnya para pensyarah bagi memahami dan menilai faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ponteng dalam kalangan pelajar di samping mencari alternatif dan memikirkan langkah-langkah bagi mengatasi masalah ini. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai indikator berkaitan program bersesuaian yang boleh dianjurkan oleh pihak pentadbiran IPDAS bagi menangani masalah ponteng ini.

Kejayaan dalam mencari jalan penyelesaian kepada gejala ponteng ini dapat memenuhi hasrat pensyarah, institusi, ibu bapa, anggota masyarakat serta negara untuk menghasilkan generasi unggul akan tercapai. Ini selaras dengan saranan kerajaan untuk mewujudkan masyarakat bermoral, beretika serta kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan yang didokong nilai etika yang tinggi.

Menerusi hasil kajian ini diharapkan akan dapat membantu kaunselor menangani pelajar dirujuk dengan lebih berkesan dan selanjutnya dapat meningkatkan profesion kaunseling. Dengan adanya kaedah yang disarankan dalam kajian ini, sesuatu masalah dapat diatasi kerana sebahagian besar daripada murid yang dihantar untuk berjumpa dengan kaunselor ialah pelajar yang dirujuk. Oleh itu, dengan menggunakan kaedah yang dicadangkan lebih banyak pelajar yang tidak berdisiplin dapat diubah daripada berpandangan negatif kepada cara berfikir positif.

Kesan intervensi ini juga dilihat dapat merealisasikan visi dan misi IPDAS yang ingin menjadikan pelajar-pelajarnya sebagai individu yang aktif dari segi jasmani,

emosi, rohani, dan intelek supaya transformasi pendidikan yang dihasratkan dapat direalisasikan.

Kajian ini juga dilakukan bagi menyahut saranan pengkaji-pengkaji lain yang melihat pentingnya menilai kesan sesuatu model atau strategi untuk disandarkan oleh kaunselor apabila menghadapi murid yang dirujuk (James Yeow, 2005; Paradise & Wilder, 1979; Ritchie, 1986; Suradi Salim, 2001; Vriend dan Dyer, 1973). Menurut Mohd. Tajudin Ninggal (2004), sistem latihan kaunselor yang dilaksanakan sewajarnya dapat menyediakan bakal kaunselor yang lebih berilmu dan berkompentensi selaras dengan perkembangan dan kehendak semasa masyarakat. Dengan memasukkan Intervensi Psikopendidikan ke dalam silibus latihan kaunselor, kaunselor akan lebih bersedia untuk menangani murid yang terlibat dalam masalah disiplin di sekolah apabila mereka dirujuk kepadanya.

DEFINISI ISTILAH

Sebanyak empat istilah utama digunakan dalam kajian ini, iaitu ponteng kelas, pelajar-pelajar IPDAS, intervensi dan motivasi. Istilah yang digunakan dalam kajian ini dijelaskan pengertiannya dari segi istilah (definisi konsep) mahupun dalam konteks kajian (definisi operasi).

Ponteng kelas

Ponteng kelas merupakan satu perbuatan salah laku dan melanggar peraturan sekolah. Ini bermaksud seseorang pelajar dianggap ponteng sekiranya tidak hadir ke kelas tanpa sebab-sebab yang dibenarkan pada hari persekolahan. Oleh yang demikian, ponteng kelas merupakan istilah yang digunakan bagi merujuk kepada kegagalan menghadiri kelas di sekolah secara sengaja tanpa alasan yang munasabah.

Menurut Abdullah Sani Yahaya (2005) menjelaskan bahawa gejala ponteng kelas ini adalah merujuk kepada tindakan seorang pelajar yang tidak mengikuti sesuatu pelajaran pada waktu sepatutnya pelajar itu wajib mengikutinya di dalam bilik darjah.

Intervensi

Dalam dunia pendidikan, intervensi Psikopendidikan sering digunakan. Ini bermaksud intervensi yang diberikan berkaitan dengan aspek psikologi dalam pendidikan khususnya digunakan untuk mendidik atau membimbing pelajar yang mempunyai masalah tingkah laku atau masalah pembelajaran. Aspek utama yang ditekankan dalam Psikopendidikan ialah intervensi atau rawatan dalam bentuk pendidikan. Pendidikan yang dimaksudkan di sini meliputi perkongsian maklumat supaya pelajar-pelajar tersebut dapat mengendalikan kehidupan mereka dengan lebih baik. Matlamat Psikopendidikan ini diberikan untuk meningkatkan aspek psikologi pelajar seperti motivasi dan kesedaran diri. Oleh itu, segala aktiviti yang dirancang perlulah diselitkan elemen maklumat berkaitan supaya dapat meningkatkan kesedaran dan motivasi diri pelajar-pelajar berkenaan.

Corey, Corey dan Corey (2010) pula meletakkan Psikopendidikan sebagai satu intervensi yang banyak digunakan untuk kumpulan yang spesifik dalam jangka masa yang singkat serta mempunyai tema tertentu agar perkongsian maklumat dapat digunakan untuk meningkatkan kesedaran dan perkembangan sendiri seseorang. Penggunaan Intervensi Psikopendidikan dikhususkan untuk menangani masalah disiplin dan juga membantu perkembangan diri murid dalam bilik darjah (Knoff, 1987), dalam kumpulan bimbingan kelompok (Aasheim & Niemann, 2006; Corey dan Corey, 2007; Gladding, 1995) dan juga dalam bimbingan yang diberikan secara individu (Gehart, 2013).

Dalam kajian ini, intervensi secara individu dilakukan melalui penglibatan secara peribadi antara pelajar dengan kaunselor. Ketika sesi ini, kaunselor mengenal pasti faktor-faktor kelemahan murid dalam berhadapan sesuatu masalah. Intervensi secara kelompok ialah intervensi yang dilakukan secara beramai-ramai. Intervensi tidak hanya menjurus kepada akademik sahaja namun turut menjurus kepada sikap dan sahsiah pelajar itu sendiri.

Motivasi

Kajian oleh H.W. Bernard dalam bukunya *Psychology of Learning* (1965) menyatakan motivasi ialah proses membangkitkan, mengekalkan dan mengawal minat. Crow dan Crow (1981) menghuraikan motivasi sebagai sesuatu desakan yang menjadikan manusia mengubah sikap, minat atau kegiatannya. Sebahagian ahli psikologi mengklasifikasikan motivasi kepada motivasi fisiologi iaitu keperluan asas manusia seperti makanan, minuman, seks dan sebagainya. Sebahagian ahli psikologi yang lain pula membahagikan motivasi kepada dua jenis iaitu motivasi asas yang bersifat semula jadi dan motivasi yang dibentuk daripada pembelajaran.

Motivasi intrinsik adalah diwujudkan secara semula jadi melalui rangsangan dalaman. Ianya lahir daripada dorongan dan minat seseorang individu untuk melakukan sesuatu aktiviti tanpa sebarang ganjaran. Kajian oleh Burner (1966) mengaitkan motivasi intrinsik ini dengan naluri ingin tahu dan dorongan mencapai kemerdekaan. Motivasi ekstrinsik diwujudkan daripada rangsangan luaran dengan tujuan menggerakkan orang untuk melakukan sesuatu aktiviti yang akan membawa faedah kepadanya. Motivasi ekstrinsik ini boleh dirangsang melalui peneguhan positif seperti pujian, insentif, hadiah, gred dan pewujudan suasana pembelajaran kondusif yang mampu mendorong keinginan mereka untuk belajar.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian

Berdasarkan kajian ini, penulis telah menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan ketepatan hasil kajian. Dalam hal ini, penulis telah menyediakan satu set soal selidik yang mengandungi empat bahagian utama. Bahagian pertama berkaitan dengan maklumat pelajar. Bahagian kedua berkaitan dengan pandangan pelajar terhadap faktor-faktor ponteng kelas. Bahagian ketiga berkaitan dengan kesan intervensi pelajar-pelajar ponteng kelas dan bahagian keempat adalah berkaitan tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas. Pada bahagian kedua, ketiga dan keempat, penulis telah mengadaptasi alat kajian daripada kajian-kajian yang terdahulu. Selain ini juga, penulis turut menggunakan kaedah temubual, ikut serta dan tinjau selidik untuk mengumpul maklumat-maklumat berkenaan gejala ponteng kelas dalam kalangan pelajar IPDAS.

Subjek kajian

Subjek kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar Sijil Pengajian Islam dan Dakwah (SPID). Jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 58 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar lelaki dan perempuan dan daripada jumlah tersebut seramai 10 orang pelajar yang tergolong dalam kes ponteng kelas. Bagi menjawab soalan daripada objektif kajian, penulis telah membahagikan subjek kajian kepada 2 kelompok. Satu kelompok yang terdiri 58 orang pelajar akan menjawab objektif kajian yang kedua. Manakala, kelompok sasaran seramai 10 orang pelajar, akan menjawab objektif yang kedua dan ketiga.

Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di IPDAS. Lokasi kajian dipilih kerana mengambil kira fokus utama kajian iaitu isu masalah ponteng kelas dalam kalangan pelajar-pelajar IPDAS. Sememangnya pemilihan lokasi kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah mengikut kesesuaian dan prosedur kajian. Selain itu juga, tempat ini menjadi pilihan penulis kerana ia dapat memenuhi jumlah sampel-sampel kajian yang diperlukan.

Alat kajian

Dalam kajian ini alat kajian yang digunakan ialah set borang selidik. Borang selidik ini mempunyai empat bahagian iaitu bahagian berkaitan demografi, Bahagian A, B dan C. Bahagian A berkaitan dengan mengenal pasti pandangan pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas. Bahagian B pula berkaitan meninjau kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar pelajar ponteng kelas. Manakala Bahagian C berkaitan dengan pemerhatian tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas. Rujuk lampiran A.

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai keseluruhan keputusan kajian yang diperolehi daripada kajian yang dilakukan.

Objektif 1: Untuk mengenal pasti pandangan pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas.

**Jadual 1: Pandangan pelajar-pelajar terhadap faktor-faktor
yang menyebabkan gejala ponteng kelas.**

Item	Perkara	Min	Sisi piawaian	Interpretasi
1	Saya lebih suka melakukan aktiviti lain daripada belajar.	2.86	1.19	Sederhana
2	Saya rasa seronok berada di IPDAS.	4.55	6.25	Tinggi
3	Saya sentiasa belajar sehingga lewat malam.	2.98	868	Sederhana
4	Saya seorang yang aktif bersukan.	3.45	1.24	Sederhana
5	Saya selesa menggunakan perabot kelas untuk aktiviti pembelajaran.	3.69	1.07	Sederhana
6	Saya rasa bilangan pelajar di dalam kelas saya terlalu ramai.	3.17	1.01	Sederhana
7	Saya seronok dengan suasana di dalam kelas.	4.02	1.01	Tinggi
8	Peraturan IPDAS sangat ketat.	3.17	976	Sederhana
9	IPDAS menyediakan kemudahan pembelajaran yang cukup untuk saya dan rakan-rakan gunakan.	4.02	1.01	Tinggi
10	Saya rasa pensyarah saya membosankan.	1.81	1.10	Rendah
11	Pensyarah saya menjalankan pelbagai aktiviti yang menarik semasa pembelajaran.	4.10	810	Tinggi
12	Pensyarah tidak mementingkan saya dalam aktiviti pembelajaran dalam kelas.	1.97	955	Rendah
13	Pensyarah akan menghukum saya sekiranya saya membuat kesalahan.	2.95	955	Rendah
14	Pensyarah memberi tugas yang terlalu banyak kepada saya.	2.91	1.13	Rendah

15	Pensyarah saya sentiasa menepati masa.	3.72	970	Tinggi
16	Hubungan saya dengan pensyarah-pensyarah adalah baik.	4.38	1.13	Tinggi
17	Saya senang memahami penjelasan pensyarah.	4.00	772	Tinggi
18	Saya sememangnya meminati program yang saya ikuti di IPDAS.	4.03	973	Tinggi
19	Saya tidak suka bersedia untuk ke kelas.	2.12	1.41	Rendah
20	Saya tidak suka jadual kelas saya.	2.02	.982	Rendah
Keseluruhan		3.29		

Jadual 1 menunjukkan analisis item 1 hingga 20 bagi persoalan kajian yang pertama iaitu untuk melihat pandangan pelajar-pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas. Hasil analisis ini menunjukkan masing-masing item berada pada paras tinggi, sederhana dan rendah. Min yang tertinggi bagi analisis item-item ini adalah item 2 dengan nilai 4.55. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju dengan kenyataan “rasa seronok berada di IPDAS”. Seterusnya item ke 16 telah mencatat nilai min kedua tertinggi dengan nilai 4.38. Item ini berkaitan dengan kenyataan “hubungan saya dengan pensyarah-pensyarah adalah baik” dan perkara ini sudah menjadi amalan bagi pelajar-pelajar IPDAS yang sentiasa menghormati pensyarah-pensyarah mereka. Item ke 10 menunjukkan nilai min paling rendah iaitu nilai 1.81 dengan pernyataan “saya rasa pensyarah saya membosankan”.

Daripada nilai ini, keseluruhan sampel bersetuju bahawa pensyarah IPDAS tidak membosankan dan mereka menjadi pemangkin semangat mereka untuk sentiasa hadir ke kelas. Purata min keseluruhan bagi bahagian ini ialah 3.29 yang juga merupakan nilai min di tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa

pandangan pelajar-pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas di IPDAS adalah berada di tahap sederhana.

Objektif 2: Untuk meninjau kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar ponteng kelas

Jadual 2: Program pembangunan sahsiah yang mengetengahkan terapi kaunseling untuk membantu pelajar bermasalah

Masalah sasaran secara umum	Kumpulan rawatan	Intervensi individu dan berkumpulan	Kesan tingkah laku
■ Masalah kekeluargaan ■ Masalah peribadi ■ Susah mahu bangun pagi ■ Tidak berminat dengan subjek tertentu ■ Masalah percintaan ■ Sengaja tidak datang ke kelas ■ Mata pelajaran yang sukar untuk difahami ■ Kurang sokongan daripada rakan sebaya ■ Merasa diri boleh selesaikan masalah sendiri	10 orang pelajar (kelompok rawatan)	✧ Changing one's language ✧ Latihan asertif ✧ Positive or negative reinforcement ✧ Breathing technigue ✧ Mindfulness ✧ Positive reinforcement ✧ Program motivasi sebelum peperiksaan akhir semester ✧ Program Retreat ✧ Program eksplorasi kerjaya	✧ Melahirkan pelajar yang berdisplin dan sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan ✧ Pelajar dibenarkan masuk ke dewan peperiksaan setelah mengadakan perbincangan dengan pensyarah-pensyarah yang kurang peratus kehadiran ke kelas ✧ Lebih awal datang ke kelas ✧ Mengambil bahagian dalam kelas ✧ Meningkatkan konsep sendiri pelajar. ✧ Hubungan pensyarah bertambah baik ✧ Peratus kehadiran akan menjadi lebih baik

Jadual 2 ini merupakan hasil temu bual bersama kaunseor IPDAS berkaitan program pembangunan yang mengetengahkan terapi kaunseling untuk membantu pelajar-pelajar bermasalah khususnya pelajar ponteng kelas. Melalui hasil temu bual ini, terdapat beberapa jenis program pembangunan sahsiah anjuran Seksyen Psikologi dan Kaunseling IPDAS yang pernah disertai oleh pelajar. Antaranya intervensi individu atau intervensi berkumpulan.

Hasil temu bual bersama pelajar mendapati bahawa majoriti mereka pernah mengikuti program pembangunan individu seperti *Changing one's language*, *Latihan asertif*, *Positive or negative reinforcement*, *Breathing Mindfulness*, *Positive reinforcement*. Begitu juga dengan program intervensi berkumpulan seperti Program motivasi sebelum peperiksaan akhir semester, Program retreat dan Program eksplorasi kerjaya. Segelintir daripada mereka telah menyertai program lain seperti Program kemerdekaan dan Pertandingan nasyid. Hasil pemerhatian ke atas pelajar ini, secara umumnya terdapat perubahan yang positif dalam kalangan mereka. Ini jelas terbukti apabila hubungan dengan rakan sebaya menjadi baik, tidak melanggar peraturan IPDAS, mengambil bahagian dalam kelas dan menjadi individu yang lebih berdisiplin.

Objektif 3: Untuk meninjau tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas

Jadual 3: Sebelum intervensi dan tahap motivasi pelajar

Bil	Sebelum menerima intervensi	Tahap motivasi pelajar
1.	■ Pelajar mengalami masalah seperti kurang pergaulan, selalu menghabiskan masa di bilik, peratus kehadiran pelajar sesi pagi rendah dan kelayakan masuk dewan peperiksaan telah di sekat. ■ Kurang yakin dengan kaunselor ■ Tidak mahu berada pada sesi kaunseling bersama kaunselor	Rendah

Hasil tinjauan yang telah dibuat ke atas kelompok rawatan ini sebelum intervensi dilakukan mendapati tahap motivasi pelajar-pelajar ini adalah rendah. Ia dapat dilihat melalui interaksi mereka bersama persekitaran.

Hasil temubual bersama mereka mendapati bahawa motivasi intrinsik dalam diri mereka agak rendah. Ini dibuktikan dengan kecenderungan mereka bersama persekitaran dan semasa keberadaan di kelas. Apabila soalan diajukan kepada mereka pergerakan isyarat badan menunjukkan sikap samal lewa, rasa malu dan kurang bersemangat. Begitu juga dengan motivasi ekstrinsik, mereka menunjukkan sikap kurang berminat dengan aktiviti yang dianjurkan oleh IPDAS, kurang penglibatan sukan dan kurang mesra bersama rakan sebaya. Hasil temubual bersama kaunselor IPDAS menyatakan bahawa motivasi pelajar-pelajar menjadi rendah disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya adalah masalah kekeluargaan, percintaan, penerimaan yang kurang terhadap subjek yang sukar dan kurang kekuatan jati diri sekiranya menghadapi masalah. Kesan

masalah ini memberi kesan ke atas motivasi, minat dan akhirnya mereka bertindak untuk mengasingkan diri.

Terdapat pelbagai rawatan yang telah dilakukan untuk mengatasi masalah ponteng kelas ini, antaranya adalah kaunseling individu, kaunseling berkelompok, program-program pembinaan jati diri dan motivasi sendiri. Hasil daripada intervensi ini mendapati bahawa terdapat perubahan yang sangat ketara terhadap tahap motivasi mereka.

Jadual 4: Selepas intervensi dan tahap motivasi pelajar ponteng kelas

Bil	Selepas menerima intervensi	Tahap motivasi pelajar
■	Pelajar bergiat aktif dengan kelab dan persatuan	Tinggi
■	Boleh berkomunikasi dengan baik	
■	Pergaulan yang baik	
■	Sentiasa datang awal ke kelas	

Hasil daripada intervensi yang dilakukan menunjukkan bahawa keseluruhan kelompok rawatan ini mengalami perubahan yang sangat ketara. Antaranya adalah tahap motivasi mereka. Hasil intervensi ini berjaya menurunkan kadar ponteng kelas, membentuk sahsiah yang berdisplin, pergaulan yang baik dan sentiasa datang awal ke kelas.

PERBINCANGAN

Objektif 1: Untuk mengenal pasti pandangan pelajar terhadap faktor-faktor yang menyebabkan gejala ponteng kelas

Merujuk kepada objektif kajian yang pertama ini mendapati bahawa majoriti responden memberikan maklum balas positif dan bersetuju dengan persoalan yang diajukan. Sebanyak dua puluh item soalan dikemukakan pada bahagian ini dan min keseluruhan yang diperolehi adalah 3.29 dan berada pada tahap sederhana. Selain itu, min bagi item tertinggi adalah 4.55. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka menyatakan “rasa seronok berada di IPDAS kerana persekitaran dan prasarana IPDAS” bukan penyebab atau punca ketidakhadiran mereka ke kelas. Ia juga dibuktikan pada item yang paling rendah iaitu item ke 1.81 dengan pernyataan “saya rasa pensyarah saya membosankan. Ini jelas menunjukkan bahawa pensyarah bukan faktor menyumbang kepada gejala ponteng kelas.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa gejala ponteng kelas ini bukannya daripada faktor guru dan persekitaran tempat pembelajaran namun berkemungkinan besar daripada faktor lain seperti sikap individu. Ini bertepatan dengan pendapat yang dijelaskan oleh Azizah binti Lebai Nordin (2002) bahawa sikap individu merupakan punca kepada faktor ketidakhadiran ke kelas dan menyebabkan gejala semakin berleluasa.

Objektif 2: Untuk meninjau kesan intervensi terhadap tingkah laku pelajar ponteng kelas

Berdasarkan analisis keseluruhan jadual 2, terdapat dua kaedah terapi kaunseling yang digunakan sebagai intervensi bagi membantu menyelesaikan

masalah pelajar ponteng kelas di IPDAS. Hasil temubual bersama kaunselor IPDAS menunjukkan bahawa keseluruhan kelompok sasaran ini akan menjalani intervensi yang telah ditetapkan mengikut *Standard Operating Procedure* oleh Seksyen Psikologi dan Kaunseling.

Pelajar-pelajar yang dikenal pasti sebagai individu yang bermasalah ponteng kelas akan menerima intervensi secara berkala dan berterusan. Ini berdasarkan kepatuhan mereka menjalani intervensi yang disediakan. Antara kaedah yang digunakan membantu pelajar-pelajar ini adalah *Hanging One's Language*, *Latihanertif*, *Positive or negative reinforcement*, *Breathing technigue*, *Mindfulness*, dan *Positive reinforcement*.

Terapi ini digunakan untuk mengubah tingkah laku pasif, tidak bermotivasi, kurang keyakinan menjadi individu yang sentiasa positif. Antara terapi yang sering digunakan oleh kaunselor ialah *mindfulness* iaitu berkaitan merangsang kesedaran dengan menyentuh *here* dan *now* yang meliputi psikospiritual. Pemilihan intervensi-intervensi ini adalah penting kerana ia dapat membantu keberkesanan pelajar yang bermasalah (Kelly et al. 2010a; 2010b; Kelly & Stone 2009; Franklin et al. 2009). Selain itu, Seksyen Psikologi dan Kaunseling telah merancang program-program pembangunan sahsiah seperti Program motivasi sebelum peperiksaan akhir semester, Program retreat dan Program eksplorasi kerjaya. Program-program ini dirancang bertujuan membentuk motivasi pelajar-pelajar IPDAS, meningkatkan kesedaran, mengeratkan hubungan sesama insan, meningkatkan psikospiritual dan membentuk jati diri yang berakhlak dan beriman kepada Allah. Keseluruhan intervensi yang dijalankan oleh Seksyen Psikologi dan Kaunseling memberi kesan terhadap perubahan tingkah laku pelajar-pelajar IPDAS.

Objektif 3: Untuk meninjau tahap motivasi sebelum dan selepas intervensi gejala ponteng kelas

Hasil dapatan kajian daripada pemerhatian mendapati keseluruhan sasaran kajian yang terlibat mempunyai tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang tinggi dalam mendorong mereka untuk berubah dan tidak ponteng kelas. Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan yang ketara sebelum intervensi dan selepas intervensi dilakukan. Perbezaan ini dapat dilihat melalui peratusan kehadiran mereka ke kelas, pergaulan sesama mereka dan penglibatan mereka dalam aktiviti kelab dan persatuan.

Hasil temubual mendapati bahawa majoriti kelompok sasaran ini berusaha untuk hadir ke kelas, meningkatkan prestasi serta motivasi mereka. Jika ditanya apakah punca membolehkan mereka untuk berubah, majoriti menyatakan adalah sokongan ahli keluarga yang erat khususnya ibu bapa. Menurut kajian Hassan (2004), ahli keluarga memainkan peranan yang cukup penting dalam pendidikan anak-anak mereka. Selain membantu membina matlamat, ibu bapa turut menyumbang motivasi pelajar untuk berubah dan berjaya. Selain itu, ketika ditanya tentang “gaya penyampaian pensyarah di kelas boleh meningkatkan motivasi mereka?”. Majoriti bersetuju bahawa teknik pengajaran pensyarah yang menyeronoknya meningkatkan motivasi mereka untuk belajar. Secara keseluruhannya tahap motivasi pelajar-pelajar mempunyai hubungan dengan intervensi yang dijalankan ke atas mereka.

IMPLIKASI/CADANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini telah memberi sumbangan ilmu pengetahuan yang lebih mendalam tentang isu masalah ponteng dalam kalangan pelajar di IPDAS Kampus Keningau. Oleh itu, para pensyarah perlu memastikan gaya pengajaran

di dalam kelas adalah sentiasa relevan dan mampu menjadi tarikan utama untuk pelajar hadir ke kuliah.

Hasil daripada rumusan dan perbincangan, maka penyelidik ingin mengemukakan cadangan-cadangan penyelesaian dan langkah-langkah ke arah mempertingkatkan gaya pengajaran pensyarah dan mengatasi masalah ponteng dalam kalangan pelajar. Cadangan ini melibatkan pihak-pihak tertentu. Penggunaan populasi yang lebih luas sebagai sampel agar dapatan kajian boleh mewakili populasi yang besar dan dapatan tersebut dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh terhadap gaya pengajaran para pensyarah dan tahap ponteng pelajar di IPDAS Kampus Keningau. Penyelidik akan membuat kajian di antara pelajar-pelajar program Sijil Pengajian Islam dan Dakwah (SPID) dan para pensyarah kursus bagi program SPID ini. Penyelidik perlu menggunakan pendekatan kualitatif sebagai alternatif kerana penyelidik sendiri bertindak sebagai instrumen dan data dikumpul melalui temubual dan pemerhatian. Oleh itu, kajian menjadi lebih bermakna berbanding penggunaan kaedah tinjauan semata-mata. Gambaran lebih menyeluruh juga dapat diperoleh jika penyelidik menggunakan alat kajian yang sebenar berkaitan faktor-faktor ponteng kelas dalam kalangan pelajar IPDAS.

LIMITASI KAJIAN

Secara keseluruhannya, terdapat kekangan masa untuk menjalankan kajian dan penyelidikan dan secara tidak langsung untuk menghasilkan kerja penyelidikan yang baik tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Selain itu, program intervensi perlu dilakukan secara berterusan bagi memastikan kelompok sasaran benar-benar mengalami perubahan. Terdapat kekangan di dalam kajian ini untuk melihat sejauh mana kesan perubahan seseorang melalui intervensi ini kerana lazimnya usaha ini memerlukan tempoh

masa yang panjang. Oleh itu, dapatan yang diperolehi tidak memberi kepuasan kepada penyelidik dan pengkaji yang lain.

Di samping itu, terdapat sampel-sampel kajian kurang memberi kerjasama semasa menjawab borang soal selidik. Daripada 10 borang soal selidik yang diberikan kepada kelompok sasaran, hanya 8 orang sampel dapat menjawab soalan yang diberikan dengan baik. Ini bermakna mereka kurang memberi kerjasama.

Memandangkan kajian ini melibatkan pelajar-pelajar program sijil maka maklumat yang ingin dijadikan rujukan dan bukti statistik yang jelas tidak dapat ditemui. Hal ini kerana, permulaan dokumentasi untuk rekod ketidakhadiran ke kelas bermula pertengahan tahun 2018. Justeru itu, jika penulis ingin melihat data peratusan secara keseluruhan maka tidak semua maklumat yang diinginkan dapat ditemui melalui dokumentasi dan ini bukan sahaja menyulitkan penulis bahkan banyak masa terbuang dengan hanya mencari bukti-bukti yang sukar ditemui.

KESIMPULAN

Gejala ponteng merupakan isu dan permasalahan masa kini yang hebat melanda landskap pendidikan negara sama ada di peringkat pendidikan rendah mahupun peringkat pendidikan tinggi. Menyedari hakikat bahawa kesan gejala ponteng ini jika diabaikan akan membawa kepada ketiadaan belia yang berkaliber dan berkualiti sebagai tonggak pemimpin pada masa hadapan, maka satu usaha untuk mengenal pasti punca gejala ini berlaku serta resolusi tuntas perlu dilaksanakan.

Sehubungan dengan itu, Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) telah mengambil langkah proaktif untuk melakukan satu kajian tindakan bagi menangani isu gejala ponteng ini daripada terus menular dalam landskap pendidikan khususnya di IPDAS. Pelbagai inisiatif telah dirancang dan dilaksanakan untuk mengenal pasti punca gejala ini berleluasa dalam kalangan pelajar IPDAS serta mencari resolusi yang terbaik bagi memastikan gejala ini dapat ditangani dengan efektif.

Penggunaan set soal selidik yang merangkumi item soalan yang menyeluruh telah berjaya mengenal pasti punca gejala ponteng ini berlaku. Pelbagai reaksi diberikan oleh responden terhadap soal selidik ini. Sejurus selepas itu, program intervensi telah dirancang bagi menangani punca gejala ponteng ini berlaku antaranya penganjuran aktiviti dan program bersifat ilmiah, patriotik dan kemasyarakatan yang mampu meningkatkan tahap motivasi mereka untuk membuat perubahan sendiri ke arah lebih baik. Selain itu, sesi kaunseling turut dilaksanakan sama ada kaunseling individu mahupun kaunseling berkelompok.

Menariknya adalah hasil dapatan kajian memberi isyarat yang jelas bahawa kajian tindakan ini telah memberikan satu impak yang besar untuk menangani gejala ponteng ini apabila para pelaku ponteng kelas telah menunjukkan perubahan sikap positif dengan mula memperbaiki rekod kehadiran ke kelas. Tidak hanya berhenti di situ, mereka turut menunjukkan penglibatan aktif di dalam sesi pembelajaran, melahirkan pergaulan yang mesra dan beradab sesama rakan mahupun terhadap pensyarah. Ini membuktikan bahawa kajian tindakan ini telah membuahkan hasil yang bermanfaat serta menyumbang kepada penurunan indeks ketidakhadiran pelajar IPDAS ke kelas. Tidak dinafikan juga bahawa kajian tindakan ini boleh dianggap satu ruang dan peluang kepada pihak pengurusan IPDAS untuk melahirkan barisan pensyarah yang berfikir kritis dan analitikal terhadap sesuai isu yang melanda landskap pendidikan khususnya di IPDAS.

RUJUKAN

- Alvarez, N. G. (2009). *The effect of psychoeducational intervention on rural high school freshmen's self-reported career self-efficacy*. Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan. St. Mary's University, Texas, Amerika Syarikat.
- Akma Abd. Hamid, & Bhasah Abu Bakar. (2005). *Stres dikalangan pelajar-pelajar bermasalah di sekolah menengah*. Prosiding Seminar Pendidikan. Hotel Shangri La, Pulau Pinang (hh. 732-739).
- Baharudin Othman. (15 Ogos 2020). *Prosedur pengeluaran surat amaran dan pelajar bermasalah*. IPDAS
- Dayangku Ezharrina Awangku Matarsad (20 Ogos 2020). *Keputusan Peperiksaan Pelajar Sijil Pengajian Islam Semester 3 Ipdas*. IPDAS
- Fortin, L. (2003). *Students' antisocial and aggressive behavior: Development and prediction*. Journal of Education, 41(6), 669–688.
- Hunt, M. K., & Hopko, D. R. (2009). *Predicting high school truancy among students in the Appalachian South*. Journal of Primary Prevention, 30(5), 549–567.
- Jamal Adil Ahmad Shukri. (21 Ogos 2020). *Program dekat di hati*. IPDAS
- James Ang Jit Eng. (2005). *Pengurusan disiplin sekolah: Pendekatan alternatif menangani gejala disiplin di sekolah*. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 15(1), 1- 17. James Yeow. (2005). *Counsellor burnout*. Inti Journal, 1(5), 398-409.
- Lloyd, N. N. (2006). *Pupil disaffection in areas of socio-economic disadvantage: Implications for effective school leadership*. Management in Education, 20(5), 23– 31.
- Mat Kilau Idris (1997). *Gejala ponteng sekolah antara para pelajar sekolah menengah*. Unpublished master's thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Mohd Hafizi Nurodin. (23 Ogos 2020). *Jenis-jenis terapi kaunseling*. IPDAS
- Muhammed Sharif Mustaffa, & Suria Abd Jamil (2012). *Mengenal pasti punca-punca masalah ponteng di kalangan pelajar sekolah rendah: Satu kajian kes*. Journal of Educational Psychology & Counseling, 6, 50–73.

Ng, K. G. (2005). *Hubungan antara punca-punca ponteng dengan tahap ponteng sekolah di kalangan pelajar tingkatan 4 Bahagian Pendalaman Sabah*. Unpublished master's thesis, Universiti Malaysia Sabah.

Nor Shafirah Ali (1 Oktober 2020). *Tingkah laku pelajar di asrama*. IPDAS

LAMPIRAN



Temubual bersama kaunselor IPDAS



Program penyelidikan bersama pelajar SAPID



Program penyelidikan bersama pelajar SAPID



Temubual bersama pelajar SAPID, IPDAS



**INSTITUT PENGAJIAN ISLAM DAN DAKWAH SABAH
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Beg Berkunci No.12, KM6 Jln Kg Menawo,
89009 Keningau, Sabah



myipdas.islam.gov.my



087-331868



087-336087